Galeri Ilmu
Syurga
lebih hampir tanpa
RIBA
Mengungkai isu
sensasi dan
kontroversi
mengenai dosa
besar riba.
HISHAM AHMAD
Syurga lebih hampir tanpa RIBA
HISHAM AHMAD

Syurga lebih hampir tanpa RIBA

Riba, salah satu dosa besar yang nyata namun sering dipandang enteng oleh kebanyakan orang. Justeru, riba hidup subur dalam banyak urusan seharian kita. Riba paling tegar dalam sistem guaman, perbankan dan kewangan. Amalan riba membuka ruang untuk kita meniti jalan pintas ke neraka. Pun demikian, kita sebenarnya mampu untuk melangkah lebih hampir ke syurga andainya riba kita tinggalkan.

Buku SYURGA LEBIH HAMPIR TANPA RIBA ini am dialu-alukan dalam memahami tanggungjawab sebag seorang peguam Muslim di Malaysia yang sentia berhadapan dengan pelbagai masalah dalam melaksanak tugas mereka dalam bidang guaman dan perundanga Penulis membincangkan isu dan permasalahan riba d perspektif pengamal undang-undang, dengan bersandark dalil-dalil daripada al-Quran, hadis dan juga fatwa-fatv ulama secara jelas dan terperinci.

Buku ini boleh dijadikan bahan rujukan unt pengamal undang-undang yang mempunyai kesedar untuk memahami dan menjauhi amalan riba.

DR HUSNA FAUZI
Pensyarah Undang-undang,
Kulliyyah Undang-undang Ahmad Ibrahim
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Sebagai seorang peguam yang pernah menjadi raka kongsi dan pemilik tunggal (sole proprieter) kepada sebua firma guaman, saya akui buku ini bukan sahaja perlu mala 'wajib' dimiliki, dibaca dan dihayati oleh setiap pengam undang-undang terutamanya pada para peguam Musli yang bercita-cita mahu meletakkan syariat Allah itu sebag tunggak dalam karier mereka.

Para peguam bukan sahaja perlu bijaksana dala menegakkan keadilan pada anak guam mereka, bahka mesti bijak untuk meletakkan keadilan itu terlebih dahul pada diri dan karier mereka. Kerana itu keutamaan dala membina karier guaman harus bermatlamatkan pad keutamaan dalam menjauhi pengaruh riba yang selam ini sudah tidak menjadi dosa pelik pada profesion yan dianggap berprestij ini.

ZABIDI BIN MOHAMED
Bekas peguam, kini penulis skrip drama

Saya amat mengalu-alukan sebarang bentuk kempe 'anti riba' yang dilakukan oleh mana-mana pihak keran perjuangan ini amat besar sekali. Didoakan penulisa saudara Hisham Ahmad yang agak berani ini dapa mempengaruhi seramai mungkin pengamal sistem rib sekarang berhijrah dengan serta-merta.

Kita sudah punyai pelbagai produk kewangan yan berkonsepkan syariah untuk umat Islam memilih. Tiad alasan juga untuk umat Islam terus bekerja dan melanggar instrumen kewangan yang tidak patuh syariah atau lebi tepat 'sistem perbankan haram'. Sama-samalah kita berdo agar sentiasa diberi kekuatan untuk menjadi da'i yan terbaik dalam bidang muamalah ini. Semoga Allah membe ganjaran setimpal kepada usaha murni ini kepada penul dan semua mereka yang terlibat dalam penerbitan buku in

HAJAH ROHANI DATUK HJ MOHD SHAHIR
Executive Chairman/Principal Consultant
Hijrah Wealth Management Sdn Bhd

GB0151

Syurga lebih hampir tanpa RIBA

Jabir r.a. berkata,

"Rasulullah ﷺ melaknat orang yang memakan riba, orang yang memberikannya, penulisnya dan dua saksinya, dan baginda berkata, 'Mereka semua adalah sama'."

(Hadis Riwayat Muslim)

HISHAM BIN AHMAD, lulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-undang dari UKM dan memiliki Diploma dalam Undang-undang Islam dan Amalan dari UIAM. Merupakan peguam sivil dan peguam syarie dan terlibat dalam kerjaya guaman lebih sedekad. Beliau kini menetap di Melaka dan memiliki syarikat guaman sendiri.

Syurga lebih hampir tanpa RIBA

Syurga Lebih Hampir Tanpa Riba
Cetakan Pertama 2012

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Hisham Ahmad, 1972
Syurga lebih hampir tanpa riba / Hisham Ahmad.
Bibliografi: ms.
ISBN 978-983-097-331-9
1. Interest (Islamic law). 2. Finance--Religious aspects--Islam I. Judul.
972.273

Galeri Ilmu

Diterbitkan oleh:
Galeri Ilmu Sdn. Bhd.
44, Astana Karya, Jln. Pekaka 8/3, Seksyen 8
Kota Damansara
47810 Petaling Jaya, Selangor.
Tel: 03-61421614 *Faks:* 03-61421612
www.galeriilmu.com.my

Editor Perolehan/Pruf: Suraiya Pauzi
Penyunting: Mazneera Zainal
Konsep Reka Bentuk: Hj. Badrul Hisham Shari
Reka Bentuk Kulit: Mislan Samsuri
Reka Letak: Nooraida Jaafar

Muka Taip Teks: Melior
Saiz Muka Taip: 10.5 poin

Dicetak oleh:
FDZ Design & Communication
25-B, Jalan 12/144A,
Taman Bukit Cheras,
56000 Kuala Lumpur.

Syurga lebih hampir tanpa RIBA

HISHAM AHMAD

Kandungan

Muqaddimah

SEGALA puji hanya bagi Allah. Saya bersaksi bahawa tiada tuhan yang disembah melainkan Allah dan saya bersaksi bahawa Nabi Muhammad itu adalah Rasulullah. Salam dan selawat ke atas baginda ﷺ ahli keluarga dan para sahabatnya.

Pada 28 Mac 1997, saya diterima masuk sebagai Peguambela dan Peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya. Sejak itu, saya telah melalui pengalaman bekerja makan gaji sebagai peguam, mempunyai firma guaman secara perkongsian dan kini beroperasi sendiri secara milikan tunggal. Bermula di Kuala Lumpur, lebih 10 tahun di Batu Pahat, Johor dan kini di negeri Melaka, berdekatan ibu bapa tercinta.

Virus riba. Saya mulai menyedari kewujudan virus riba ini beberapa tahun dahulu. Virus ini telah sekian lama hidup subur dalam aktiviti 'cari makan' firma guaman. Ketika itu firma guaman kami turut dijangkitinya. Begitulah senasib juga firma-firma guaman yang lain. Mungkin telah merebak seluruh negara. Peguam Muslim

dan bukan Muslim, sama-sama terpalit. Cuma virus ini hanya berbahaya kepada peguam berstatus Muslim.

Saya cuba memahami.

Alkisah, virus riba ini telah begitu lama hidup dan berkembang biak melalui sistem kewangan dan perbankan, seawal kelahiran sistem perbankan konvensional di muka bumi ini. Sekarang di era kontemporari, implikasi penyebaran virus ini jauh lebih berisiko tinggi kerana institusi kewangan dan perbankan dianggap suatu keperluan, atau tidak berlebihan untuk dikatakan sebagai suatu kemestian, bagi manusia memenuhi tuntutan syahwat kehidupan.

Semakin mengenali, semakin gementar hati ini. Virus riba terlalu berbahaya. Jalan pintas ke neraka. Rasa takut melanda hati. Serasa cahaya hidayah mula menyinari. Kembara mencari ilmu riba dimulai.

Man jadda wa jada. Siapa yang berusaha, dia akan dapat. Bukankah itu janji Allah? Setelah melalui perjalanan yang menguji, kembara akhirnya sampai ke destinasi. Jawapan dicari telah diperolehi. Saya telah semakin memahami khusus pada gaya hidup bebas virus ini dalam suasana hidup dan realiti kerja hari ini. Bahkan, saya telah melalui proses ilmu sepanjang perjalanan. Akhirnya saya sedar, ia sebenarnya adalah sebuah 'Kembara Hidayah'.

Syurga Lebih Hampir Tanpa Riba, adalah sebahagian daripada natijah kembara itu. Sebahagian yang lain biarlah menjadi rahsia hidup. Saya percaya pembaca akan merasai kelainan kisah, fakta dan teladan berbanding sekian banyak buku seumpama di pasaran. Ia bersifat ilmiah, praktikal dengan suasana semasa serta relevan dengan kerjaya dan kehidupan diri sendiri dan orang-orang yang kita sayangi.

Semoga buku ini memberi manfaaat kepada ‘akhirat saya’ dan menjadi musabab hidayah kepada sekian ramai manusia yang dikehendaki-Nya. Ketahuilah, sesiapa yang diberi hidayah oleh Allah, pasti tiada sesiapa pun yang dapat menyesatkannya. Manakala sesiapa yang disesatkan oleh-Nya, pasti tiada sesiapa pun yang dapat memberi hidayah kepadanya.

ABU KHADEEJA AISYA HISHAM BIN AHMAD
Bukit Kecil, Pernu,
Melaka.

BAB 1

Peguam Muslim Terlibat Dengan Riba?

KERJAYA PEGUAM BAGI ORANG ISLAM

TERDAPAT berpuluh ribu orang peguam di Malaysia ini. Sebahagian besar daripada mereka ini bertugas di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, Johor Bahru, Pulau Pinang, Ipoh dan beberapa daerah di Selangor. Ramai daripada peguam ini adalah peguam-peguam Muslim atau beragama Islam. Namun, peguam yang beramal hanya sebagai peguam syarie tidak dimaksudkan bagi perbincangan di sini.

Terdapat juga sekarang ini begitu ramai penuntut jurusan undang-undang di institusi-institusi pengajian tinggi tempatan dan luar negara, sama ada institut pengajian tinggi awam mahupun swasta. Cubalah tanya bilangan pelajar undang-undang beragama Islam bagi satu-satu tahun atau sesi di Universiti Islam Antarabangsa, Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan sebagainya. Sebahagian besar daripada mereka ini apabila diijazahkan kelak, akan beramal sebagai peguambela dan peguamcara dan menyertai firma-firma guaman

manakala selebihnya akan menyertai syarikat-syarikat swasta, institusi kerajaan, bahagian pendidikan dan sebagainya.

Adalah dipercayai bahawa di persada pekerjaan sekarang terdapat ribuan peguam Muslim. Beribu-ribu lagi anak-anak orang Islam kita yang sedang mengharungi alam universiti dan sedang begitu teruja untuk menggenggam Ijazah Sarjana Muda Undang-undang. Mereka tidak sabar-sabar untuk melalui proses *chambering* (Latihan Dalam Kamar) dengan seorang *Master* (peguam senior dengan sekurang-kurangnya tujuh tahun pengalaman) bagi tempoh sembilan bulan sehingga layak diterima masuk dan didaftarkan sebagai peguam. Selepas itu mereka perlu pula memperolehi sijil amalan guaman dan barulah mereka menjadi peguam yang sah dan layak beramal.

Kerjaya Glamor

Peguam adalah satu bidang profesional yang mulia dan dihormati (*honourable and respectable profession*). Pada peringkat universiti lagi, pelajar undang-undang sudah merasa betapa gahnya kursus ini. Tiada keraguan bahawa ia adalah bidang kerjaya yang sangat penting dan menarik, yang mampu menyesuaikan diri dalam banyak bidang lain (di alam pekerjaan) pada tugas atau jawatan yang penting.

Ramai ibu bapa, guru dan kebanyakan ahli masyarakat moden lazimnya memberi rangsangan dan galakan kepada anak-anak mereka untuk menjadi peguam. Malah sejak dahulu juga kerjaya peguam diterima sebagai kerjaya yang ada kelas. Jika tidak, tidaklah ibu mentua Kassim Selamat (di dalam filem tersohor P. Ramlee *"Ibu Mertuaku"*) bertanyakan kerjaya lelaki yang dicintai anak gadisnya itu sama ada peguam atau majistret.

Apatah lagi dalam suasana masa kini, masyarakat didedahkan dengan pelbagai berita dan kisah berkaitan perundangan. Budaya saman-menyaman semakin berkembang. Masing-masing sudah pandai berkata, "*talk to my lawyer*". Tersalah cakap, boleh mengundang saman fitnah. Sama ada dengan reputasi baik atau sebaliknya, kerjaya peguam menjadi bertambah glamor, penting dan lumayan.

Budaya saman-menyaman semakin berkembang. Masing-masing sudah pandai berkata, "*talk to my lawyer*". Tersalah cakap, boleh mengundang saman fitnah.

Sedarilah bahawa anak-anak kita yang bercita-cita menjadi peguam dan anak-anak yang kini dalam proses untuk menjadi peguam sebenarnya berisiko untuk terlibat dalam **bahana dosa 'riba'**.

Riba adalah termasuk dalam salah satu dosa besar. Mereka ini pula mempunyai ibu bapa, saudara-mara, kenalan dan kelak akan berumah tangga dan mempunyai anak-anak. Jika terlibat kelak, percikan bahana riba ini akan turut melukai orang-orang di sekeliling mereka, yakni orang-orang yang mereka sayangi. Namun bagaimana semua ini boleh berlaku?

Memahami Kedudukan Seorang Peguam Muslim dan Kerjanya

Peguam-peguam Muslim dan kebanyakan daripada mereka mungkin berada dalam kedudukan seperti di bawah. Kedudukan itu pula boleh berubah dari semasa ke semasa kepada lebih baik atau sebaliknya.

(1) Peguam Muslim yang memiliki firma guaman sama ada secara bukan milik perseorangan atau secara perkongsian iaitu sekurang-kurangnya dua peguam pekongsi (*partners*). Tiada pemilikan secara syarikat sendirian berhad. Lazimnya pekongsi-pekongsi berkongsi keuntungan dan liabiliti secara yang dipersetujui antara mereka, sama ada 50-50 peratus atau selainnya. Mereka adalah peguam-peguam pemilik firma atau perniagaan mengikut peratusan pemilikan setiap mereka. Jika firma berkembang maju dan menjadi lebih stabil, maka akan ada seorang atau lebih peguam yang bekerja makan gaji secara bulanan di firma itu.

(2) Firma guaman yang mana pekongsinya antara Muslim dan bukan Muslim, atau Muslim sesama Muslim. Ada pula peguam Muslim yang bekerja makan gaji dengan firma-firma ini dan begitulah sebalik. Ini adalah situasi yang lazim.

(3) Semua peguam sivil mempunyai lesen atau sijil amalan atas nama sendiri. Peguam-peguam sivil (Muslim) ini ramai juga yang menjadi peguam syarie di negeri-negeri mengikut sijil amalan guaman syarie.

(4) Semua peguam sivil dan semua firma guaman sivil (golongan ini bukan peguam yang bekerja dengan kerajaan seperti Pendakwa, Penasihat Undang-Undang Negeri dan lain-lain) secara amnya mempunyai kelayakan untuk melaksanakan tugasan atau kes-kes yang sama lazimnya.

(5) Jika tidak semua, kebanyakan firma guaman lazimnya melaksanakan tugas-tugas dan kes-kes seperti kes jenayah, kes tuntutan sivil dan penyempurnaan dokumen undang-undang dalam pelbagai jenis, bidang dan perkara.

Tugas Firma Muslim dan Peguam Muslim

Kebanyakan firma Muslim dan peguam Muslim menjalankan tugas-tugas seperti berikut:

Tugasan 1: Perwakilan kes jenayah

Lazimnya peguam mewakili tertuduh bagi satu pendakwaan jenayah. Dipercayai tiada masalah isu riba dalam tugas ini.

Tugasan 2: Kes-kes sivil (Luas dan Pelbagai).

Tugasan 3: Kes-kes syarie terhad kepada mereka yang ada sijil peguam syarie mengikut negeri. Kebanyakan peguam syarie yang juga peguam sivil membuat tugasan yang serupa – (tidak dilanjutkan perbincangan).

Perbincangan tentang isu riba dan kaitannya dengan kerjaya peguam akan difokuskan dalam Tugasan 2, iaitu yang berkaitan dengan kes-kes sivil (Luas dan Pelbagai). Tugasan kes-kes sivil (Luas dan Pelbagai) terbahagi kepada dua cabang tugas:

(1) Tugasan Kes-kes Penyempurnaan Dokumentasi Undang-undang (*Conveyancing*).

(2) Tugasan Kes-kes Tuntutan Sivil.

(1) Tugasan Kes-kes Penyempurnaan Dokumentasi Undang-undang *(Conveyancing)*

Tugasan *conveyancing* ini termasuklah penyempurnaan dokumentasi perjanjian dalam pelbagai bentuk dan jenis perjanjian. Antara yang lazim ialah penyempurnaan pindah milik pelbagai bentuk hartanah, sama ada melibatkan pemaju, syarikat ataupun individu penjual atau pembeli.

Bagi kes-kes pemaju perumahan, perjanjian yang digunakan adalah format standard yang disediakan pada akta (oleh kerajaan) di mana ada peruntukan faedah kerana lewat pengeluaran wang progres oleh bank kepada pemaju dan begitu juga jika pemaju lewat menyerahkan pemilikan rumah dalam masa ditetapkan. Faedah lewat ini memang lazim berlaku kerana bank memerlukan masa untuk meluluskan pinjaman tidak kira kemudahan pembiayaan syariah atau pinjaman konvensional.

Dalam urusan pindah milik bagi perjanjian jual beli biasanya ada peruntukan faedah. Peguam bertugas akan menandatangani atau membuat pengakusaksian (*attestation*) sebagai saksi rasmi (*attestation* – bermaksud penyaksian rasmi/profesional oleh peguam pada dokumen undang-undang). Bermakna peguam telah menyaksikan pihak pembeli dan pihak penjual menandatangani kontrak/perjanjian jual beli, menerangkan isi kandungan, mensetemkan, menghantar untuk penilaian sehinggalah didaftarkan pindah milik di pejabat tanah. Tugasan yang juga penting ialah penyempurnaan perjanjian dan gadaian (atas pinjaman). Kes dan tugasan ini begitu banyak dan meluas dilaksanakan dan dengan itu memberi pendapatan yang baik kepada peguam.

(2) Tugasan: Kes-kes Tuntutan Sivil

Tugas peguam ialah sama ada mewakili yang menuntut (menyaman) atau yang dituntut (disaman) antara individu, syarikat dan lain-lain.

Kes Tuntutan Sivil Bank

Tugasan tuntutan sivil yang banyak dilakukan oleh kebanyakan peguam Muslim lain ialah mewakili pihak bank, institusi kewangan dan badan-badan lain seperti syarikat telekomunikasi, pertubuhan-pertubuhan dan syarikat. Kebanyakan firma Muslim yang sederhana adalah panel peguam bank bagi beberapa bank sahaja yang lazimnya adalah bank-bank tempatan termasuklah bank-bank Islam dan bank-bank konvensional yang produk utamanya adalah produk konvensional dan ada juga produk Islam (syariah).

KERJAYA PEGUAM MUSLIM YANG MELIBATKAN RIBA

Berhati-hatilah! Fahami penjelasan di bawah supaya persediaan awal dapat dilakukan. Untuk anak-anak muda-mudi Islam yang menanam impian untuk menjadi peguam, jangan jadi lemah atau putus harapan. Teruskan cita-cita untuk menjadi peguam tetapi mestilah dengan janji dan tekad untuk menjadi peguam yang baik menurut syarak dan diredhai Allah ﷻ. Sudah tentu salah satu syaratnya ialah mesti bebas daripada riba.

Pun begitu, sebelum meneruskan bacaan dan sebelum pembaca memberi pertimbangan kritikal terhadap isu dan hujah dibangkitkan di bawah ini, sekali lagi diingatkan fakta-fakta yang telah jelas dan tidak boleh dipertikaikan.

Kewujudan Riba
(Fakta-Fakta Tidak Boleh Dipertikaikan):

- Dalil pengharaman riba jelas dan terang.

- Pengharaman riba adalah *qatie* (muktamad) dan telah sepakat jumhur ulama.
- Riba adalah dosa besar dan membawa ke neraka.
- Produk-produk konvensional adalah berunsur riba. Pinjaman konvesional adalah riba.

Bagaimana seseorang itu boleh dikatakan terlibat dengan riba?

Sesiapa yang memberi kerjasama dan mengambil bahagian terhadap satu perlakuan dosa, sudah tentu dia turut berdosa. Besar atau kecil dosanya bergantung kepada kepentingan dan sumbangannya kepada perlakuan dosa itu. Ini bolehlah dikatakan sebagai hukum am (*general rule*).

Mengenai isu riba dan kaitannya dengan kerjaya peguam, perbincangan hanya difokuskan kepada tugasan peguam pada bahagian yang melibatkan perbankan dan syarikat kewangan atau yang melibatkan urusan dokumentasi perjanjian. Hubungan antara peguam dan institusi perbankan dan kewangan dalam hal ini, atau bidang khidmat guaman dalam hal perkara ini adalah mewakili peratusan besar dan penting daripada keseluruhan perkhidmatan guaman atau bisnes guaman. Perkhidmatan guaman kepada perbankan dan

institusi kewangan adalah antara bidang perkhidmatan yang memberikan pendapatan lumayan dan menguntungkan.

Pembahagian Mudah

Mereka yang terlibat dalam transaksi riba ini adalah seperti berikut:

1. *Pemakan Riba*

   Pada istilah moden disebut **'penerima riba'**, iaitu mereka yang mendapat hasil atau keuntungan (wang) dalam transaksi riba. Sebagai contoh, seseorang memberikan pinjaman kepada seseorang yang lain dan mengenakan faedah iaitu lebihan bayaran.

2. *Pemberi Riba*

   Orang yang menerima atau membuat pinjaman tadi. Peminjam termasuklah seseorang yang menggunakan khidmat yang berunsur riba. Dalam keadaan sekarang, perbankan banyak menawarkan produk-produk berunsur riba sama ada dalam pelbagai bentuk pinjaman, penggunaan kad kredit dan lain-lain. Sekiranya produk-produk ini dilanggan oleh seseorang atau mana-mana pelanggan, maka pelanggan itu adalah **'pemberi riba'**. Pelangganlah yang memberi lebih wang atau hasil riba kepada pemberi pinjam atau bank.

3. *Saksi dan Penulis Riba*

   Antara pemberi riba, terdapat orang atau pihak-pihak lain yang terlibat dalam membantu atau menjayakan transaksi riba itu, antaranya adalah **'saksi'** dan **'penulis riba'**. Sama ada sumbangannya kecil atau besar, penting atau tidak, langsung atau tidak langsung, kesemuanya adalah suatu kerjasama kepada suatu perlakuan dosa besar, iaitu riba.

Mereka yang menyaksikan transaksi riba ini merangkumi pelbagai bidang yang berkaitan atau berantaian mengikut kerelevanan peranan dan fungsi masing-masing termasuklah peguam, pegawai-pegawai bank, penjamin-penjamin, penggadai, mungkin pihak tertentu di pejabat tanah, pejabat setem, pesuruhjaya-pesuruhjaya sumpah dan sebagainya.

Dari satu aspek sumbangan yang besar, langsung dan penting dalam menjayakan transaksi riba tersebut sudah tentulah besar kedudukan dosa seseorang itu. Namun Allah Taala melalui lisan Rasul-Nya, telah menyamakan mereka semua. Oleh itu yang dikatakan **'penyaksi' itu disifatkan sebagai berada dalam kedudukan yang sama dengan si pemberi riba dan si penerima riba.**

... ngerinya kedudukan peguam kerana dia bukan sekadar memberi pertolongan, malah memberikan khidmat profesional dan mendapat bayaran daripada tugasannya dalam membantu menjayakan transaksi riba itu.

Di sinilah ngerinya kedudukan peguam kerana dia bukan sekadar memberi pertolongan, malah memberikan khidmat profesional dan mendapat bayaran daripada tugasannya dalam membantu menjayakan transaksi riba itu. Bahkan, bagi setiap satu kes atau satu urusan transaksi riba antara pemakan riba dan pemberi riba, ia dikira sebagai satu kes atau satu transaksi bagi pemakan riba dan pemberi riba itu. Sedangkan bagi peguam yang sama, dia akan memberi khidmatnya yang sama bagi kes dan urusan transaksi riba yang lain, yang melibatkan pemakan riba dan penerima riba yang lain.

Senarai tugasan (khidmat riba) itu akan berterusan bagi kes-kes lain yang mendatang. Itulah sebahagian sumber penting pendapatan dan tugas lazim kerjayanya. Lalu apakah kesudahannya?

Cuba perhatikan senario-senario berikut:

Tugas Peguam 1:

Tugas yang pertama melibatkan tugasan berkaitan pinjaman-pinjaman konvensional. Di Malaysia, tugasan yang menjadi isu di sini ialah yang melibatkan pinjaman-pinjaman konvensional iaitu hanya terdapat di perbankan konvensional dan bukannya perbankan Islam/syariah. Institusi seperti Bank Islam Malaysia Berhad, Bank Muamalat, RHB Islamic Bank, Al Rajhi Banking & Investment Corporation (M) Berhad, EONCAP Islamic Bank, CIMB Islamic Bank, Affin Islamic Bank, AmIslamic Bank Berhad adalah antara bank yang 100 peratus Islam, bermakna tiada produk riba ditawarkan.

Sebagaimana lawan kepada bank-bank Islam ini ialah apa yang disebut bank-bank konvensional iaitu lazimnya tiada penggunaan perkataan Islam, Syariah, Muamalat atau perkataan berbunyi ke'arab'an.

Di Malaysia, perbankan konvensional ada juga menyediakan produk syariah (bukan riba). Oleh itu, penentuannya bukanlah bank mana atau bank apa, tetapi produk apa yang anda langgani. Jika ia pinjaman konvensional, maka ia adalah riba. Produk konvensional ini lazimnya merujuk kepada pelbagai jenis pinjaman di bank-bank dan institusi kewangan konvensional. Tidak kisahlah apa nama pinjaman yang diberikan dan untuk tujuan apa ia diberikan, lazimnya terdapat peruntukan

faedah dan kesannya seseorang peminjam akan membayar lebih daripada apa yang dipinjamnya.

Tugas peguam dalam proses permohonan pinjaman termasuklah:

1. **Sebagai saksi formal** dan penting dalam suatu dokumentasi perjanjian pinjaman riba. Peguam menjadi saksi kepada peminjam dan saksi kepada wakil kuasa pihak bank.

2. **Menandatangani perjanjian pinjaman** sebagai saksi peguam dan saksi kepada penyempurnaan perjanjian.

3. Peguam juga adalah orang yang **merangka atau menyediakan perjanjian pinjaman** dan jika ia perjanjian standard, peguam tetap mempunyai tanggungjawab memastikan terma-terma perjanjian tersebut sah di sisi undang-undang. Kerja-kerja merangka dan mendraf sehingga menghasilkan perjanjian pinjaman lazimnya diperlukan dalam kes-kes pinjaman besar atau bagi kes-kes pinjaman di mana dokumen standard tidak diguna pakai dan sebagainya. Di sinilah kemahiran guaman seseorang peguam lebih diperlukan bagi memastikan perjanjian yang dihasilkan itu kukuh dan selamat untuk kepentingan pemberi pinjam.

4. Peguam juga akan **memberikan penerangan dan penjelasan maksud terma-terma** pada perjanjian pinjaman itu khususnya kepada peminjam.

5. Peguam juga **memastikan segala dokumen dan syarat bagi pinjaman disempurnakan dan dalam keadaan teratur** (tiada kesalahan). Urusan-urusan sampingan perlu dibuat seperti mensetemkan, menghantar untuk penilaian sehinggalah didaftarkan pindahmilik dan

prosedur-prosedur lain dipenuhi seperti semak status kebankrapan, semakan tanah, semakan syarikat, surat-menyurat dan jika ada cagaran, maka perlu dipastikan gadaian sempurna didaftarkan.

6. Tugas peguam daripada **menerima arahan sehingga memberi nasihat kepada bank** agar wang pinjaman dapat dikeluarkan oleh bank kepada peminjam.

7. Nasihat atau sebenarnya pemberitahuan ini ialah melalui surat bertulis yang memaklumkan kepada pihak pemberi pinjam (bank) bahawa segala dokumen berkaitan kes pinjaman tersebut adalah teratur dan adalah selamat untuk pihak bank mengeluarkan wang pinjaman untuk diberikan kepada peminjam atau bagi manfaat peminjam.

8. Nasihat peguam ini sebenarnya diberi dengan harga tinggi iaitu akujanji untuk mengganti rugi bank/pemberi pinjam jika berlaku kecuaian atau kesalahan pada pihak peguam yang menyebabkan kerugian kepada pihak bank.

Tidak dinafikan inilah fungsi penting peguam iaitu untuk memastikan dokumen perjanjian pinjaman riba, jaminan pinjaman riba dan kepentingan bank riba terpelihara, terjamin dan selamat. Atas nasihat peguam, bank sanggup mengeluarkan wang pinjaman beratus ribu atau berjuta ringgit kepada peminjam. Bermakna bank berasa selamat dan pasti bahawa segala peraturan dan undang-undang telah dipatuhi, dan segala kepentingan bank telah dilindungi melalui khidmat profesional peguam.

Dalam melaksanakan tugasan ini, peguam mendapat perlindungan insurans yang tinggi. Sekiranya berlaku kecuaian yang merupakan salah peguam, bank akan

menuntut ganti rugi daripada peguam dan syarikat insurans. Atas nasihat peguam jugalah bank riba akhirnya melepaskan wang pinjaman riba kepada peminjam riba. Tanpa nasihat peguam ini, pastilah wang pinjaman riba tidak akan dilepaskan. Alangkah hebatnya profesion peguam! Hasilnya, peminjam akan membayar wang upahan dipanggil *'legal fees'* atas perkhidmatan profesionalnya. Itulah antara kepentingan tugas peguam. Itulah peraturan yang ditetapkan. Itulah amalan biasa perbankan dan sistem undang-undang kita.

Selain peguam, secara langsung atau tidak langsung, berperanan kecil atau besar, proses menyempurnakan satu transaksi riba ini turut melibatkan pihak-pihak lain seperti Pejabat Tanah, Pejabat Penilaian, Pesuruhjaya Sumpah, Duti Setem dan Hasil Dalam Negeri dan lain-lainnya. Namun pihak-pihak tersebut mungkin merasakan mereka 'terselamat' kerana makan gaji dengan pihak kerajaan atau menyumbang peranan yang kecil.

Tugas Peguam 2 - Tugasan Tuntutan Undang-undang

Satu lagi bentuk kerja peguam yang membabitkan unsur riba tetapi bukan melibatkan penyediaan dokumen pinjaman ialah tuntutan undang-undang. Tugasan tuntutan sivil yang banyak dilakukan ialah mewakili institusi perbankan dan kewangan, syarikat-syarikat, pertubuhan-pertubuhan dan sebagainya.

Tuntutan oleh pihak bank kepada peminjam atau pelanggan adalah melibatkan keingkaran kepada pelbagai jenis pinjaman atau kemudahan sama ada bergadaian (bercagar) atau tidak. Apabila berlakunya keingkaran peminjam dalam pembayaran balik, maka berlakulah

kemungkiran pada perjanjian pinjaman riba. Maka pihak peguam akan diberi arahan tugasan untuk mengambil tindakan undang-undang ber-mula dengan notis, saman di mahkamah atau lelongan hartanah yang digadai.

Isu riba dalam tugasan ini adalah berbeza. Tuntutan dibuat kerana sama ada berlaku tunggakan ansuran hutang atau tuntutan keseluruhan jumlah yang terhutang. Jumlah tuntutan adalah termasuk jumlah prinsipal dan jumlah faedah yang dipersetujui. Pengenaan faedah ini kadangkala dalam bentuk formula seperti 2.5 peratus setahun, 2.5 peratus atas Kadar Asas Berian Pinjaman (*Base Lending Rate* - BLR). Sebagai contoh, penghakiman diberikan mahkamah iaitu pada jumlah RM20,000.00 setakat 10/7/2008 dengan faedah pada kadar 10 peratus dari tarikh 11/7/2008 sehingga tarikh penghakiman dan faedah lapan peratus dari tarikh penghakiman hingga tarikh penyelesaian penuh. Dalam bahasa mudah, wang yang dituntut oleh pihak bank adalah lebih daripada apa yang dipinjamkan dan kadangkala lebihan yang dituntut masih tidak dapat lagi ditentukan jumlahnya secara pasti selagi tarikh penyelesaian penuh masih tidak dapat ditetapkan.

... proses menyempurnakan satu transaksi riba ini turut melibatkan pihak-pihak lain seperti Pejabat Tanah, Pejabat Penilaian, Pesuruhjaya Sumpah, Duti Setem dan Hasil Dalam Negeri dan lain-lainnya.

Tuntutan dalam kes lelong juga sama di mana ada tuntutan faedahnya atau sejumlah wang yang melebihi jumlah prinsipal. Bagi kes-kes saman lain yang bukan

daripada dokumen pinjaman bank di mana tiada peruntukan faedah, pihak yang menang tuntutan bagi satu jumlah, mahkamah juga boleh memberi faedah lapan peratus setahun sehingga hutang itu diselesaikan. Dipercayai bank-bank Islam tidak menuntut faedah dan melucutkan hak kepada faedah lapan peratus yang diberikan mahkamah.

Tugas ini ringkasnya seperti berikut:

1) Atas arahan bank, peguam menandatangani notis tuntutan atau saman sebagai peguam bagi firma dan mewakili bank di mana tuntutan adalah atas jumlah terhutang meliputi jumlah prinsipal (pokok) dan faedah.

2) Atas arahan bank juga, di mahkamah, peguam terpaksa menuntut penghakiman atas jumlah prinsipal dan faedah.

3) Atas persetujuan peminjam dalam perjanjian, maka mahkamah membenarkan tuntutan faedah walaupun kadarnya mungkin lebih tinggi daripada kadar lapan peratus faedah yang mahkamah berkuasa berikan. Namun semua faedah ini adalah dibenarkan dan ditetapkan di bawah undang-undang.

4) Begitu juga dalam prosiding kuatkuasa penghakiman di mana tugas peguam adalah untuk menuntut keseluruhan jumlah terhutang (wang prinsipal dan faedah terakru padanya) yang berakhir sama ada peminjam dapat membayar balik jumlah wang terhutang tersebut atau sebahagian daripadanya, atau peminjam dihukum dengan bankrupsi atau sebagainya.

Begitulah kedudukan peguam Muslim dalam dunia kepeguaman yang mencabar. Para peguam dibentuk, jika tidak sepenuhnya sudah tentu sebahagian besarnya, melalui didikan sivil yang berteraskan "*English Common Law*". Mereka kemudiannya beramal guaman dalam dunia perundangan sivil di mahkamah yang mentadbir perundangan sivil. Mereka juga bergerak secara bersama dengan begitu ramai peguam bukan Muslim. Jika dunia perbankan dan kewangan telah menerima dengan baik pengaruh syariah dalam sistemnya, perundangan kita pula masih kekal teguh dengan roh sivilnya.

Kesimpulan Pahit

Justeru, terlalu sukar untuk dinafikan wujudnya unsur riba yang jelas, langsung dan menguntungkan pada bidang tugas dan kerjaya peguam Muslim seperti yang telah dibentangkan. Ia adalah suatu kebenaran yang terpaksa diakui walaupun pahit. Seandainya benar begitu atau sememangnya inilah hakikat sebenar, maka melihatkan kepada nas-nas dan autoriti sahih mengenai dosa besar riba dan kedahsyatan balasan dan kesudahannya, semestinya peguam-peguam Muslim memberi pertimbangan dan semakan semula sedalam-dalamnya, demi untuk kebaikan khususnya kepada diri mereka sendiri.

DOSA RIBA MENIMPA PEGUAM MUSLIM?

Untuk memulakan perbincangan tentang topik ini, mari kita berhujah dahulu. Adalah dirasakan penting untuk dikemukakan fakta-fakta dari pelbagai sudut dan aspek bagi membolehkan pertimbangan adil dan menyeluruh dilakukan. Ia kaedah yang betul untuk dilaksanakan sebelum pandangan hukum atau fatwa hukum diberikan. Adakah terdapat isu darurat atau kelonggaran di mana wujudnya situasi orang yang terlibat dengan riba tidak dihukum berdosa?

PANDANGAN 1

Pendapat dan hujah bahawa kerja peguam dalam kes menyempurnakan pinjaman riba sebagai tetap haram dan berdosa besar. **Pendapatan yang diperolehi adalah haram dan para peguam berisiko tinggi ke neraka.** Tiada kelonggaran sama ada atas isu darurat, maslahat atau sebagainya.

Dalil-dalil daripada ayat al-Quran telah mengesahkan riba sebagai haram dan berdosa besar. Antaranya seperti yang dinyatakan dalam surah al-Baqarah ayat 275 yang bermaksud:

Orang-orang yang memakan (mengambil) riba itu tidaklah berdiri (ketika bangkit dari kubur-kubur mereka) melainkan seperti berdirinya orang

yang dirasuk syaitan disebabkan penyakit gila yang menyerang mereka. Yang demikian ialah disebabkan mereka mengatakan, "Bahawa sesungguhnya berjual-beli itu sama sahaja seperti riba." Padahal Allah telah menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengharamkan riba ... . (Al-Baqarah 2: 275)

Allah berfirman lagi, maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu bertakwa kepada Allah dan menjauhi saki-baki riba (yang masih ada pada orang yang berhutang) itu, jika benar kamu orang yang beriman. (Al-Baqarah 2: 278)

Jika kamu tidak mahu melakukan (perintah mengenai larangan riba itu), maka ketahuilah bahawa Allah dan Rasul-Nya akan memerangi kamu, (akibatnya kamu tidak akan selamat), dan jika kamu bertaubat (menghentikannya), maka hak kamu (yang sebenarnya) ialah modal pokok harta kamu. (Dengan yang demikian) kamu tidak menganiaya (kepada sesiapa), dan kamu juga tidak teraniaya. (Al-Baqarah 2: 279)

- Hadis Nabi di mana Rasulullah ﷺ melaknat pemakan (penerima) dan pemberi makan riba, saksinya dan penulisnya. Daripada Jabir r.a. berkata, bahawa *Rasulullah ﷺ melaknat orang yang memakan riba, orang yang memberikannya, penulisnya dan dua saksinya, dan Baginda berkata, "Mereka semua adalah sama."* (Riwayat Muslim)

Terdapat beberapa hadis yang membawa maksud yang sama dalam hal ini. Hadis-hadis ini secara jelas menyatakan peranan saksi dan penulis iaitu kedua-duanya adalah tugas rasmi peguam dalam kes perjanjian pinjaman.

Ayat Al-Quran yang bermaksud:

.... janganlah pula kamu bantu-membantu pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan (melampaui batas-batas ajaran Allah) .... (Al-Maidah 5: 2)

Tugas peguam sememangnya untuk membantu menyempurnakan transaksi riba secara moden dan kontemporari. Tugas peguam ini dianggap penting kepada institusi perbankan konvensional.

Hadis Nabi yang bermaksud:

Rasulullah ﷺ melaknat tentang arak, sepuluh golongan: (1) yang memerahnya, (2) yang minta diperahkan untuknya, (3) yang meminumnya, (4) yang membawanya, (5) yang minta dihantarinya, (6) yang menuangkannya, (7) yang menjualnya, (8) yang makan harganya, (9) yang membelinya, (10) yang minta dibelikannya. (Riwayat Tirmizi dan Ibnu Majah)

Hadis ini membicarakan perihal peranan, sumbangan dan keterlibatan dalam urusan arak di mana semua berdosa dan dilaknati. Namun ulama menyatakan bahawa atas kaedah *qiyas* dalam Islam, ia juga terpakai untuk suatu perkara haram yang lain seperti amalan riba.

Hadis Nabi yang bermaksud:

Nabi ﷺ melaknat pemberi, penerima rasuah dan orang tengah yang menguruskan sehingga terlaksana rasuah. (Riwayat Abu Dawud dan Ibn Majah)

Sekali lagi kaedah *qiyas* diguna pakai di sini.

- **Hadis Nabi iaitu:**

  Apabila riba dan zina sudah merata di suatu daerah, maka mereka telah menghalalkan dirinya untuk mendapat seksaan Allah. (Riwayat Hakim)

Daripada autoriti dan nas di atas, pandangan yang melarang dan mengharamkan tugas peguam Muslim dalam khidmat tugasan sebegini boleh dirumuskan seperti berikut:

1. Peranan dan fungsi peguam adalah langsung, penting dan besar dan termasuk kategori penyebar utama riba. Tugasnya itu dianggap secara langsung menyebarluaskan lagi amalan dan aktiviti riba.

2. Produk riba memang cukup banyak dan masih dalam peratusan yang jauh lebih tinggi berbanding produk syariah. Sejak sekian lama produk riba telah bertapak dan berkembang. Sejak itu juga peguam sivil telah sama-sama bekerja dan menikmati hasilnya. Sudah sampai masanya mereka sama-sama berjuang secara tegas dalam hal ini.

3. Sekarang ini terdapat banyak bank Islam dan banyak produk Islam yang berlandaskan syariah termasuk yang ditawarkan oleh bank-bank konvensional. Sumber pendapatan daripada bank-bank Islam adalah dianggap memadai. Maka **sekarang sudah tiada lagi situasi darurat untuk tujuan 'mencari makan'**.

4. Dalam Islam, seseorang itu mesti berusaha melakukan makruf dan mencegah mungkar. Paling kurang, jika dia tidak mampu, dia sendiri hendaklah tidak melakukannya atau berhenti melakukannya dan tidaklah boleh menyertai aktiviti itu. Kerjasama dan pertolongan dalam perkara dosa tentulah berdosa juga.

5. Tiada pengecualian dan kelonggaran pada tugasan peguam kerana peranan mereka adalah penting dan langsung, bukan kecil tetapi besar. Oleh itu, ia tidak boleh termasuk dalam kategori maslahat, darurat, *hajiyyat* atau apa jua bentuk pengecualian dan kelonggaran yang menjadikan tidak berdosa melakukannya.

PANDANGAN 2

Pendapat dan hujah bahawa kerja peguam dalam kes penyempurnaan pinjaman riba sebagai tidak haram dan tidak berdosa besar. Penglibatannya adalah harus dan pendapatan daripadanya adalah halal.

Biar apa pun hujah yang dikemukakan, tiada hujah yang boleh diterima untuk mempertikaikan fakta yang telah disepakati oleh ulama bahawa riba adalah dosa besar dan membawa ke neraka. Begitu juga produk-produk konvensional adalah riba. Pinjaman konvensional adalah riba. Namun, wujudnya keharusan dalam penglibatan riba itu, yang menjadikan (penglibatan itu) tidak berdosa dan pendapatan (daripadanya) adalah halal, adalah apabila ia diterima dan dihukumkan sebagai termasuk dalam pengecualian atau kelonggaran dalam hukum syariah sama ada atas sebab darurat, maslahat, rukhsah, hajiyah atau atas apa jua istilah yang diguna pakai.

Menurut **Dr. Yusuf Qaradawi** di dalam bukunya, *Fatwa-fatwa Semasa* - Terjemahan: ***"Sesungguhnya riba telah menyerap masuk ke dalam struktur sistem ekonomi dan badan-badan kewangan kita keseluruhannya sehingga menjadi suatu wabak bala yang menyeluruh."*** Sebagaimana Rasulullah ﷺ meramalkannya. Baginda bersabda dalam sebuah hadis yang diterjemahkan:

Manusia akan menempuh suatu zaman yang tidak akan kekal seorang pun daripada kalangan mereka kecuali akan makan riba, maka sesiapa yang tidak memakannya pun, nescaya akan ditimpa debu-debunya. (Riwayat Abu Daud dan Ibn Majah)

Di dalam buku tersebut Dr. Yusuf Qaradawi tidak pula menjelaskan mengenai status hadis ini sama ada lemah atau kuat. Apa yang kelihatan ialah beliau merujuk kepada hadis ini dan ini memberi anggapan bahawa hadis ini telah dirujuk sebagai sandaran, hujah atau rujukan.

Menurut Dr. Yusuf Qaradawi lagi, kedudukan sistem yang diselaputi riba ini tidak akan dapat diselesaikan dengan keazaman seorang pegawai bank melakukan tugasnya. Sebaliknya ia hanya mampu diubah oleh penerimaan rakyat yang mempunyai kekuatan dan kekuasaan dalam menentukan ketidaksesuaian sistem yang diciplak daripada sistem kapitalis yang menindas itu. Masyarakat juga melakukan percubaan untuk mengubahnya secara beransur-ansur dan sabar agar tidak berlaku kejutan kesan buruk ekonomi yang akan mengheret negara dan rakyat ke lembah krisis dan tragedi. Islam menerima proses perubahan atau pembaikan maslahat yang besar ini secara beransur-ansur kerana proses pengharaman riba, arak dan lain-lain dahulu pun pada peringkat permulaannya berjalan atas landasan (sunnah) ini.

... tiada hujah yang boleh diterima untuk mempertikaikan fakta yang telah disepakati oleh ulama bahawa riba adalah dosa besar dan membawa ke neraka.

Menurut Dr. Yusuf Qaradawi, setiap orang mesti bercita-cita dan berusaha untuk mengubah sistem ekonomi sedia ada sehingga ia sesuai dengan Islam. Seandainya kita melarang setiap orang Muslim daripada bekerja di bank, nescaya risiko buruk akan menimpa iaitu penguasaan orang bukan Islam dalam monopoli kegiatan bank dan sektor kewangan. Ada juga sebahagian aktiviti perbankan yang halal dan dibenarkan syarak.

Darurat atau Maslahat (Kepentingan Umum)

Mungkin darurat atau maslahat perlu dilihat dalam konteks yang lebih besar yakni mengambil kira realiti hidup kita sekarang, sistem pemerintahan negara kita, suasana ekonomi kita, kepelbagaian budaya dan bangsa, kelemahan bangsa dan saingan kita. Ini akan meluaskan tafsiran pemakaian alasan darurat atau maslahat bagi mewujudkan pengecualian dalam soal riba dan dosa riba kepada tugasan peguam.

Terdapat kelonggaran dan situasi darurat yang diberikan secara umumnya kepada semua pekerja bank dan bidang-bidang pekerjaan lain yang melibatkan riba. Kenapa kelonggaran ini tidak dipanjangkan kepada tugasan peguam?

Dalam perbankan, kelihatan ada dua hukum berbeza apabila mengambil kira kedudukan dan peranan antara pekerja dalam bank riba seperti pekerja kecil atau am dengan pengurus. Seperti ada diskriminasi bahawa pekerja kecil tidak berdosa dan pekerja besar berdosa. Bukankah sepatutnya yang berperanan kecil, kecil dosanya, dan yang berperanan besar, besar dosanya? Bukankah setiap seorang yang menyokong sistem yang sama dalam satu bank ibarat akar kecil dan akar besar yang sama-sama menyokong sepohon pokok?

Begitu juga dengan tafsiran penglibatan langsung atau tidak, sama ada sesuatu tugasan yang dilakukan itu berperanan langsung atau menyumbang terus dalam penyebaran riba. Katakanlah bagi suatu perbankan konvensional yang secara keseluruhannya menawarkan produk riba, adakah kita telah meneliti skop bidang tugas setiap kakitangannya daripada yang kecil hingga berjawatan besar untuk melihat kepada kepentingan tugasan setiap mereka dalam penyebaran riba?

Bagaimana secara adilnya kita dapat meletakkan suatu garis pemisah di antara kerja-kerja yang dibenarkan atau tidak? Katalah tugasan peguam sebagai menyedia dan penyaksi dokumen perjanjian riba dianggap sebagai penglibatan langsung. Jika demikian kedudukannya, tidakkah ia akan memberi kesan buruk kepada umat Islam apabila semua peguam Muslim menarik diri dalam peranan ini atas pertimbangan untuk menjauhi riba? Yakni, sama halnya dengan kesan yang timbul jika semua pekerja bank riba berhenti. (Rujuk bandingan pemakaian dan penerimaan keadaan darurat dan maslahat umat Islam dalam kerja-kerja perbankan dengan tugasan peguam).

Bukankah setiap seorang yang menyokong sistem yang sama dalam satu bank ibarat akar kecil dan akar besar yang sama-sama menyokong sepohon pokok?

Yang mana satukah yang lebih langsung (*direct*) atau lebih utama (*primary*) dibandingkan antara tugas peguam dan pekerja bank? Sila lihat hujah-hujah di bawah ini:

Permohonan dan Kelulusan – Surat Tawaran *(Letter of Offer)*

Peringkat pertama ialah urusan di bank. Pada peringkat ini ia tiada kena-mengena lagi dengan peguam. Apabila seseorang ingin mendapatkan wang pinjaman, dia akan pergi ke bank untuk memohon pinjaman. Pelbagai syarat dikenakan dan kelayakan pemohon diperiksa. Setelah berpuas hati, bank meluluskan permohonan pinjaman (riba). Maka surat tawaran dikeluarkan oleh bank dan diterima dan ditandatangani oleh peminjam. Pada peringkat ini telah terdapat persetujuan riba iaitu ada akad penawaran dan penerimaan dalam kontrak bertulis. Walau bagaimanapun, wang pinjaman tidak boleh dikeluarkan sehinggalah segala dokumen undang-undang disediakan dan syarat-syarat lain dipenuhi.

Pelantikan Peguam oleh Bank – Surat Arahan Kes *(Letter of Instruction)*

Bermakna persetujuan kontrak riba telah terbentuk antara dua pihak iaitu **pihak pemberi pinjam dan pihak peminjam**. Peranan peguam belum muncul. Hanya selepas ini barulah suatu surat arahan kes bersama surat tawaran itu diberikan kepada peguam. Pada masa inilah bermula tugas peguam. Maka daripada surat tawaran ini barulah diketahui jenis pinjaman itu, sama ada pinjaman riba atau kemudahan pembiayaan Islam.

Di sini dapat kita lihat bahawa tugas peguam bersifat *secondary*, bukan *direct* atau *primary* jika dibandingkan pekerja bank walaupun dia hanyalah seorang kakitangan rendah yang memfotostat surat tawaran di bank. Kalau hendak dikaji bagaimana surat tawaran pinjaman ini di-

luluskan sehingga sampai kepada peminjam, ia mungkin melibatkan beberapa pegawai dan beberapa bahagian/ jabatan.

Peranan peguam hanya bermula setelah persetujuan atau kontrak riba terbentuk. Jadi, peranan peguam bukan pada peringkat awal atau bukan pada peringkat 'memikat' pelanggan. Ini nyata berbeza daripada peranan pengurus dan pegawai pemasaran bank tersebut. Peranan peguam bermula setelah surat tawaran pinjaman riba diterima oleh pelanggan. Sesudah itu, barulah surat arahan diberikan oleh bank kepada peguam untuk menyiapkan dokumen perjanjian dan hal-hal berkaitan dengannya. Sekiranya peguam Muslim tertentu menolak tugasan tersebut, ia masih tetap dilaksanakan oleh peguam Muslim yang tidak tahu atau tidak kisah (mengenai riba) atau peguam bukan Muslim.

Bagaimana jika semua atau ramai peguam Muslim menarik diri daripada penglibatan transaksi riba? Ia suatu keadaan yang sukar dibayangkan, tetapi tidak mustahil berlaku.

Bagaimana jika semua atau ramai peguam Muslim menarik diri daripada penglibatan transaksi riba? Ia suatu keadaan yang sukar dibayangkan, tetapi tidak mustahil berlaku. Sekiranya ia berlaku, mungkinkah wujudnya kesan mudarat besar kepada umat Islam ekoran kepentingan peguam dalam urusan kontrak dan kewangan umat Islam? Sama ada penarikan diri peguam Muslim daripada transaksi riba akan memberi kesan positif kepada kekuatan ekonomi umat Islam atau memberi kesan mudarat kepada

umat Islam dalam bentuk-bentuk yang tidak dikehendaki adalah wajar dikaji secara terperinci oleh pakar-pakar dalam bidang ekonomi dan perundangan.

Di dalam buku *Fatwa-fatwa Semasa* karya Dr. Yusof Qaradawi membenarkan kelonggaran kepada pekerja bank secara am atas alasan darurat. Mungkinkah peguam yang bekerja secara bersama dengan pekerja bank dalam satu transaksi riba diberi kelonggaran yang sama atas alasan yang sama? Sistem negara dan undang-undang telah menetapkan kepentingan kerjaya peguam bagi tujuan menjaga amanah dan kepercayaan antara pihak-pihak yang berurus niaga dalam suatu transaksi kewangan termasuk transaksi yang berunsurkan riba.

Sebenarnya, sebagaimana pelbagai hujah logik boleh diberikan bagi mewajarkan peguam untuk terus kekal dalam amalan berunsur riba, banyak juga hujah logik boleh diketengahkan untuk memaksa peguam meninggalkan secara menyeluruh amalan berunsur riba dalam kerja guaman.

Tarjih dan Ulasan

1. **Fatwa Dr. Yusof Qaradawi telah dibuat pada masa tidak terdapat banyak perbankan Islam.** Tidak diketahui sama ada fatwa ini telah dimansuhkan atau masih dikekalkan oleh beliau. Adalah dipercayai bahawa beliau mungkin memberi pertimbangan yang berbeza tentang kedudukan di Malaysia yang kini telah terdapat banyak perbankan Islam.

2. Seorang ilmuwan kewangan Islam terkemuka di Malaysia mengecilkan skop pemakaian kelonggaran tersebut, bahawa kelonggaran tersebut tidak diberikan kepada pekerja-pekerja bank seperti pegawai pemasaran,

pengurus bank dan mereka yang terlibat secara langsung dalam bahagian pemasaran produk-produk konvensional. Ini bermakna **kelonggaran (melakukan riba) ini tidak boleh diberikan kepada kerja-kerja yang penting dan berkaitan langsung dalam menyebarkan riba**.

3. Oleh itu, apa yang dibenarkan untuk bersandar kepada alasan darurat, maslahat atau *hajiyyat* bagi mendapatkan kelonggaran dan pengecualian hanyalah daripada kategori dan jenis kerja-kerja yang tidak penting atau tidak langsung (*non-direct*) walaupun mereka ini mungkin berada dalam sistem perbankan riba. Mereka yang 'bernasib baik' ini adalah mungkin seperti kakitangan umum bank, pekerja am, bahagian komputer, penjaga keselamatan dan lain-lain.

Syarat-syarat lain bagi pemakaian alasan darurat ialah:

(1) Tidak meredhai situasi yang dialami. Sebagai contoh, orang-orang Islam yang bekerja di perbankan riba perlu beriktikad tidak meredhai sistem perbankan yang tidak bersandarkan kepada sistem ekonomi Islam. Begitu juga halnya dengan peguam-peguam Muslim yang terlibat dalam urusan guaman berunsur riba. Pendekatan yang sama mesti dilakukan. Sesungguhnya hanya Allah yang mengetahui isi hati, keikhlasan dan kesungguhannya seperti yang disebut dalam sebuah hadis sahih yang diriwayatkan oleh Sayidina Umar Al-Khattab r.a., mafhumnya:

> *Sesungguh amalan itu dengan niat dan bagi setiap orang apa yang diniatkan ... .* (Hadis 40 Imam Nawawi)

(2) Darurat kehidupan ialah sekadar melepaskan tuntutan keperluan kehidupan. Justeru, seseorang itu terpaksa melakukan kerja-kerja yang berkaitan riba sebagai punca mendapatkan rezeki sama ada untuk menyara diri atau keluarga dalam keadaan kesukaran mendapatkan kerja-kerja halal lain yang wajar. Allah ﷻ berfirman:

> .... *maka sesiapa yang terpaksa (memakannya kerana darurat) sedangkan dia tidak menginginginya dan tidak pula melampaui batas (pada kadar benda yang dimakan itu), maka tidaklah dia berdosa. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Penyayang.* (Al-Baqarah 2: 173)

Hukum Riba adalah Haram dan Dosa Besar

Pengharamannya ada *qatie* yakni putus atau muktamad. Sekalipun begitu ramai terlibat, yang haram tetap haram, tidak boleh jadi halal kecuali apabila dalam keadaan tiada pilihan lain.

Dalam bidang guaman, tidak pernah timbul situasi terpaksa untuk peguam Muslim melakukan kerja berunsur riba. Selain kes berunsur riba, terdapat banyak lagi jenis-jenis kes yang bebas riba. Adalah benar bahawa kes-kes riba dalam bentuk perjanjian pinjaman dan tuntutan undang-undang mewakili sumber pendapatan yang besar dan lumayan. Bagaimanapun, keadaan ini tidak mewujudkan situasi paksaan atau darurat dalam erti kata sebenar undang-undang dan dalam maksud sebenar yang diterima di sisi Allah ﷻ.

Sekiranya seseorang peguam menggunakan alasan bersifat peribadi seperti kesusahan dan kerugian dalam

perniagaan, sedangkan dia mampu menyara diri dan keluarga daripada sumber yang bebas riba, maka ia dianggap hujah yang tertolak. Alasan ramainya peguam atau beribu peguam Muslim akan mengalami kesusahan dalam kerjaya adalah juga hujah yang tertolak. Begitu juga alasan mengatakan bahawa terlalu ramai orang terlibat dalam kerjaya berunsur riba sejak zaman-berzaman juga adalah hujah yang tertolak.

Allah سبحانه وتعالى menyebut di dalam al-Quran:

> *Jika engkau menuruti kebanyakan orang yang ada di muka bumi, nescaya mereka akan menyesatkan engkau dari jalan Allah ... .* (Al-An'am 6: 116)

Kewujudan hadis Nabi ﷺ:

> *Sesungguhnya akan datang kepada manusia suatu zaman di mana tidak akan terlepas seorang pun, melainkan akan makan riba, maka sesiapa yang tidak memakannya (riba) akan terkena juga debu-debu riba itu.* (Riwayat Abu Daud dan Ibn Majah)

Menurut Imam al-Munziri, hadis ini berstatus lemah kerana perawinya bernama Al-Hasan tidak pernah bertemu dengan Abu Hurairah r.a., sedangkan menurut hadis ini dikatakan al-Hasan mendapat kata-kata Nabi ﷺ ini daripada Abu Hurairah. Dato' Dr. Harun Din dalam satu kuliahnya menyatakan bahawa maksud hadis tersebut ialah manusia tidak dapat lari daripada debu-debu riba apabila mereka terlibat secara tidak langsung dengan suatu amalan riba. Justeru, ia berbeza dengan peranan peguam yang bersifat langsung dalam sesuatu transaksi riba.

Sebenarnya, sebagaimana pelbagai hujah logik boleh diberikan bagi mewajarkan peguam untuk terus kekal dalam amalan berunsur riba, terdapat banyak lagi hujah logik yang boleh diberikan untuk menggesa peguam meninggalkan secara menyeluruh amalan berunsur riba dalam kerja guaman.

Wallahu taala 'alam.

Pilihan Hati

Nas-nas daripada al-Quran dan hadis-hadis sahih yang begitu jelas sudah tentu amat merunsingkan hati orang-orang Islam yang bekerja di bank, syarikat kewangan, institusi swasta, peguam atau apa-apa kerjaya yang berkaitan dengan atau mempunyai unsur amalan riba. Dalam masa yang sama terdapat segelintir umat Islam yang berusaha berpegang teguh dengan agamanya.

Apakah di akhirat kelak kita terdaya untuk mengemukakan alasan 'keterpaksaan' di kala terdapat golongan insan yang 'kais pagi makan pagi, kais petang makan petang' demi untuk mendapatkan rezeki yang halal.

Ijtihad Hati dan Fatwa Diri

Selain daripada rujukan pelbagai sumber, penulis telah mendapatkan beberapa pandangan secara langsung dan terus daripada ilmuwan agama yang terdiri daripada pakar kewangan syariah tempatan, mufti dan ahli jawatankuasa fatwa negeri sehingga kepada pakar kewangan antarabangsa.

Apa yang pasti, tiada seorang pun daripada kalangan mereka menafikan, bahkan kesemuanya mengesahkan ke-

wujudan riba dalam kerja guaman. Hanya kepada isu maslahat atau darurat sahaja, peluang akhir untuk peguam bergantung harap. Kebanyakannya mereka tegas tidak membenarkan kelonggaran dalam apa bentuk sekalipun. Namun, masih ada segelintir kecil golongan yang membenarkan kelonggaran dan pengecualian (memberi ruang untuk bertahan dalam urusan riba dengan kepercayaan kepada kekuatan alasan darurat atau maslahat itu).

Begitupun, hati ini tidak mampu 'menipu'. Biar banyak mana sekalipun hujah logik dikemukakan dengan perahan minda guaman, dirasakan ia masih jauh daripada mencukupi untuk menjadi perisai kepada 'serangan' nas al-Quran dan hadis Nabi ﷺ mengenai amaran Allah akan dahsyatnya bahana dosa riba. Namun, sekiranya dikatakan jatuh di bawah elemen darurat atau maslahat, alasan ini bukan sesuatu yang indah untuk dipaut. Ia meletakkan seseorang pada martabat yang 'tidak cantik' di sisi Allah.

Seseorang yang berada dalam darurat perlu sentiasa bertaubat. Sesungguhnya kerjaya guaman masih boleh diteruskan tanpa terlibat dengan riba. Rezeki, Allah yang tentukan. Jika kerana menghindarinya menjadi musabab pendapatan merosot dan kesenangan menjauhkan diri, bukankah ia adalah suatu ujian kepada diri?

Firman Allah, bermaksud:

Ketahuilah bahawa (yang dikatakan) kehidupan dunia itu tidak lain hanyalah permainan dan hiburan (yang melalaikan) serta perhiasan (yang berkurangan), juga bermegah-megah di antara kamu (dengan kelebihan, kekuatan, dan bangsa keturunan) serta berlumba-lumba membanyakkan harta benda dan anak-pinak. (Semuanya itu terhad waktunya) samalah seperti hujan yang (menumbuhkan tanaman yang menghijau subur) menjadikan para penanamnya gembira dengan kesuburannya, kemudian tanaman itu menjadi kering dan engkau melihatnya berwarna kuning, akhirnya ia menjadi hancur. (Ingatlah) di akhirat ada azab yang berat (disediakan bagi golongan yang hanya mengutamakan kehidupan dunia itu), dan (ada pula) keampunan besar serta keredhaan daripada Allah (disediakan bagi orang-orang yang mengutamakan akhirat). (Ingatlah bahawa) kehidupan dunia ini tidak lain hanyalah kesenangan bagi orang yang terpedaya. (Al-Hadid 57: 20)

Maksud firman Allah:

Kehidupan dunia ini (jika dinilaikan dengan kehidupan akhirat) tidak lain hanyalah ibarat hiburan dan permainan, dan sesungguhnya negeri akhirat itu ialah kehidupan yang sebenar-benarnya, sekiranya mereka mengetahui. (Al-Ankabut 29: 64)

- **Allah juga berfirman yang maksudnya:**

  Wahai orang yang beriman! Mengapa kamu, apabila dikatakan kepada kamu: "Pergilah beramai-ramai untuk berperang pada jalan Allah", kamu berasa keberatan (dan suka tinggal menikmati kesenangan) di tempat (masing-masing)? Adakah kamu lebih suka dengan kehidupan dunia daripada akhirat? (Kesukaan kamu itu salah) kerana kesenangan hidup di dunia ini amat sedikit berbanding dengan (kesenangan hidup) di akhirat kelak. (At-Taubah 9: 38)

KERJAYA-KERJAYA RIBA LAIN

Persoalan utama di sini, apakah hukum bagi kerja-kerja yang dilakukan oleh manusia yang memberi bantuan dan kerjasama dalam urusan riba? Kerjaya ini sama ada secara kecil, sederhana atau besar adalah memberi sumbangan kepada urusan riba sama ada pada peringkat dokumentasi perjanjian (*convenyancing*) atau semasa tindakan atau tuntutan saman (litigasi).

1. *Banker* dan kakitangannya.
2. Peguam dan kakitangannya.
3. Penolong pentadbir tanah dan kakitangannya.
4. Pegawai duti setem dan kakitangannya.
5. Jurunilai hartanah dan kakitangannya.
6. Hakim, pendaftar dan kakitangannya.
7. Pihak Insurans konvensional dan kakitangan.
8. Pesuruhjaya sumpah, pelelong dan pihak-pihak lain.

Terdapat banyak kakitangan bank yang terlibat dalam satu transaksi riba. Satu kes transaksi pinjaman adalah satu kes transaksi riba. Bayangkanlah banyaknya bilangan transaksi riba dalam suatu jabatan dalam suatu perbankan riba. Bermula daripada pengurus, pegawai, dan kakitangan yang giat mempromosikan pinjaman riba dengan tujuan mendapatkan sebanyak mungkin pelanggan riba.

Apabila pinjaman dipohon, segolongan kakitangan bank yang lain pula akan bekerja untuk memproses permohonan tersebut termasuk menyemak kelayakan pelanggan dan kedudukan kewangannya, potensi projeknya dan pelbagai lagi aspek yang perlu diteliti. Akhirnya permohonan pinjaman riba itu diluluskan. Apabila diluluskan, terdapat kakitangan perbankan dari unit yang berkaitan yang akan menentukan terma-terma dan syarat-syarat untuk ditawarkan kepada pelanggan tertentu itu. Surat tawaran pinjaman akhirnya dikeluarkan kepada pihak peminjam.

Pastinya dalam surat tawaran tersebut adanya catatan jumlah pinjaman yang diberikan, kadar faedah yang dikenakan, cara bayaran semula, dan sebagainya. Suatu yang sangat pasti keseluruhan jumlah yang mesti dibayar semula oleh pelanggan itu adalah melebihi jumlah yang diberi pinjam oleh pihak bank.

Suatu yang sangat pasti keseluruhan jumlah yang mesti dibayar semula oleh pelanggan itu adalah melebihi jumlah yang diberi pinjam oleh pihak bank.

Apabila pelanggan menerima tawaran pinjaman itu dan menandatangani surat tawaran, maka terbentuklah satu transaksi kontrak riba yang sah di sisi undang-undang.

Seterusnya, apabila segala dokumentasi telah disempurnakan, wang pinjaman riba itu akan dibayar kepada pelanggan atau diserahkan bagi manfaat pelanggan. Susulannya, bagi suatu tempoh yang lama yang lazimnya seminimum lima tahun dan semaksimum 30 tahun, transaksi riba itu terus bernafas dalam kehidupan pelanggan itu, hasil budi pekerja-pekerja Muslim bank yang terlibat.

Selepas 30 tahun misalnya, atau setelah seluruh wang terhutang dilangsaikan kepada bank itu, maka jumlah perbezaan daripada jumlah asal pinjaman itulah merupakan hasil keuntungan wang riba yang dibayar oleh pelanggan tersebut.

Itulah realiti natijah riba yang mencengkam, bermula hanya daripada satu transaksi pinjaman riba. Bayangkanlah jika dalam sebulan **pihak bank tersebut meluluskan 100 pinjaman riba kepada 100 peminjam Islam**. Bayangkanlah, jika satu keuntungan pinjaman berjumlah RM100, 000 betapa besarnya nilai jumlah wang riba yang terhasil!

Selagi mana semakin banyak produk riba ini berkembang dalam pasaran, selagi itulah ia akan melibatkan dan membabitkan sekian banyak orang Islam dalam pelbagai kerjaya, sepertimana dalam kerjaya-kerjaya yang telah disenaraikan sebelum ini.

Sebagai contoh, pihak mahkamah perlu mengendalikan kes-kes undang-undang yang berkaitan dengan pinjaman-pinjaman riba. Perintah dan penghakiman mahkamah berkaitan pinjaman riba dan pengiktirafan undang-undang diberikan kepada tuntutan-tuntutan atas keingkaran terhadap perjanjian riba. Pihak pejabat tanah juga perlu membantu agar pinjaman dan perjanjian riba dijamin melalui pendaftaran gadaian dan sebagainya. Sehinggakan

ke peringkat kuatkuasa lelongan hartanah bagi tuntutan pinjaman riba banyak dilakukan melibatkan mahkamah, pejabat tanah dan pelelong.

Ini adalah sebahagian sahaja daripada kerjaya yang terlibat dalam transaksi riba. Sesungguhnya, terlalu ramai orang Islam yang telah menyumbang tenaga dan masa dalam suatu amalan riba. Bezanya sama ada kecil atau besar, langsung atau sebaliknya.

Ironinya, pihak-pihak ini hanyalah sebahagian daripada pihak-pihak yang terlibat dalam satu perjalanan (*journey*) transaksi riba daripada mula ia dipromosikan, ditawarkan dan diterima, didokumenkan dan didaftarkan. Kemudian sebahagian 'janji-setia' itu diingkari. Maka berlakulah tuntutan, tuntutan diiktiraf, kuatkuasa tuntutan sehingga kes dilupuskan, iaitu apabila hutang selesai. Jika tidak, rekod berhutang terus kekal dan mungkin 'di-CTOS'kan (*Credit Tip-Off System*). Inilah yang orang putih katakan, *"one hell of a journey"*.

BAB 2

Surat Memohon Fatwa Dari Jabatan Mufti Negeri Johor Atas Isu Kerja Peguam Muslim

SURAT ini dikongsi di sini untuk tatapan dan penilaian pembaca sekalian.

(Surat di bawah adalah salinan asal surat sebenar dan dipercayai sebagai satu-satunya permohonan fatwa yang pernah dibuat bagi isu yang berkaitan).

Nama Penulis
Alamat (dirahsiakan)
13/2/2008

Kepada:

Majlis Agama Islam Negeri Johor,
Jabatan Mufti Johor,
Tingkat Tiga, Kompleks Islam Johor,
Jalan Masjid Abu Bakar,
80990 Johor,
Johor Darul Takzim.

Yang Berbahagia Dato' Mufti Negeri Johor Darul Takzim

Melalui Ustaz ... (nama dirahsiakan), Pegawai Bertugas

Dato/Tuan-Tuan Yang Dihormati,

Per: Permohonan Untuk Mendapatkan Jawapan & Fatwa Bertulis Merujuk Isu Bidang Tugas, Peranan dan Kedudukan Peguam.

Dengan salam dan hormat saya merujuk kepada perkara di atas dan percakapan telefon antara saya sendiri dengan pegawai bertugas, seingat saya sekitar bulan Ogos-September 2007 mengenai surat yang ditulis oleh saya (atas nama firma) pada 3/4/2006 (permohonan perkara yang sama) yang masih belum menerima apa-apa jawapan bertulis. Kali ini saya rasa lebih baik saya gunakan nama sendiri.

Melalui percakapan telefon ketika itu, saya dimaklumkan ustaz bahawa persoalan yang dibawa oleh saya dalam isu di

atas sebenarnya telah dibincangkan dua kali pada peringkat negeri oleh jawatankuasa (fatwa) pihak tuan, tetapi masih belum mencapai suatu keputusan atau jawapan/fatwa. Saya juga difahamkan bahawa ia dalam proses dirujuk kepada Jawatankuasa Fatwa Peringkat Kebangsaan. Harapan saya cuma satu agar perkara ini dapat disegerakan sesegeranya sekurang-kurangnya bagi membolehkan saya membuat keputusan bagi diri saya sendiri.

Baru-baru ini, melalui akhbar, saya ketahui bahawa Jawatankuasa Fatwa Peringkat Kebangsaan telah bersidang dan membuat keputusan/fatwa antaranya mengenai ASB dan ASN yang telah difatwakan sebagai harus dan halal. Namun tidak pula saya terbaca keputusan fatwa atas isu yang saya timbulkan, yang rasa saya seperti tidak dibawa berbincang atau tidak diberikan fatwa. Dapatlah pihak tuan memberi jawapan pasti mengenainya. Jika isu yang saya timbulkan memang tiada dibawa berbincang, kenapa? Jika benar demikian, saya amat kesali.

Pun begitu, untuk tidak putus asa dan terus berharap dan kerana isu ini pernah dibincangkan oleh jawatankuasa pihak tuan, saya memohon agar jawatankuasa fatwa pihak tuan dapat memberikan fatwa mengenai perkara ini dan memberi jawapan bertulis kepada saya.

Saya juga mengambil peluang di sini untuk memberikan maklumat tambahan yang banyak mengenai kerja dan permasalahan yang timbul daripada kerja peguam Muslim. Namun kerana kesibukan urusan, peruntukan masa yang terhad, mungkin fakta-fakta di bawah disampaikan secara kurang tersusun dan terdapat kesilapan ejaan. Harapan saya ialah pihak tuan dapat memahami isu dan perkara yang saya berusaha sampaikan di bawah ini.

Saya telah pun beberapa kali mendengar kuliah beberapa ustaz di daerah sini tentang isu riba tetapi setakat ini saya terpaksa mengatakan bahawa tiada jawapan yang memuaskan diterima. Maklumat mengenai perkara riba yang agak banyak saya terima ialah apabila saya diketemukan dengan laman web seorang ustaz bernama Zaharuddin bin Abdul Rahman ("Ustaz Zaharuddin").

Saya kini faham mengenai kedudukan riba; keharamannya, kejelikan dan kotornya, serta betapa besar dosa dan ngerinya balasan yang ditetapkan Allah ﷻ.

Tuan, apabila dirasakan cahaya hidayah mungkin sedikit diizinkan-Nya mencecah di hati, kerisauan tentang riba ini telah menjadi ibarat sembilu yang menusuk kalbu. Bebannya terasa tidak tergalas. Keharmonian hidup kini telah terjejas. Ketenangan tidak lagi di fikiran. Apa ertinya hidup selama ini, senang tidak seberapa, tapi di akhirat ... tergadai.

[Kadangkala terfikir rasa sesal mengambil bidang guaman ini yang selama ini dan di luar sana dikatakan profesion yang '*honour*' dan '*dignity*' tapi jika pada pandangan lain dikatakan pula – mewakili orang salah, kerja riba dan lain-lain '*negative remarks*'. Mungkin tak perlulah lagi bagi anak Melayu menjadi peguam jika begini kesudahannya. Mungkin hanya sesudah keseluruhan sistem berubah].

Ustaz Zaharuddin ada menyebut tentang kedudukan seseorang atau sesuatu kerja yang terlibat dengan riba, tetapi kedudukan dan kerja itu termasuk dalam kategori darurat atau mendapat kelonggaran seperti pekerja biasa bank. Justeru, tidak berdosa walaupun terlibat dengan riba. Tetapi

tidak bagi kerja peguam (yang bertugas menandatangani atau *mengatestasi* sebagai saksi peguam atau yang menghasilkan atau menyediakan kontrak/perjanjian yang mengandungi riba – perincian tugas ada di bawah). Peranan dan kerja peguam begini dianggap penyebar utama riba. Peranan peguam dianggap langsung dan penting. Hujah darurat dan maslahat tidak boleh diterima.

[Setahu saya, Ustaz Zaharuddin, lulusan Universiti Yarmouk, Jordan, bukan mufti atau ahli mana-mana jawatankuasa fatwa, namun beliau adalah ilmuwan yang berketerampilan dalam bidang fiqh muamalat dan kewangan Islam, berpengalaman kerja di perbankan Islam, ahli panel penasihat syariah bagi perbankan Islam dan kini pensyarah di UIA].

Merujuk kepada pandangan Ustaz Zaharuddin tersebut, saya masih berasa kurang jelas dan punya beberapa kemusykilan khususnya pada isu kerja dan peranan yang dikatakan 'langsung' atau 'tak langsung', ada kerja dibolehkan dan ada kerja yang tidak dibolehkan, juga perihal sebab-sebab diberikan, isu pengecualian, kelonggaran atau situasi darurat. Saya masih memerlukan lebih penjelasan dalam soal ini.

Saya juga berharap jawapan dan penjelasan pihak tuan dapat difokuskan kepada isu darurat dan setakat mana ia boleh terpakai dalam situasi kami dan kerja kami khususnya dalam soal halal, haram dan dosa.

Oleh yang demikian itu, ihsan dan kerjasama pihak tuan sebagai pihak berkuasa dan pihak yang berkeahlian bagi tujuan yang dipohon untuk memberikan penjelasan, jawapan dan fatwa mengenai kedudukan atau situasi kami

dan sama ada kedudukan dan peranan kami ini boleh diterima sebagai berada dalam situasi "dibenarkan, darurat, pengecualian, kelonggaran (atau apa jua terminologi digunakan)" yang menjadikan kami tidak berdosa atas penglibatan dalam transaksi riba, mengambil kira fakta-fakta berikut:

1. Dalam soal kerja peguam sivil Muslim bolehlah diperjelaskan seperti berikut:

   (1) Ada firma guaman sama ada secara milikan perseorangan atau secara perkongsian iaitu sekurang-kurangnya dua peguam pekongsi (*partners*) atau boleh jadi lebih. Tiada pemilikan secara syarikat sendirian berhad. Lazimnya pekongsi-pekongsi berkongsi keuntungan dan liabiliti secara dipersetujui antara mereka. Ada yang 50%-50% atau selainnya. Mereka adalah peguam-peguam pemilik firma atau perniagaan mengikut peratusan pemilikan setiap mereka. Bagi firma-firma tertentu, ada peguam atau peguam-peguam yang bekerja makan gaji secara bulanan dan ada peguam yang bekerja makan gaji tapi diberikan sedikit '*share*' secara mengikut fail ditugaskan atau dalam apa bentuk pun tapi bukanlah pemilik/pekongsi utama firma tadi.

   (2) Ada firma guaman yang mana pekongsinya antara Muslim dan bukan Muslim. Muslim sesama Muslim. Manakala ada peguam Muslim yang bekerja makan gaji dengan firma-firma ini dan begitulah sebaliknya. Ini adalah situasi yang lazim.

(3) Semua peguam sivil mempunyai lesen atau sijil amalan atas nama sendiri. Peguam-peguam sivil ini ramai juga yang menjadi peguam syariah di negeri-negeri mengikut sijil amalan guaman syarie.

(4) Semua peguam dan semua firma guaman sivil (golongan ini bukan peguam yang bekerja dengan kerajaan seperti pendakwa, penasihat undang-undang negeri dan lain-lain) amnya mempunyai kelayakan untuk melaksanakan tugasan atau kes-kes yang sama.

(5) Jika tidak semua, kebanyakan firma guaman lazimnya melaksanakan tugas-tugas dan kes-kes seperti kes jenayah, kes tuntutan sivil dan penyempurnaan dokumen undang-undang dalam pelbagai jenis, bidang dan perkara.

2. Seperti kebanyakan firma Muslim dan peguam Muslim yang lain, kami menjalankan tugas-tugas seperti berikut:

Tugasan 1: Perwakilan Kes Jenayah. Lazimnya peguam mewakil tertuduh bagi satu pendakwaan jenayah. Firma saya tidak banyak melakukan tugas ini.

Tugasan 2: Kes-kes Sivil (Luas & Pelbagai). (*** dilanjutkan perbincangan di bawah)

Tugasan 3: Kes-kes Syariah (Terhad kepada yang ada sijil peguam syarie mengikut negeri. Kebanyakan

peguam syarie yang juga peguam sivil membuat tugasan yang serupa – tidak dilanjutkan perbincangan).

3. Tugasan 2: Kes-Kes Sivil (Luas & Pelbagai)***

   (1) Tugasan Kes-Kes Dokumentasi (*Conveyancing*).

   (2) Tugasan : Kes-Kes Tuntutan Sivil.

4. (1) Tugasan Kes-Kes Dokumentasi (*Conveyancing*).

   Bagi kebanyakan firma guaman, tugasan ini antara dua yang terbesar dan terpenting. Tugasan *conveyancing* ini termasuklah penyempurnaan dokumentasi perjanjian dalam pelbagai bentuk dan jenis perjanjian.

Antara yang lazim ialah penyempurnaan pindah milik pelbagai bentuk hartanah.

Isu Riba: Dalam kes pembelian hartanah di projek perumahan seperti rumah, kedai dan pejabat, perjanjian digunakan adalah format standard yang disediakan pada akta (oleh kerajaan) di mana ada peruntukan faedah (lebih kurang 10% setahun). Faedah ini terakru apabila berlaku kelewatan pengeluaran wang progres oleh bank kepada pemaju dan begitu juga jika pemaju lewat menyerahkan pemilikan rumah dalam masa ditetapkan.

Faedah lewat ini memang lazim berlaku kerana bank perlukan masa untuk luluskan pinjaman tidak kira kemudahan pembiayaan syariah atau pinjaman konvensional.

Isu Riba: Dalam urusan pindah milik ini, bagi perjanjian jual beli yang ada peruntukan faedah ini, peguam bertugas menandatangani atau *mengatestasi* sebagai saksi rasmi (peguam) iaitu bahawa peguam telah menyaksikan pembeli (atau pemaju) telah menandatangani kontrak/perjanjian jual beli, menerangkan isi kandungan kontrak, mensetemkan, menghantar untuk penilaian dan sehinggalah didaftarkan pindahmilik di pejabat tanah (ini adalah tugas-tugas penting peguam).

Soalan:

Oleh kerana ia adalah borang/perjanjian jual beli *standard* (pemaju perumahan) yang ditetapkan oleh undang-undang sivil kita atau di bawah akta perumahan yang telah menetapkan peruntukan faedah dan mesti digunakan, adakah peguam boleh melaksanakan tugasan penyempurnaan perjanjian jual beli dan pindah milik dan *atestasi* sebagai saksi kepada dokumen perjanjian jual beli itu sebagai termasuk pengecualian atau darurat – yang demikian itu tidak berdosa dan pendapatan daripadanya tidak haram?

Bagaimana kalau semua peguam Muslim menarik diri? Maka segala urusan tugasan peguam bagi penyempurnaan jual beli dan pindah milik akan dibuat oleh peguam bukan Muslim?

Bagaimana dalam kategori ini, peranan peguam dikatakan *'direct'* sedangkan jika dia tidak buat pasti peguam bukan Muslim menunggu kes sebegini. (Bidang tugasan peguam bagi urusan jualbeli rumah (pemaju) dan pindah milik adalah meluas.

Penyempurnaan perjanjian dan gadaian (atas pinjaman)

Kes dan tugasan ini begitu banyak dan meluas dan dengan itu memberi pendapatan yang baik kepada peguam. Tuan sendiri tahu banyaknya produk konvensional di pasaran dan hebatnya godaan kadar faedah ditawarkan sehingga masih begitu ramai orang Islam yang melangganinya. (Fakta diketahui).

Saya tidak suka menimbulkan hujahan bersifat menagih ihsan seperti lambakan produk konvensional, kesusahan hidup dan kerjaya kerana hukum riba adalah tegas dan jelas. Tapi jika dipertimbangkan dari sudut darurat, maslahat ... .

Bukankah realiti hidup kita sekarang, sistem pemerintahan negara kita, suasana ekonomi kita, kepelbagaian budaya dan bangsa, kelemahan bangsa dan saingan kita dan sebagainya meluaskan tafsiran pemakaian situasi darurat atau pengecualian dalam soal riba dan dosa riba?

Maafkan saya, dalam membicarakan isu situasi darurat dan pengecualian kepada dosa riba, sejak dahulu, contoh yang diberikan agak tipikal dan terhad iaitu pekerja-pekerja bank dan sedikit bidang-bidang lain. Hujah dan penjelasan juga kelihatan terhad sedangkan pada masa kontemporari ini, wujud keadaan-keadaan kerja dan tugasan dalam pelbagai bentuk seperti kedudukan profesion peguam yang penting dalam sistem dan pasaran ekonomi yang masih dikuasai riba?

Mungkinkah dan bolehkah kelonggaran dan situasi darurat yang diberikan kepada umumnya semua pekerja bank dan bidang-bidang kerja lain yang penglibatan riba secara tidak langsung diluaskan dan dipanjangkan kepada tugasan peguam seperti kami?

Dalam perbankan, saya sedikit keliru apabila seperti kelihatan ada dua hukum berbeza apabila mengambil kira kedudukan dan peranan antara pekerja dalam bank riba seperti pekerja kecil atau am dengan pengurus. Seperti ada diskriminasi bahawa pekerja kecil tidak berdosa dan pekerja besar berdosa. Bukankah patutnya yang peranan kecil, kecil dosanya, yang peranan besar, besar dosanya? Bukankah setiap seorang menyokong sistem yang sama di bawah satu bank, ibarat akar kecil dan akar besar yang menyokong sepohon pokok?

Begitu juga tafsiran penglibatan langsung atau tidak. Kurang penjelasan dan huraian dalam hal ini. Bagaimana secara adil kita hendak meletakkan garis pemisah antara yang dibenarkan atau tidak? Kerja-kerja dibenarkan atau tidak?

Adakah kita sedar bahawa semasa kita semua membeli rumah teres dengan pemaju, kita menandatangani perjanjian yang ada peruntukan faedah? Apabila bank Islam lambat melepaskan bayaran progres, faedah dikenakan, maka kitalah pembayarnya melalui bank Islam?

Jika tidak dapat tidak dihukumkan, penyaksi perjanjian dokumen perjanjian riba dianggap penglibatan langsung, tetapi tidakkah alasan kepentingan peguam Muslim dan masalah yang ditakuti timbul jika semua peguam Muslim menarik diri dalam peranan ini akan menimbulkan kesan buruk kepada umat Islam (seperti jika semua pekerja bank riba berhenti), maka kelonggaran dan darurat terpakai – demi maslahat umat?

Kembali kita menilai lagi tugas peguam. Lanjutan tugas peguam seperti berikut: Apabila seseorang membuat

pinjaman riba dengan bank, ia tidak ada kena-mengena dengan kami. Pelbagai syarat dan kelayakan dikenakan. (Diketahui) setelah bank meluluskan maka surat tawaran dikeluarkan oleh bank dan diterima dan ditandatangani peminjam. Hanya selepas itu, suatu surat arahan kes bersama surat tawaran itu diberikan kepada peguam untuk disempurnakan. Pada masa inilah bermula tugas peguam. Maka daripada surat tawaran ini barulah diketahui jenis pinjaman riba atau kemudahan pembiayaan Islam.

Jadi bukankah tugas kami '*secondary*'? Bukan *direct* atau *primary* jika dibandingkan pekerja bank (kakitangan rendah) yang fotostat surat tawaran di bank?

Peranan kami, para peguam, baru bermula setelah produk riba telah dipilih dan terbentuk. Jadi peranan kami bukan *primary* tidak seperti *manager*, *marketing executive* di bank tersebut? Peranan peguam bermula setelah surat tawaran (pinjaman riba) diterima oleh pelanggan. Lepas itu baru arahan diberikan kepada peguam untuk menyiapkan dokumen perjanjian dan lain-lain. Tanpa kami ia tetap dilaksanakan.

Jika kami menolak arahan kes itu, pihak bank mungkin akan menyenaraihitam kami, dan peguam lain atau peguam bukan Muslim dengan senang hati menerima tugasan kes itu? Tidakkah kami boleh menerima tugasan ini dengan kebencian di hati?

Sebagaimana kelonggaran darurat diberikan kepada pekerja bank secara am (dengan alasan diketahui), tidakkah pihak peguam juga patut diberikan kelonggaran? Kerana kesannya jika kesemua pekerja bank ini meninggalkan bank, maka ... ; bukankah begitu juga jika semua peguam Muslim

menarik diri dalam hal begini, sedangkan sistem negara dan undang-undang telah menetapkan kepentingan profesion peguam bagi tujuan tersebut demi menjaga amanah dan kepercayaan antara kedua belah pihak dari sudut undang-undang dan sebab itu kami dilindungi insurans yang tinggi?

Sekali lagi lanjutan tugas peguam: Kami menyediakan perjanjian pinjaman. Namun pada masa kini kebanyakannya perjanjian adalah standard yang telah disediakan, bukan lagi didrafkan secara *case by case* oleh peguam. Jadi sekali lagi kami memastikan perjanjian dijelaskan dan ditandatangani oleh pihak peminjam dan bank. Kami mengesahkan dan menyaksikan dan *mengatestasi* dokumen riba (satu tugasan riba yang secara jelas disebut dalam hadis Nabi) kemudiannya memastikan prosedur-prosedur lain dilakukan dan syarat-syarat lain dipenuhi (tiada kaitan dengan riba) seperti semakan status kebankrapan, semakan tanah, semakan syarikat, dokumen-dokumen sampingan lain, surat-menyurat dan jika ada cagaran, maka pastikan gadaian sempurna dan apabila semua sempurna, maka barulah kami nasihatkan bank untuk melepaskan pinjaman kepada peminjam atau pemaju.

[Tidak dinafikan inilah fungsi penting peguam untuk memastikan dokumen perjanjian pinjaman riba, jaminan pinjaman riba teratur *(in order)* dan kepentingan bank riba terpelihara, terjamin dan selamat, maka peguam memberi akujanji dan nasihat undang-undang (berjaminan insurans berjuta ringgit atas risiko kecuaian). Maka atas nasihat itu bank riba melepaskan wang pinjaman riba kepada peminjam riba. Tanpa nasihat peguam ini, pastilah wang pinjaman riba tidak akan dilepaskan. Alangkah hebatnya

profesion peguam. Daripadanya, peminjam akan membayar wang upahan dipanggil *'legal fees'* atas perkhidmatan profesionalnya. Nampak penting tugas peguam. Itulah peraturan yang ditetapkan sistem kewangan dan undang-undang kita].

Selain penyaksi dokumen riba kami menyempurnakan tugasan sehingga wang pinjaman boleh dilepaskan kepada peminjam (tugasan yang nampaknya penting). Lazimnya pendapatan kami dibayar peminjam pinjaman riba atau kadangkalanya bank. Inilah tugas rasmi kami sebagai peguam, namun dalam era persaingan, kami diminta sangat oleh bank-bank ini untuk membantu memasarkan produk mereka termasuk produk riba dan mencari pelanggan untuk mereka. Kerjasama *reciprocal* di'tuntut'.

Jadi, bagaimana tuan, adakah peranan kami masih *'direct'* dan masuk kategori 'penyebar riba' dan tetap haram dan berdosa besar, wajib bertaubat dan meninggalkan serta-merta kerja ini atas apa jua kesan dan natijah? Bagaimana jika kerja yang telah diambil dan belum habis atau hampir habis ditinggalkan sahaja? Tentu kami menghadapi risiko kecuaian atau pecah tugas yang boleh disaman atau dilucutkan sijil peguam kami. Namun, neraka Allah ﷻ lebih ngeri. Terlupa satu perkara, adakah ada perbezaan jika pelanggan/peminjam bukan Muslim?

(2) Tugasan: Kes-kes Tuntutan Sivil

Tugas peguam ialah sama ada mewakili yang menuntut (menyaman) atau dituntut (disaman) antara individu dan/atau syarikat dan lain-lain. Termasuk kes 'accident' atau individu. Firma

kami tidak banyak melakukan tugasan ini kerana saingan dan kesukaran mendapat pelanggan dan lain-lainnya.

[Bahagian tugasan guaman ini serasa saya belum pernah dirujuk dan dibincangkan dari sudut isu riba].

Kes Tuntutan Sivil Bank dan Lain-lain

Tugasan tuntutan sivil yang banyak dilakukan oleh saya dan kebanyakan peguam Muslim lain ialah mewakili pihak bank atau institusi kewangan dan badan-badan lain seperti syarikat telekomunikasi, pertubuhan-pertubuhan dan syarikat. Bukan mudah untuk menjadi panel peguam bank sebelum diberikan tugasan, kami sendiri adalah panel peguam bank kepada beberapa bank sahaja. Iaitu termasuk bank-bank Islam dan bank-bank lain yang produk utama adalah produk konvensional dan ada juga produk Islam. (Diketahui).

Seperti yang tuan sedia maklum, tuntutan oleh pihak bank kepada peminjam atau pelanggan melibatkan keingkaran pada pelbagai jenis pinjaman atau kemudahan sama ada bergadaian (bercagar) atau tidak.

Banyak firma melakukan kes-kes tuntutan sivil bank atau syarikat-syarikat lain sebegini sama ada meliputi perbankan Islam atau sebaliknya. Kewujudan riba dalam perkara ini tidak seperti disebut dalam hadis Nabi kerana kami bukan penyaksi dokumen. Namun apabila berlaku keingkaran peminjam dalam pembayaran balik maka berlaku kemungkiran pada perjanjian pinjaman riba ini, maka

pihak peguam akan diberi arahan tugasan untuk mengambil tindakan undang-undang bermula dengan notis, saman di mahkamah atau lelongan hartanah yang digadai.

Peranan kami dalam riba wujud dalam situasi lain pula iaitu apabila tuntutan dibuat maka jumlah tuntutan adalah termasuk jumlah prinsipal dan jumlah faedah yang kadangkala masih dalam bentuk formula seperti 2.5 peratus setahun 2.5 peratus atas BLR *(Base Lending Rate)*. Sebagai contoh, penghakiman diberikan mahkamah iaitu pada jumlah RM20,000.00 setakat 10/7/2006 dengan faedah pada kadar 10 peratus dari tarikh 11/7/2006 sehingga tarikh penghakiman dan faedah lapan peratus dari tarikh penghakiman hingga tarikh penyelesaian penuh. Ada faedah yang masih tertakluk kepada faedah tidak jelas seperti BLR dan sebagainya.

Tuntutan dalam kes lelong juga begitu, ada tuntutan faedahnya. Bagi kes-kes saman lain bukan daripada dokumen pinjaman bank di mana tiada peruntukan faedah, pihak yang menang tuntutan bagi satu jumlah, mahkamah juga boleh memberi faedah lapan peratus setahun sehingga hutang itu diselesaikan. Tetapi bank-bank Islam tidak menuntut faedah dan melucutkan hak kepada faedah lapan peratus yang diberikan mahkamah.

Soalannya:

Atas arahan bank, kami membuat dan menandatangani notis tuntutan dan saman sebagai peguam bagi firma dan mewakili bank di mana tuntutan mengandungi tuntutan faedah. Jadi bagaimana kedudukan tugas kami dalam perkara ini?

Atas arahan bank juga, di mahkamah pula, kami juga terpaksa menuntut penghakiman atas jumlah prinsipal dan faedah? Jadi bagaimana kedudukan tugas kami dalam perkara ini?

Atas persetujuan peminjam dalam perjanjian, maka mahkamah membenarkan tuntutan faedah walaupun kadarnya mungkin lebih tinggi daripada kadar lapan peratus faedah yang Mahkamah berkuasa memberikan. Jadi bagaimana kedudukan tugas kami dalam perkara ini?

Dengan peranan kami, maka akhirnya terdapat satu rekod bertulis iaitu Penghakiman Mahkamah yang mengandungi catatan faedah ini. Semua faedah ini adalah dibenarkan dan ditetapkan di bawah undang-undang, namun bank boleh sahaja melucutkan hak ini.

Begitu juga seterusnya segala tindakan kuatkuasa yang dibuat oleh peguam atas arahan bank, sama ada berupa penyitaan, *komital* ke penjara, saman penghutang, tindakan kebankrapan juga mengandungi tuntutan faedah ini lagi. Jadi bagaimana?

Dalam kes bukan bank, individu atau syarikat, belum terjumpa satu kes di mana pelanggan berkata agar jangan tuntut atau ambil faedah yang diberikan dan ditetapkan mahkamah.

Maka segala soalan di atas juga diulangkan bagi mendapatkan jawapan dalam tugasan tuntutan sivil ini. Adakah tugas di atas terlibat dalam riba, berdosa dan haram?

Adakah tugas di atas termasuk juga dalam kategori peranan besar atau langsung atau keduanya, dalam pe-

nyebaran riba? Mengambil kira hujah perbandingan yang sama seperti di atas tadi.

Bagaimana pula dengan aplikasi darurat dan kelonggaran dengan alasan yang sama di atas antaranya jika semua peguam Muslim menarik diri.

Bagaimana dengan peranan pihak-pihak lain seperti dalam hal ini? Hakim yang membenarkan tuntutan faedah tersebut kerana perlu dibenarkan berdasarkan peruntukan undang-undang?

Pihak pelelong yang melelong hartanah bagi membenarkan tuntutan berfaedah di mana salah satu tugasnya ialah membuat perisytiharan makluman lelongan di akhbar dan kepada orang ramai di mana terdapat tuntutan faedah? Begitu juga peranan pentadbir tanah, pihak pejabat tanah yang membenarkan lelongan dilakukan? Banyak lagi pihak lain terlibat manakala di dalam penglibatan setiap pihak itu terdapat pelbagai jenis pekerjaan. Bukankah semua terlibat dari peranan kecil hingga besar?

Ironinya, pihak-pihak ini hanyalah sebahagian daripada pihak-pihak yang terlibat dalam satu kisah perjalanan (*journey*) transaksi riba daripada ia mula dipromosi, 'dibenihkan', dilahirkan, didaftarkan, didokumenkan, dibesarkan, dicemari, diingkari hingga ia disahkan, dikuatkuasa hingga ia dilupuskan – iaitu apabila hutang selesai – jika tidak rekod keberhutang terus kekal dan mungkin 'di-CTOS'kan. *One hell of a journey.*

Ini belum lagi pergi kepada pihak Jabatan Hasil Dalam Negeri bagi urusan taksiran duti setem pada dokumen riba?

Justeru tuan, dalam dua keadaan ini, tidakkah kita boleh meletakkan kesalahan pada sistem yang sedia di mana perubahan yang dijana oleh bank Islam dan pendokong sistem perbankan Islam masih sebagai pemain amatur.

Maka keseluruhan sistem kehidupan, sistem ekonomi dan sistem peraturan dan undang-undang kita masih bersandarkan asas-konvensional menjadikan alasan darurat dan kelonggaran daripada dosa riba ini diperluaskan aplikasinya termasuk kepada peguam? *One way or another*, majoriti terlibat – iaitu terkena debu-debunya, cuma banyak atau sikit debu-debu itu mengena dan menimpa kita ... .

Soalan-soalan tambahan lain:

1. Bagaimana kedudukan seseorang sebagai peguam dan pekongsi firma? Ada perbezaan hukum?
2. Bagaimana pula peguam yang bekerja sebagai pekerja di firma, bukan pekongsi?
3. Bagaimana pula dengan pekerja-pekerja bukan peguam di firma saya? Ada kerani bahagian *conveyancing*, ada kerani bahagian tuntutan sivil.
4. Bagaimana kedudukan seseorang sebagai pekongsi firma yang hasilnya dinikmati 50-50 peratus dengan rakan kongsi satu lagi (Muslim)? Seorang menjaga bahagian tuntutan sivil manakala rakan kongsinya menjaga bahagian dokumentasi pinjaman, tetapi dalam masa yang sama perlu bekerjasama dan bertukar tugasan seperti tandatangani dokumen riba atau tandatangani saman tuntutan riba?

5. Jika selama bertahun telah jadi panel bank, beberapa bank Islam, beberapa bank konvensional, sedikit kes jenayah, sedikit individu, maka pendapatan selama ini telah bercampur aduk antara transaksi riba dan Islam. Peratusan sukar ditentukan mana yang banyak. Kadangkala seperti seimbang, kadangkala yang riba lebih sedikit, kadangkala yang Islam lebih sedikit. Jadi bagaimana?

6. Pendapatan ini juga telah digunakan secara bercampur. Ada yang dibayar gaji, dibawa balik, bayar pihak lain, tiada pengasingan teratur dibuat antara pendapatan daripada produk Islam dan riba?

7. Akaun-akaun bank walaupun dibuka atas nama akaun Islam, pendapatan-pendapatannya daripada sumber bercampur riba dan tidak. Maka bank-bank Islam pun dapat sebahagiannya wang riba. Pendapatan ini dan selama ini telah digunakan pula untuk makan minum semua, keluarga dan pekerja. Jadi, bagaimana?

8. Dalam buku *Fatwa Semasa* oleh Dr. Yusuf Qaradawi, ada disebut darurat dan kelonggaran, tetapi tidak disebut sama ada peguam termasuk dalam kategori darurat. Jika termasuk pun dalam kategori darurat, ia bukan mudah kerana syarat kelonggaran/darurat itu tidak berlebih dan tidak melampaui batas. Tetapi kebanyakan peguam sedikit sebanyak menikmati hidup sederhana senang, malah ramai yang agak senang. Adakah ini telah melanggar syarat darurat – iaitu tidak berlebih dan tidak melampaui batas?

9. Apakah tafsiran tidak berlebihan dan tidak melampaui batas itu mengambil kira kedudukan, peranan dan

pendapatan peguam; seperti contoh, tidak boleh beli kereta mahal atau rumah besar?

10. Maka jika ada baki wang tersebut yang telah bercampur aduk tetapi tidak diketahui berapa banyak halal, berapa banyak yang haram, bagaimana? Harta yang ada? Rumah yang telah dibeli? Wang dalam akaun? Adakah kena dibuang semua itu, tidak boleh dibelanjakan untuk kesinambungan hidup?

11. Jika mengehadkan kepada aktiviti guaman tidak riba (masih susah elak debu) akan menimbulkan prejudis banyak pihak. Kes-kes tugasan daripada pihak bank-bank Islam tidak banyak dan mempunyai saingan yang tinggi. Skala kos bagi pembayaran kepada peguam juga dirasakan rendah.

12. Bolehkah untuk masih membuat kes riba, tetapi pendapatannya diasingkan untuk tujuan sedekah? Menolak secara total kes riba mungkin menerima impak rasa kurang senang hati panel bank dan pihak tertentu? Dan demi maslahat, nanti bukan Muslim akan menguasai pasaran kes-kes riba?

13. Jadi, bagaimanakah cara hendak dilakukan kepada harta dan pendapatan yang bercampur ini? Wang dalam akaun yang masih berbaki? Hartanah yang masih ada pinjaman? Kenderaan yang dipakai dengan ijarah Islam? Bagaimana dengan perbelanjaan dan *maintenance* bulanan hidup yang perlu dijelaskan?

14. Bagaimana kalau seorang rakan kongsi peguam menerima bayaran royalti tiap-tiap bulan daripada cawangan firma guaman di tempat lain yang perniagaan

guaman dan pendapatannya bercampur aduk daripada tugasan seperti di atas?

15. Bolehkan seseorang rakan kongsi peguam tidak mahu terlibat atau menarik diri daripada buat kes riba, dan dibayar royalti tertentu sebulan dengan niat dan janji daripada pendapatan kes-kes bukan riba yang peratusan pendapatan kes bukan riba mencukupi? Jika peguam lain atau rakan-rakan kongsi lain tidak bersetuju dengan kehendak seorang rakan kongsi untuk menamatkan semua kes transaksi riba dan hanya memfokus kepada kes bebas riba sahaja? Bagaimana jika ia membawa kepada pembubaran firma kerana tiada persetujuan?

16. Maafkan saya, bukan tujuan saya hendak berhujah dalam perkara ini. Tetapi bagi saya amat penting untuk membawa persoalan fakta-fakta dari pelbagai sudut

dan aspek bagi membolehkan pertimbangan adil dan menyeluruh diberikan sebelum pandangan hukum atau fatwa hukum diberikan kerana terdapat isu darurat atau kelonggaran di mana wujudnya situasi orang yang terlibat dengan riba tidak dihukum berdosa. Saya mengharapkan jawapan yang ikhlas, jujur dan meyakinkan. Sekurang-kurangnya fatwa pihak tuan dapat membuka jalan kepada perbincangan lebih mendalam dan lanjut pada peringkat lebih tinggi dan lebih meluas.

Bagi saya, fatwa pihak tuan penting bagi saya untuk membantu saya dalam membuat pertimbangan dan keputusan bagi 'syurga atau neraka' diri sendiri. Segala penjelasan, jawapan dan fatwa pihak tuan (berserta segala hujah, sandaran, dalil, autoriti dan rujukan) amatlah diharapkan dan dihargai. Saya mendoakan Allah سبحانه وتعالى memberikan ganjaran sebaiknya atas budi pihak tuan.

Sekian. Terima kasih. Wassalam.

Yang Benar,

PENULIS

BAB 3

Surat Jawapan Daripada Jawatan Kuasa Fatwa Negeri Johor

(DISALIN daripada surat sebenar dan dipercayai ia adalah pertama kali fatwa bertulis dikeluarkan dalam isu berkaitan di Malaysia).

Tarikh: 9 Muharram 1430 bersamaan 6 Januari 2009

Assalamualaikum Warahmatullahiwabarokatuh

Kepada Penulis,

Alamat (dirahsiakan)

Tuan,

Permohonan Untuk Mendapatkan Jawapan Dan Fatwa Bertulis Mengenai Isu Riba Dalam Bidang Tugas, Peranan dan Kedudukan Peguam (dan Isu Unsur Judi Dalam Permainan/Sukan Golf).

Dengan hormat takzimnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacitanya dimaklumkan bahawa perkara di atas telah dibincang dan dibahaskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor pada 3 Muharram 1430 bersamaan 31 Disember 2008. Setelah dilihat dengan penuh penelitian, maka keputusannya adalah seperti berikut:

Fatwa Peranan dan Kedudukan Peguam Muslim

Alhamdullillah Fatwanya:

Mewujudkan firma guaman yang bebas daripada unsur-unsur riba, *gharar* dan perjudian adalah fardhu kifayah. Ia merupakan langkah yang amat penting demi membangunkan ekonomi umat Islam. Kewujudan firma guaman yang berdasarkan kepada prinsip syariah

Islamiah menjadi pelengkap kepada sistem ekonomi Islam dan penyempurnaan tuntutan agama kerana ia melibatkan penyertaan modal serta harta yang dimiliki oleh umat Islam dalam kegiatan muamalat.

Ciri-ciri utama prinsip syariat Islamiah bagi meluluskan sesuatu syarikat perniagaan (termasuk firma guaman) ialah:

(1) Kegiatan utama syarikat itu tidak berasaskan kepada riba.

(2) Tiada unsur perjudian.

(3) Pengeluaran barangan yang dibenarkan oleh syarak.

(4) Tidak mengandungi unsur *gharar* iaitu ketidakpastian atau penipuan atau akad yang tidak jelas.

Oleh itu, sesuatu syarikat perniagaan (termasuk firma guaman) dikatakan halal perniagaannya apabila:

(1) Kegiatan dan perolehan syarikat induk dan kegiatan perolehan anak syarikat tidak terlibat dengan kegiatan yang bercanggah dengan syarak.

(2) Pelaburan syarikat induk dan anak syarikat tidak terlibat dengan pelaburan yang bercanggah dengan syarak.

(3) Perolehan syarikat induk dan anak syarikat tidak terlibat dengan pinjaman atau perolehan daripada sistem perbankan berasaskan riba.

(4) Manakala syarikat bercampur (dalam kes ini ialah firma guaman) iaitu syarikat yang kegiatan

utamanya menjalankan perniagaan yang dibenarkan oleh syarak, tetapi terdapat juga kegiatan sampingan yang haram dalam nisbah yang kecil, maka urusniaga tersebut adalah harus berasaskan prinsip darurat.

Di antara sebab yang mengharuskan urusniaga dengan wang yang bercampur antara halal dan haram dengan syarat kadar halalnya adalah lebih besar (dalam kes firma guaman ini) ialah:

(1) Berdasarkan maslahat iaitu segala manfaat atau kebaikan yang dikehendaki oleh Allah ﷻ kepada hamba-hamba-Nya, yang melibatkan penjagaan terhadap agama, memelihara nyawa, kewarasan akal, kesucian keturunan dan kehormatan harta benda yang tidak boleh dicapai kecuali dengan membuka

segala jalan yang membawa manfaat dan menutup segala jalan yang boleh merosakkan kesemua unsur di atas atau sebahagian daripadanya. Keharusan firma guaman Muslim melibatkan diri dengan unsur haram yang kecil adalah berdasarkan kepada prinsip maslahat demi menjaga ekonomi dan kedudukan orang Islam untuk mencapai matlamat syariat tersebut.

(2) Prinsip Umum Al Balawi ("UAB") iaitu keadaan tidak baik yang meluas yang terkena kepada kebanyakan orang dan yang sukar untuk menghindarkan diri daripadanya. Ia juga didefinisikan sebagai keadaan kerumitan meluas yang sukar dielakkan. Oleh itu, perkara yang dikategorikan sebagai UAB dengan nisbah yang sedikit adalah dimaafkan oleh syarak. Tujuan kemaafan ini adalah untuk memberi kemudahan kepada orang Islam menjalankan kegiatan harian mereka. Sekiranya tiada kemudahan ini, maka maslahat umum akan terjejas terutamanya dalam bidang ekonomi yang melibatkan pegangan harta, perdagangan dan kekuatan umat Islam dalam negara. Antara kaedah fiqhiah yang berkaitan dengan situasi UAB adalah seperti berikut:

i. Sesuatu yang memudaratkan hendaklah dihilangkan.

ii. Melakukan mudarat khas untuk mengelak mudarat am.

iii. Apabila bertembung dua kemudaratan yang merosakkan, hendaklah diutamakan mengelak

kemudaratan yang lebih besar dengan melakukan kemudaratan yang lebih kecil.

iv. Menghindari kerosakan didahulukan daripada tindakan yang mendatangkan kemuslihatan.

v. Darurat mengharuskan perkara yang dilarang.

vi. Darurat itu mengikut kadar keperluannya.

vii. Apabila sesuatu perkara berada dalam kesempitan, ia mewujudkan keluasan/kelonggaran.

(3) (i) Prinsip *Ad Darurat Al Hamsah* iaitu sesuatu keterpaksaan atau keadaan mendesak yang membolehkan seseorang itu melakukan perkara-perkara yang dilarang oleh syarak demi mempertahankan salah satu daripada lima rukun asas kehidupan iaitu agama, akal, keturunan, kehormatan dan harta.

(ii) Dalam hal persoalan menjaga harta (*Hifz al-Mal*) mesti diambil perhatian oleh orang Islam. Ia melibatkan persoalan keutuhan, penerusan dan kemajuan umat Islam khususnya di Malaysia.

(iii) Firma guaman yang kegiatan utamanya adalah halal tidak sepatutnya ditinggalkan oleh umat Islam walaupun terdapat beberapa kegiatan yang berlawanan dengan syariat yang tidak dapat dielakkan. Penglibatan umat Islam dalam firma guaman berkenaan secara tidak langsung dapat menggemblengkan modal mereka dalam kegiatan halal yang bersifat haram.

(iv) Selain itu, ia juga dapat memberi manfaat kepada penyertaan umat dalam kegiatan

ekonomi khususnya dalam syarikat-syarikat yang strategik dan penting kepada umat dan negara.

(4) Dari segi realiti hidup, sistem pemerintahan negara, suasana ekonomi, kepelbagaian budaya dan bangsa, kelemahan bangsa dan persaingan yang wujud dalam negara Malaysia, menyebabkan konsep darurat dilaksanakan dengan syarat-syarat yang ditetapkan oleh syarak.

(5) Sekiranya sesuatu perkara mungkar belum berlaku, maka perlu mengambil pandangan yang keras (*syadid*) sebagai langkah penjagaan awal. Tetapi sekiranya kemungkaran telah dan sedang berlaku, maka perlu mencari pandangan yang boleh menyelesaikan masalah tersebut.

(6) Apabila orang yang bukan Islam telah menguasai semua bidang (termasuk guaman), maka akan berlaku suatu perkara yang mana mereka berani untuk mencabar Islam sebagaimana yang telah berlaku sekarang (di peringkat permulaan).

(7) Sekiranya peguam Islam tidak terlibat, kemungkinan besar boleh berlaku penipuan ke atas umat Islam. Dalam masalah ini perlu digunakan kaedah *"Sadr Al-Zara'i"*.

Keharusan urusniaga ini adalah hanya dalam situasi darurat semasa sahaja (sebagaimana telah dijelaskan). Sekiranya perkara yang dikategorikan sebagai darurat telah tiada, maka hukumnya kembali kepada yang asal iaitu tidak harus. Ini berdasarkan kepada kaedah *fiqhiah* yang berbunyi:

i. Sesuatu perkara yang diharuskan untuk melakukannya disebabkan uzur syarie akan terbatal keharusan tersebut dengan sebab hilangnya penyebab keharusan itu.

ii. Yang tetap dengan hukum darurat itu diukur berdasarkan kadarnya, tetapi apabila darurat itu hilang kembalilah hukum kepada ketetapan asal sebelum darurat.

Wallahu a'lam bis sawab

Sekian untuk makluman dan tindakan pihak tuan.

Pengerusi, Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor

ULASAN

Penulis berterima kasih atas jawapan diberikan pihak jawatankuasa fatwa tersebut. Semoga Allah memberi ganjaran setimpal atas apa yang mereka lakukan. Cuma pada ketika menerima jawapan bertulis dan membacanya, penulis berasa sedikit terkilan dan kecewa kerana keterujaan kepada jawapan pada tahap yang diharapkan seperti tidak kesampaian.

Mungkin rasa terkilan itu dirujuk kepada isi jawapan fatwa yang agak ringkas dan pendek, dan seperti tidak menjawab soalan-soalan penulis dengan sempurna. Apatah lagi setelah sekian lama menunggu jawapan dan ulasan akan hal tersebut.

Persoalan yang masih samar-samar, antaranya:

1. Bagaimanakah dikatakan kadar peratusan yang sedikit? Adakah sekitar melebihi 10%, 20%, 30%

atau sebagainya daripada keseluruhan perniagaan firma itu?

2. Sekiranya kerja berunsur riba itu melibatkan peratusan yang kecil, adakah bermaksud keseluruhan pendapatan firma itu adalah halal? Atau;
3. Adakah hasil daripada kadar peratusan sedikit yang dibenarkan itu masih dianggap haram dan pendapatannya perlu diasing untuk digunakan bagi tujuan yang layak baginya?

Terserahlah kepada pembaca-pembaca budiman menilai dan menentukannya. *Wallahu Ta'ala a'lam.*

BAB 4

Fatwa oleh Pakar Luar Negara

PROF. DR. MONZER KAHF
10232 Bellehurst Ave., Westminster,
California 92683, USA.

LATAR BELAKANG RINGKAS DR. MONZER KAHF

- Lahir di Damsyik, Syria. Seorang pakar, penasihat unggul masa kini di persada antarabangsa khususnya dalam bidang perbankan Islam, kewangan dan ekonomi. Berpengalaman luas dalam dunia kerjaya dan pendidikan. Peranan dan kepentingannya merangkumi tugasan seorang konsultan, pemberi latihan, pensyarah, pengkaji, penulis dan sebagainya.
- Menjadi panel penasihat, pakar rujuk, profesor di universiti dan aktif memberi syarahan dan ceramah di persidangan dan seminar di Amerika Syarikat,

Kanada, Asia Timur, Eropah, Negara-negara Caribbean, Asia Tenggara, Afrika dan lain-lain.

- Penulis kepada buku-buku penting seperti mengenai wakaf, zakat, ekonomi Islam, perbankan dan kewangan dan lain-lain. Seorang yang berpendidikan tinggi dan cemerlang dalam penggunaan bahasa Arab dan Inggeris.

Hubungan Dr. Monzer Kahf Dengan Penulis

- Penulis telah menghantar kepada Prof. Dr. Monzer Kahf ("Dr. Monzer") soalan-soalan yang diringkaskan dan diterjemahkan kepada bahasa Inggeris daripada soalan-soalan yang dihantar kepada Jabatan Mufti Johor. Selang sekitar satu minggu, penulis telah menerima jawab balasnya.
- Penulis sebenarnya terfikir untuk bertanyakan soalan kepada Dr. Monzer semasa berada dalam kekecewaan kerana semasa itu masih belum menerima jawapan daripada Jabatan Mufti Johor. Ketika itu, penulis dimaklumkan bahawa Dato' Mufti semasa itu yakni yang mengetuai jawatankuasa fatwa dinyatakan telah tamat perkhidmatannya.
- Kejutan berita pertukaran Dato' Mufti menimbulkan kebimbangan kepada penulis bahawa akan berlaku penangguhan. Penulis telah menelefon dan bercakap secara langsung dengan Dato Mufti yang baru dan selang tak lama kemudian, penulis telah menerima jawapan bertulis fatwa tersebut.
- Mengingatkan kembali, penulis semasa itu tertanya-tanya sama ada seorang pakar kewangan besar dan

terkenal yang jauh beribu batu serta sudah pasti terlalu sibuk dengan tugasan hariannya sudi melayani soalan penulis yang mungkin tidak penting baginya. Sudah tentu, penulis tidak mahu masa yang telah dikorbankan untuk menterjemah soalan fatwa, menjadi sia-sia begitu sahaja sekiranya soalan penulis tidak berjawab. Lalu penulis sekadar bertanya ringkas melalui email, sama ada beliau sudi memberi jawapan kepada soalan-soalan penulis. Penulis perlukan pengesahannya kerana penulis perlu menterjemahkan soalan-soalan kepada Jawatankuasa Mufti Johor. Jika Dr. Monzer tidak mahu menjawab, maka tidak perlulah penulis menyusahkan diri untuk menukar soalan ke dalam bahasa Inggeris.

- Tup! Rasanya tidak lebih daripada 24 jam, penulis menerima jawapan. Dr. Monzer menyatakan beliau akan memberikan jawapan kalau beliau tahu jawapannya, tetapi soalannya jangan panjang! Pastinya ia suatu permintaan yang tidak dapat penulis tunaikan. Soalan penulis sudah pasti panjang. Terpaksa. Darurat. Jika tidak, penulis tidak akan berpuas hati dengan jawapannya. Dr. Monzer harus faham keseluruhan fakta bagi membolehkan jawapan diberikan setelah mengambil kira semua aspek yang patut diambil kira. Ia akan menjadi jawapan yang lebih diyakini penulis.

- Penulis kemudiannya menghantar soalan dan selang tidak berapa lama kemudian, yakni sekitar satu minggu, penulis menerima jawapan Dr. Monzer. Maha besar Allah lagi Maha Agung! Segala puji bagi-Nya. Penulis terharu dengan jawab balas, kesegeraan jawab balas dan isi jawab balasnya. Penulis doakan semoga Allah memberi balasan yang terbaik buat insan mulia itu.

FATWA PROF. DR. MONZER KAHF

Inilah teks sebenar jawapan, pandangan dan fatwa beliau.

1

Are the lawyers' works in loan transactions haram and riba? Is the defence of darurah (t) applicable? If Darurah (t) is applicable, are all the money received from the transactions halal? Can the money be used to pay Zakah or to perform Hajj in Mecca?

Jawapan Dr. Monzer Kahf:

Any work of a lawyer or a secretary in drafting, typing, correcting, reviewing etc. any interest loan agreement is prohibited and covered by the Wrath of Allah as mentioned in a correct and authentic Hadith. These actions are parts of writing a riba contract. There are no necessities to do that whatsoever. The principle of necessity is invoked only when there is an unbearable damage caused to life, religion, mind, posterity or property. A Muslim is supposed to avoid such actions and if it happened that she/he did them then money received for these actions is not Halal and it must not be refunded to payers because it is a price of a service they received. It must rather be given to Muslim charity. It cannot be used as Zakah payment and it is not Halal for all other usages.

Terjemahan Jawapan:

Sebarang bentuk kerja seorang peguam atau seketariat dalam mendraf, menaip, memperbetulkan, menyemak dan sebagainya, melibatkan semua bentuk perjanjian

pinjaman berfaedah adalah dilarang dan terdedah pada kemurkaan Allah ﷻ di mana disebut dalam hadis yang sahih. Tindakan atau kerja-kerja ini adalah sebahagian daripada penulisan suatu kontrak riba. Tiada alasan Hajat atau Keperluan (darurat) apa pun untuk melakukan kerja tersebut atau tindakan tersebut. Prinsip keperluan boleh digunakan hanya apabila terdapat kerosakan besar (yang tidak tertanggung) kepada kehidupan, agama, pemikiran, keturunan atau harta. Seorang Muslim sepatutnya dikehendaki untuk mengelakkan tindakan-tindakan atau kerja-kerja (riba) tersebut dan sekiranya (kerja riba itu) telah dilakukannya, maka wang yang diterima daripada kerja-kerja tersebut adalah tidak halal. Tetapi ia tidak perlu dipulangkan kepada pemberi atau pembayar wang riba tersebut kerana ia adalah bayaran atas perkhidmatan yang diterima oleh mereka. Wang tersebut hendaklah diserahkan untuk kebajikan umat Islam. Wang tersebut tidak boleh digunakan untuk bayaran zakat ataupun tujuan-tujuan lain.

2

How about our works in representing banks to claim outstanding moneys from default customers? The claims normally consist of the principal sum and the interests? Also riba and haram, or darurah?

Jawapan Dr. Monzer Kahf:

It is permissible to represent a creditor (even if the loan is interest-based) provided you ask only for principal. Claiming the interest or asking a court to impose paying is forbidden in our religion.

Terjemahan Jawapan:

Ia adalah dibenarkan untuk bertindak mewakili satu pemiutang (sekalipun melibatkan pinjaman berfaedah) dengan syarat peguam menuntut hanya jumlah pokok pinjaman. Menuntut faedah atau memohon mahkamah untuk mengenakan bayaran faedah tersebut adalah dilarang dalam Islam.

3

If it is riba, haram and no darurah, what then should we do? What about the money that we have spent? What should we do with the money in the bank, the assets etc?

Jawapan Dr. Monzer Kahf:

You seek forgiveness from Allah and add more of the good deeds including prayers and Sadakah. Allah promised in the Qur'an that good deeds remove bad actions and wipe them out. Sincere repentance requires to be accompanied by quitting bad actions.

Terjemahan Jawapan:

Mohon dan usahakan untuk mendapatkan keampunan daripada Allah serta perbanyakkan amalan soleh termasuk solat dan sedekah. Allah menjanjikan bahawa perbuatan-perbuatan baik akan menghapuskan segala perbuatan-perbuatan jahat. Taubat yang ikhlas dan bersungguh-sungguh mensyaratkan amalan buruk (riba) ditinggal dan dihentikan.

4

Let say, after 10 years, we never really sure, how many percentage is the riba business and how many percentage is not riba business?

Jawapan Dr. Monzer Kahf:

You make your best educated guess and judgment.

Terjemahan Jawapan:

Anda buatlah andaian dan penilaian yang terbaik berdasarkan pengetahuan dan pertimbangan anda.

5

How about the works of other people like auctioneer whose duty is to auction the land charged over riba loan? The judge, who allow riba claim and award interest? The land office which allow riba loan documents to be registered in land office?

Jawapan Dr. Monzer Kahf:

Writing, recording, signing, typing and every part of the activity of creating an interest based contract is not permissible. Giving judgment of imposing interest is also Haram. Each Muslim is responsible for his or her own self and is required to follow the right path and only advise others to do the same.

Terjemahan Jawapan:

Menulis, merekodkan, menandatangani, menaip dan setiap bahagian daripada tindakan atau kerja yang

membentuk suatu kontrak (pinjaman) berfaedah adalah dilarang dan diharamkan. Memberi penghakiman yang memperuntukkan pengenaan faedah adalah juga haram. Setiap orang Islam bertanggungjawab terhadap dirinya sendiri dan dikehendaki mengikut jalan yang benar dan hanya perlu menasihati orang lain mengikut jalan yang sama (terserah sama ada orang itu mahu mengikut nasihat atau sebaliknya).

6

Application of darurah. Is there any difference to the following?

i. The lawyers who are working as employees (involved in riba transaction) and the partners of the firm?

Jawapan Dr. Monzer Kahf:

No difference and no necessity, as there are many activities lawyers can make that do not involve riba.

Terjemahan Jawapan:

Tiada perbezaan dan tiada keperluan, kerana ada banyak lagi aktiviti yang peguam boleh lakukan yang tidak melibatkan riba.

ii. The lawyer who is a partner to a firm, but he/she does not handle any riba works and the money and portion of his/her share is from non-riba cases?

Jawapan Dr. Monzer Kahf:

You cannot claim that. If you are a partner in a company or partnership, you must put in the founding contract a condition that no interest transaction can be made. In a Partnership, whatever each partner does of the business of the partnership is done in the name of all partners, not only for that partner's self.

Terjemahan Jawapan:

Anda tidak boleh mendakwa yang demikian. Sekiranya anda adalah rakan kongsi di dalam sesebuah syarikat atau perkongsian, anda mestilah meletakkan di dalam perjanjian/kontrak suatu syarat bahawa tiada urusniaga berfaedah yang boleh dilakukan. Dalam sesebuah perkongsian, apa jua yang dilakukan oleh seorang rakan kongsi akan perniagaan perkongsian, dilakukan atas nama kesemua rakan kongsi, bukan hanya untuk diri rakan kongsi tersebut sahaja.

iii. Staffs of the firm (not lawyers) who are also involved partly in the riba case?

Jawapan Dr. Monzer Kahf:

It is prohibited to do any part of writing a contract on interest or be a witness to it. Actions that do not make a part of writing are not prohibited and their income is not Haram.

Terjemahan Jawapan:

Adalah ditegah untuk mengambil bahagian dalam menulis kontrak berfaedah atau menjadi saksi kepadanya. Perbuatan yang tidak berkaitan dengan menulis (kontrak berfaedah) adalah tidak dilarang dan pendapatan mereka adalah tidak haram.

iv. *Let say it's been 10 years of practice. The sources of income come from many kind of cases including riba cases (namely, banking business which mixed riba and Islamic). So, how?*

Jawapan Dr. Monzer Kahf:

Make an educated estimation.

Terjemahan Jawapan:

Buatlah anggaran berdasarkan ilmu pengetahuan.

Soalan-soalan bagi jawapan di bawah ini tidak dinyatakan di sini atas sebab-sebab tertentu. Tetapi daripada jawapan-jawapan yang diberikan Dr. Monzer, anda masih boleh menduga soalan-soalannya.

1) *What is prohibited is the part of a lawyer's work that drafts, writes or review the riba matters. There are many other legal matters with conventional banks that are not prohibited whether in documentation or in litigation that are not prohibited and the fees for them are also permissible.*

2) *I cannot and nobody can make judgment on behalf of Allah (Subhanahu wa Ta'ala). I cannot tell you whether an action is acceptable to God or not! I can sometimes*

tell you whether it is in compliance with Shari'ah or not. But of course, you are the one who know how much of the actions of your firm is directly related to writing riba contracts or claiming riba in courts.

3) *If you think that the partnership makes little of the prohibited activities and your name does not contribute to the prohibited activities, it is then permissible to let your name be used in all permissible activities and get the income thus generated.*

4) *For the second question, again it is you who determines what is not legitimately earned of your accumulated savings. Nobody can interfere in this. It is only and strictly between you and Allah. Whatever is not earned legitimately should be given to Muslim charity.*

SEDIKIT ULASAN

Penulis mula mengetahui mengenai Dr. Monzer Kahf daripada pakar kewangan Islam tempatan iaitu Ustaz Zaharuddin Abdul Rahman, insan terawal yang relevan kepada kesedaran dosa riba ini. Moga Allah melindungi beliau daripada segala halangan dan gangguan dalam perjuangannya menentang riba.

Penulis menyifatkan jawapan yang diberikan oleh pakar luar negara itu sebagai memuaskan, mengambil kira masa dan cara komunikasi berkaitan. Jawapannya jelas dan memenuhi kehendak soalan. Ia memudahkan pertimbangan dibuat bagi mereka yang berada dalam situasi kerjaya demikian.

Terserahlah kepada pembaca-pembaca budiman menilai dan menentukannya.

BAB 5

Penghakiman Bersejarah Dunia *(Mesti Baca!)*

WALAUPUN penghakiman ini panjang dan boleh meletihkan untuk dibaca sampai habis, jika kita bersabar dan membacanya, kita akan menemui banyak hujah yang menarik dan bermerit oleh hakim yang bijaksana dengan visi untuk memartabatkan hukum (riba) di dalam al-Quran.

MAHKAMAH AGUNG PAKISTAN
(THE SUPREME COURT OF PAKISTAN)
PADA 23 DISEMBER 1999

(Sedikit rujukan dan ulasan atas teks penghakiman yang ditulis oleh Yang Arif Maulana Hakim Muhammad Taqi Usmani)

FAKTA-FAKTA MENARIK PENGHAKIMAN

Keputusan Ulung Oleh Mahkamah Tertinggi Pakistan

Pada 14 Ramadan 1420 (23 Disember 1999) Panel Rayuan Syariah Mahkamah Agung Pakistan telah memberikan keputusan ulung (*landmark*) mengharamkan faedah dalam semua keadaan dan bentuk dan dengan apa jua ia (faedah) dinamakan.

"This is the final verdict of Pakistan's Highest Court" (Ini adalah keputusan muktamad Mahkamah Tertinggi Pakistan).

Panel Hakim terdiri daripada:

- Yang Arif Hakim Khalil-ur-Rahman
- Yang Arif Munir A Shaikh
- Yang Arif Wajeehuddin Ahmad; dan
- Maulana Yang Arif Muhammad Taqi Usmani

Butiran-butiran Lain

Teks penuh penghakiman mahkamah mengandungi 1,100 muka surat, suatu rekod penghakiman bertulis mahkamah yang terpanjang yang tidak pernah wujud sebelum ini (*unprecedented*) dalam sejarah keputusan kes-kes mahkamah.

Keputusan awal kes ini ialah di mana Mahkamah Syariah Persekutuan Pakistan (*Federal Syariah Court of Pakistan*) telah mengisytiharkan undang-undang yang membenarkan faedah yang mana bercanggah atau bertentangan dengan ajaran Islam pada 1991. Kerajaan Persekutuan Pakistan dan sebahagian bank dan institusi kewangan telah memfailkan 67 rayuan ke Badan/Panel Rayuan Mahkamah Agung.

Akhirnya selepas 55 tahun, Pakistan menjadi negara Muslim pertama yang secara rasmi dan melalui perundangan

mengisytiharkan faedah bank sebagai *ar-Riba*, yang dihukumkan haram oleh agama Islam.

Sebahagian isi kandungan penghakiman hebat itu adalah seperti berikut:

Undang-undang yang Menentang Agama

Rayuan ini ialah daripada keputusan Hakim Mahkamah Persekutuan bertarikh 14/11/1991 di mana hakim bijaksana itu telah mengisytiharkan beberapa undang-undang negara Pakistan bertentangan dengan ajaran Islam kerana memperuntukkan pengenaan dan pembayaran faedah yang termasuk di bawah definisi (maksud) riba yang jelas dilarang dan diharamkan dalam al-Quran.

Hujah dan Alasan Rayuan

Perayu-perayu (yang tidak berpuas hati) menghujahkan antaranya transaksi-transaksi komersial yang berteraskan faedah terhasil dari dunia perniagaan moden dan oleh yang demikian itu tidak termasuk dalam tafsiran atau maksud riba dalam al-Quran. Pengharaman atau larangan riba dalam al-Quran tidak memaksudkan termasuk bagi larangan faedah.

Hujah Pertama

Pendekatan interpretasi istilah atau terminologi riba. Surah al-Quran mengenai larangan riba diturunkan pada hari-hari terakhir kehidupan Rasul kita (ﷺ). Rasul ﷺ tidak berkesempatan untuk menjelaskan maksud riba. Ia tidak dijelaskan dalam al-Quran dan sunnah. Oleh kerana istilah atau terma riba itu bersifat tidak jelas, ia jatuh pada

kategori *Mutashabihat* dan maksud sebenarnya (riba) masih tidak diketahui. Demikian itu pemakaian larangan riba itu harus dihadkan sekadar pada transaksi-transaksi yang disebut jelas dalam hadis yang (prinsipnya) tidak harus dilanjutkan aplikasinya kepada sistem perbankan moden, suatu yang tidak terfikir kewujudannya dahulu.

Hujah Kedua

Perkataan riba itu merujuk kepada pinjaman usuri, *usurious loans* (pinjaman berunsur riba) yang mengenakan faedah secara berlebihan dan melampau (kumulatif dan berganda) yang menyebabkan eksploitasi. Justeru, selagi mana faedah yang dikenakan oleh perbankan moden tidak bersifat eksploitasi dan berlebihan, ia tidak boleh ditermakan sebagai riba.

Hujah Ketiga

Perbezaan *Consumption loans* (pinjaman kepenggunaan) dan *Commercial loans* (pinjaman komersil). Riba yang disebutkan di dalam al-Quran hanya mengehadkan kepada jumlah bertambah yang dikenakan pada *Consumption loans* yang biasanya dialami oleh orang-orang miskin bagi keperluan harian mereka. Golongan ini berhak kepada layanan simpati dan perikemanusiaan, akan tetapi golongan kaya mengekploitasi kesusahan mereka melalui pinjaman usuri dengan mengenakan faedah berganda, berlebihan dan tidak jelas. Allah menerusi kalam-Nya telah mengecam amalan pinjaman ini sebagai kesalahan besar terhadap kemanusiaan dan telah mengisytiharkan perang kepada mereka yang terlibat di dalamnya.

Keadaan ini berbeza bagi pinjaman-pinjaman komersial dalam perbankan moden yang tidak seperti disebut dalam sunnah Rasul ﷺ dan tidak dirujuk oleh al-Quran dalam pengharaman riba. Malah falsafah dasar yang menjadi teras kepada larangan riba tidak boleh digunakan kepada pinjaman-pinjaman produktif dan komersial di mana penghutang bukanlah daripada kalangan orang-orang yang susah.

Pada kebanyakan kes, peminjam adalah daripada kalangan golongan kaya dan sekurang-kurangnya mempunyai kemampuan kewangan dan tujuan pinjaman adalah lazimnya untuk menghasilkan keuntungan. Maka, apa-apa pertambahan yang dikenakan terhadap mereka oleh pihak bank/pemberi pinjam tidak boleh ditermakan sebagai zalim atau tidak adil – dua elemen yang menjadi sebab asas atau sebab punca kepada pengharaman riba.

Hujah-hujah Lain

Transaksi berdasarkan faedah moden adalah termasuk maksud larangan riba, namun sistem pinjaman berdasarkan faedah komersial ini menjadi tulang belakang aktiviti-aktiviti ekonomi moden di seluruh dunia. Tiada negara boleh hidup tanpa terlibat dengan transaksi berdasarkan faedah ini. Sebarang cubaan memansuhkan faedah pada transaksi dalam dan luar negara adalah tindakan yang merugikan (dan membawa kehancuran) diri sendiri (*suicidal act*). Islam sebagai agama praktikal, mengiktiraf prinsip keperluan dan ia membenarkan untuk hatta memakan babi dalam situasi terpaksa (ekstrem) yang mana seseorang tidak dapat hidup tanpa memakannya.

Kaedah prinsip keperluan ini sepatutnya turut sama terpakai dalam situasi transaksi-transaksi berteraskan

faedah dan atas asas keperluan ini, undang-undang yang membenarkan pengenaan faedah tidak harus diisytiharkan bertentangan dengan ajaran Islam. Kerana pada masa Rasulullah ﷺ menyampaikan khutbah terakhir, Baginda turut menyatakan tentang pengharaman arak, salah laku terhadap wanita, perselisihan antara dua pihak dan sebagainya.

Islam sebagai agama praktikal, mengiktiraf prinsip keperluan dan ia membenarkan untuk hatta memakan babi dalam situasi terpaksa (ekstrem) yang mana seseorang tidak dapat hidup tanpa memakannya.

Nyatanya, kesemua ajaran Islam ini telah disebut dahulu dan ditetapkan pengharamannya sejak lama dulu. Peringatan dan penekanan semula oleh Rasul ﷺ ialah agar semua umat Islam yang hadir mengetahui dengan jelas dan tidak memberi alasan 'tidak tahu" kelak. Begitu juga dengan riba, kebenaran pengharamannya telah lama dahulu, dan (pengharaman dan larangannya) diulangi dengan pernyataan yang jelas pada peristiwa besar haji Rasulullah ﷺ tersebut. Susulan itu juga, dinyatakan bahawa tuntutan terhadap faedah atau riba tidak akan lagi dilayan.

Isu Untuk Dipertimbangkan di Mahkamah

Kesemua hujahan bagi rayuan (perayu) membawa kepada satu isu utama untuk diselesaikan iaitu sama ada ya atau tidak bahawa faedah komersial pada sistem kewangan temasuk dalam definisi riba yang dilarang oleh al-Quran. Jika keputusannya YA, ia boleh dibenarkan atas sebab atau

bersandarkan kepada prinsip keperluan. Perkara ini juga membawa kami (hakim/mahkamah) untuk meneliti sama ada transaksi kewangan moden ini boleh diwujudkan dan dihasilkan tanpa faedah dan sama ada alternatif-alternatif yang dicadangkan itu dapat disesuaikan dengan struktur kewangan dan perdagangan moden.

Mahkamah telah menjemput sejumlah pakar dan sarjana dalam bidang masing-masing iaitu syariah, ekonomi, perbankan, akauntan dan representatif daripada perdagangan dan perniagaan moden untuk memberi pandangan bagi membantu mahkamah dalam usaha mahkamah menyelesaikan isu kes tersebut.

Penilaian Objektif Mahkamah Terhadap Surah-surah Mengenai Riba

Sebelum menilai kesemua hujahan dan pandangan, mahkamah telah membuat penelitian objektif terhadap surah-surah al-Quran berkenaan dengan riba. Terdapat empat set surah yang diturunkan pada keadaan dan masa yang berlainan, dan surah-surah ini perlu difahami secara mengikut turutan surah-surah itu diturunkan (*in their chronological order*).

1) Pertamanya, terma riba disebut dalam surah ar-Rum [30: 39] yang diturunkan di Makkah. **Surah ini tidak bersifat larangan**. Ia secara mudah menyatakan riba tidak bertambah di sisi Allah dan tidak mendapat ganjaran baik di akhirat. Terdapat pertikaian pandangan juris tentang larangan riba pada surah ini. Surah ini tidak menyatakan larangan spesifik terhadap riba, tetapi ia menunjukkan amalan riba itu tidak disukai Allah.

2) Keduanya, terma **riba digunakan dalam konteks perlakuan dosa Yahudi** dalam surah an-Nisa' [4: 161]. Masa sebenar penurunan surah ini tidak dapat dipastikan. Dipercayai surah ini diturunkan semasa banyak orang Yahudi di Madinah iaitu sebelum tahun keempat Hijrah. Tidak dinafikan lagi perkataan riba di sini jelas merujuk kepada usuri kerana ia merupakan larangan kepada orang Yahudi, namun mereka melanggarinya. Apa yang dapat disiratkan ialah amalan riba ini juga merupakan suatu perbuatan berdosa untuk orang-orang Islam kerana jika tidak, tiada sebablah untuk menyalahkan orang Yahudi kerana amalan riba. Tentulah tidak munasabah seandainya orang Islam dibenarkan pula melakukan riba.

3) Ketiganya, surah Ali Imran [3: 130] yang diturunkan sekitar tahun kedua Selepas Hijrah kerana surah ini juga ada merujuk kepada peperangan Uhud. Surah ini mengandungi **larangan yang jelas kepada orang Islam (tentang riba)** dan boleh dikatakan sebagai surah pertama dalam Quran yang mana amalan riba dilarang kepada orang Islam melalui pernyataan yang nyata (*in express terms*).

4) Yang keempat adalah di dalam surah al-Baqarah [2: 275-281]. Pada surah ini **ketegasan dan kesungguhan larangan riba dijelaskan secara lebih terperinci**. Latar belakang penurunan ayat-ayat surah ini ialah selepas penaklukan kota Makkah. Rasulullah ﷺ telah mengisytiharkan segala jumlah riba yang terhutang pada masa itu sebagai batal dan lupus. Tiada siapa boleh menuntut faedah dan lebihan atas pinjaman yang telah diberikan. Di samping itu, kaum Bani Thaqif telah memasuki Islam dan menyerah diri kepada

> Rasulullah ﷺ. Terdapat perjanjian ditandatangani oleh kaum Bani Thaqif dengan pihak orang Islam bersama Rasulullah ﷺ. Kaum Bani Thaqif ini merasakan mereka dibenarkan menuntut sejumlah faedah (pinjaman) daripada Bani Amr ibn al-Mughirah. Bani Amr ibn al-Mughirah tidak mahu membayarnya dengan alasan riba telah dilarang (selepas Islam). Pertikaian perkara ini telah sampai kepada Rasul ﷺ untuk diputuskan. Turunlah ayat-ayat surah al-Baqarah [2: 278-279]. Susulan penurunan ayat ini, Bani Thaqif menyerah dan mengalah dan mengatakan bahawa, "Kami tidak mempunyai kuasa untuk melancarkan perang terhadap Allah dan Rasul-Nya" (dalam maksud yang baik).

Biar apa pun pandangan berbeza yang diberi oleh ramai sarjana mengenai kedudukan riba daripada kronologi sejarah, penurunan surah-surah mengenai riba, ada suatu fakta yang tidak boleh dipertikaikan – bahawa larangan dan pengharaman nyata riba telah ditentukan dalam tahun kedua Hijrah.

Pihak yang tidak berpuas hati mengenai pernyataan di atas (tarikh larangan nyata riba) mendakwa larangan riba dikenakan pada tahun terakhir hidup Rasulullah ﷺ. Alasan mereka ialah antaranya Rasul ﷺ mengisytiharkan larangan riba pada kutbah terakhir sewaktu haji terakhirnya (*wada'*). Rasulullah ﷺ juga mengumumkan bahawa dekri riba pertama yang dibatalkan ialah riba yang perlu dibayar kepada pak ciknya Abbas ibn Abdul Mutalib. Bermakna larangan riba tidak berlaku sebelum itu, iaitu sebelum tahun ke-10 Hijrah.

Walaupun hujah di atas nampak menarik, ia adalah silap dan tidak benar. Apa yang berlaku daripada situasi di atas ialah Rasulullah ﷺ mendapati ia amat perlu untuk

mengisytiharkan antara ajaran penting dan asas Islam pada masa kutbah terakhir yang merupakan tempat dan masa perkumpulan teramai umat Islam. Situasi itu adalah kesempatan paling baik yang tidak dilepaskan oleh seorang Rasul yang bijaksana untuk mengumumkan larangan dan pengharaman akan amalan-amalan yang dilarang oleh Islam, yang banyak dan lazim diamalkan pada zaman jahiliah.

> **Biar apa pun pandangan berbeza yang diberi oleh ramai sarjana mengenai kedudukan riba daripada kronologi sejarah, penurunan surah-surah mengenai riba, ada suatu fakta yang tidak boleh dipertikaikan - bahawa larangan dan pengharaman nyata riba telah ditentukan dalam tahun kedua Hijrah.**

Rasulullah ﷺ menyampaikannya sebagai peringatan penting buat umat baginda. Jadi bukanlah bermakna amalan-amalan itu tidak diharamkan dan dilarang sebelum itu. Sebagai contoh, Rasul ﷺ telah mengumumkan juga larangan dan pengharaman arak, salah laku terhadap wanita, perselisihan antara dua pihak dan sebagainya. Kesemua ajaran agama ini telah ditetapkan lama sebelum itu tetapi larangan dan pengharamannya diumumkan lagi pada khutbah terakhir baginda itu supaya didengari dan diambil perhatian oleh golongan umat Islam yang ramai, supaya tiada siapa lagi boleh mengatakan "tidak tahu".

Begitu jugalah dengan perihal riba. Biarpun telah lama dilarang dan diharamkan, pengharaman dan larangannya telah disebut dan diumum lagi secara jelas dan nyata

dalam peristiwa besar itu. Serta-merta itu juga, Rasulullah ﷺ telah menyatakan bahawa tiada lagi tuntutan riba yang akan dilayan. Pada tika dan saat peristiwa haji itu juga, telah begitu ramai puak Arab di seluruh semenanjung Arab menerima Islam. Sebagai amalan jahiliah tradisi yang perlu disingkirkan daripada jiwa mereka, ia merupakan saat yang sesuai untuk mereka diperingatkan akan pengharaman dan larangan riba. Bersesuaian dengan konteks itulah, Rasulullah ﷺ telah membatalkan riba yang perlu dibayar kepada bapa saudara baginda sendiri, Abbas ibn Abdul Mutalib. Ia adalah satu teladan tanpa pilih kasih buat seluruh umat Islam.

Perlu diingat bahawa bapa saudara Rasulullah ﷺ ini baru memeluk Islam pada tahun kelapan Selepas Hijrah iaitu dua tahun sebelum peristiwa haji baginda iaitu pada tahun ke-10 Selepas Hijrah. Abbas ini biasa memberikan pinjaman secara faedah (riba) sebelum memeluk Islam dan masih banyak jumlah hutang faedah (riba) yang masih terhutang oleh peminjam-peminjam kepada Abbas biarpun selepas dia memeluk Islam. Apabila dia bersama Rasulullah ﷺ bagi perjalanan haji, dia boleh mendapatkan segala hutang faedah pada jumlah besar daripada ramai peminjam. Bagaimanapun Rasulullah ﷺ telah mengisytiharkan bahawa segala jumlah terhutang atas riba yang perlu dibayar kepada bapa saudara baginda, Abbas ini adalah dibatalkan dan tidak perlu lagi dibayar.

[Terdapat lagi alasan penghakiman di sini tetapi tidak dinyatakan kerana panjang].

Seterusnya mahkamah perlu mendapatkan jawapan akan apa yang dimaksudkan riba. Kitab suci al-Quran telah tidak memberikan definisi bagi terma riba atas sebab mudah bahawa ia telah difahami dengan sewajarnya secara terus bagi orang yang mendengar terma itu seperti pengharaman

babi, arak, judi, zina dan lain-lain. Kesemuanya difahami tanpa kesamaran pada maksudnya. Begitu juga halnya dengan riba. Ia bukanlah terma atau istilah yang asing bagi masyarakat Arab. Mereka sudah terlalu biasa dengan transaksi berkaitan riba sesama mereka. Bahkan bukan sahaja masyarakat Arab, semua masyarakat sebelum itu juga telah biasa dengan transaksi riba dalam urusan kewangan mereka dan tiada siapa yang keliru akan apa sebenarnya riba itu. Sebagaimana dinyatakan dalam surah an-Nisa mengenai amalan riba oleh Yahudi walaupun dilarang oleh Allah. Maksudnya di sini ialah amalan riba yang dilarang kepada orang Islam adalah sama sebagaimana amalan riba yang dilarang kepada orang Yahudi.

[Dijelaskan bahawa larangan itu masih terdapat dalam Perjanjian Lama (*Old Testament*) kitab Bible].[1]

Imam Abu Bakr Al Jassas di dalam karyanya, *Ahkamul Quran* telah menjelaskan riba dalam perkataan sebegini:

> "Dan riba yang telah diketahui dan diamalkan oleh orang-orang Arab ialah di mana mereka telah biasanya memberikan wang pinjaman dalam bentuk dirham (syiling perak) atau dinar (syiling emas) bagi tempoh tertentu dengan penambahan yang dipersetujui pada jumlah prinsipal atau pokok yang telah diberikan."

1 Di dalam petikan *Bible*, perkataan usuri digunakan dari sudut apa-apa jumlah yang dituntut oleh pemiutang melebihi atau di atas jumlah prinsipal (pokok) yang telah diberi kepada peminjam/penghutang. Perkataan riba di dalam al-Quran membawa maksud yang sama seperti yang disebut dalam surah an-Nisa merujuk amalan riba orang Yahudi. Hadis juga menunjukkan bagaimana transaksi riba telah diamalkan dengan berleluasa oleh bangsa Arab jahiliah sebagaimana dirujuk oleh al-Quran.

Menurut beliau lagi, "... riba jahiliah adalah pinjaman yang diberi untuk tempoh masa yang ditentukan dengan pertambahan yang telah ditentukan (atas jumlah prinsipal pinjaman itu) yang perlu dibayar oleh peminjam".

Imam Fakhruddin ar-Raazi telah menyatakan mengenai amalan riba pada zaman jahiliah seperti berikut:

"Bagi riba an-Nasiah, ia adalah transaksi yang diketahui luas dan diiktiraf semasa jahiliah iaitu mereka biasanya memberikan wang dengan syarat mereka akan mengenakan suatu jumlah tertentu dan jumlah pokok masih terhutang sebagaimana adanya. Pada tarikh tempoh matang atau apabila sampai tempoh matang atau had masa ditetapkan, mereka akan meminta peminjam atau penghutang membayar jumlah prinsipal atau pokok (pinjaman) itu. Jika penghutang atau peminjam tidak dapat membayar, pemberi pinjaman ini akan menambah atau melanjutkan tempoh (pembayaran) dan meningkatkan jumlah yang perlu dibayar. Itulah riba yang lama diamalkan oleh manusia jahiliah."

Mr. Riazul Hasan Gillani, peguam bagi pihak Kerajaan Persekutuan Pakistan menghujahkan di hadapan mahkamah bahawa riba jahiliah yang dilarang oleh al-Quran adalah transaksi tertentu yang mana tiada tambahan ditetapkan semasa pemberian wang pinjaman. Bagaimanapun, apabila sampai tempoh matang pihak peminjam atau penghutang tidak dapat membayar pinjaman itu. Pihak pemberi pinjam/ hutang itu memberi dua pilihan – sama ada membayar jumlah prinsipal atau untuk menambah jumlah sebagai

ganti satu tambahan tempoh yang dibenarkan oleh pemiutang. Beliau menghujahkan bahawa jumlah pinjaman asal yang diberikan semasa jahiliah tidak menetapkan apa-apa jumlah tambahan pada jumlah prinsipal, maka apa-apa jumlah yang ditetapkan atau diperuntukkan pada kontrak asal pinjaman tidak termasuk dalam definisi riba menurut al-Quran. Ia mungkin jatuh pada definisi *riba al-Fadl* yang hanya sekadar amalan makruh (*detested, not advisable*).

Hujahan peguam itu tidak dapat meyakinkan mahkamah atas sebab mudah – sumber asal tafsir jelas menunjukkan bahawa tuntutan bagi jumlah yang bertambah atas jumlah prinsipal wujud dalam banyak bentuk yang berbeza pada masa jahiliah. Pertamanya, semasa memberikan pinjaman, pemiutang akan meminta kepada satu jumlah tambahan ke atas jumlah prinsipal dan akan hanya memberi pinjaman atas syarat jelas mengenakan tambahan itu seperti disebut oleh Imam Al Jassas. Kedua, pemiutang mengenakan satu pulangan atau faedah bulanan untuk dibayar oleh penghutang sedangkan dalam masa yang sama wang hutang prinsipal masih kekal pada jumlahnya sehingga pada tarikh tempoh matang seperti disebut Imam Ar-Raazi dan Ibn Aadil.

Ketiga, seperti disebut oleh mujahid yang dipetik oleh peguam dan merupakan penjelasan terbaik akan bentuk transaksi riba ini diberi oleh Ibn Jarir sendiri atas autoriti Qatadah (iaitu pandangan ilmiah oleh ilmuwan agama, ulama terbilang Imam Qatadah) iaitu:

Riba jahiliah adalah transaksi di mana seseorang itu akan membeli satu komoditi bagi satu harga yang boleh dibayar pada suatu tarikh akan datang/

tangguh yang ditetapkan. Yang demikian itu, apabila tiba tarikh pembayaran dan pembeli tidak dapat membayar harganya, penjual akan meningkatkan atau menambah jumlah terhutang dan memberikan tambahan masa (untuk pembeli membayar).

Penjelasan juga diberikan oleh As-Sayuti atas autoriti Faryabi iaitu:

Mereka dulunya akan membeli satu komoditi atas dasar atau dengan kaedah pembayaran bertangguh, selepas itu pada tarikh matang, penjual akan menambah jumlah terhutang dan melanjutkan tempoh masa pembayaran.

Adalah jelas daripada rujukan dan penjelasan di atas bahawa transaksi di mana pemiutang biasanya mengenakan satu jumlah tambahan pada tarikh matang adalah satu transaksi pinjaman. Asalnya, ia adalah transaksi jual komoditi dengan cara bayaran secara tangguh pada satu tarikh akan datang yang ditetapkan (tarikh matang). Harga jual lebih tinggi ditetapkan kerana harganya dibayar secara tangguh. Namun apa yang berlaku ialah apabila pembeli tidak mampu atau dapat membayar pada tarikh matang yang ditetapkan, penjual mengenakan sejumlah tambahan (menambah pada jumlah harga/bayaran asal) sebagai balasan kepada lanjutan masa yang diberikan. Ia akan berterusan selagi pembayaran penuh tidak dapat dilakukan pada tarikh matang yang baru atau tarikh matang tempoh lanjutan. Riba jenis dan bentuk di atas ini telah banyak kali disebut dan dirujuk sebagaimana apabila mereka hendak menjelaskan surah dalam ayat al-Quran pada bahagian berikut:

> *Yang demikian itu mereka (yang tak beriman) mengatakan bahawa jual beli adalah sama dengan riba.* (Al-Baqarah 2: 275)

Alasan mereka yang menyamakan riba dan jual beli ini ialah apabila kita menambah atau menaikkan harga jual komiditi atas sebab bayaran dibuat secara tangguh dalam satu transaksi jual beli tulen, maka ia diterima sebagai jual beli yang sah. Tetapi apabila kami ingin meningkatkan atau menambah jumlah terhutang selepas tarikh matang di mana pembeli telah gagal membayar (dalam tempoh matang), ia dikatakan sebagai riba sedangkan penambahan atau kenaikan jumlah yang dikenakan dalam kedua-dua keadaan adalah kelihatan serupa, sama sahaja pada mereka.

Dalihan mereka (yang tak beriman ini) yang duduk di Makkah itu telah ada disebut oleh Ibn Abi Hatim atas autoriti Said Bin Jubair: *"Mereka telah berkata bahawa ia sama sahaja sama ada kita tambah jumlah harga jual pada peringkat permulaan atau awal jual beli, atau kita tambahkannya di akhir tempoh matang. Keduanya serupa (sama keadaannya). Keadaan bantahan ini yang dirujuk dalam surah tadi yang antaranya mengatakan, 'mereka mengatakan bahawa jual beli adalah serupa dengan riba ... .'*

Maka telah jelas terbukti bahawa riba yang dilarang oleh kitab suci al-Quran tidak terhad kepada transaksi yang dirujuk oleh peguam Kerajaan Persekutuan Pakistan itu. Riba (ketika jahiliah) wujud dalam pelbagai bentuk transaksi yang diamalkan oleh kaum jahiliah. Sifat umum atau ciri persamaan (riba) antara transaksi-transaksi (yang pelbagai bentuk ini) ialah satu jumlah tambahan dikenakan pada jumlah prinsipal (asal) hutang. Ada masanya hutang (riba) ini terbentuk daripada satu transaksi jual beli dan

ada masanya terbentuk daripada satu transaksi pinjaman. Begitu juga, jumlah yang ditambah adakalanya dikenakan atas asas bulanan di mana jumlah prinsipal (pokok) perlu di bayar pada tarikh ditentukan, dan adakalanya jumlah tambahan itu dikenakan bersekali (digabung) dengan jumlah prinsipal.

Sekarang, mahkamah meneliti pelbagai hujahan dan argumentasi terhadap larangan kepada faedah moden.

- Mr. Abu Bakr Chundrigr, peguam bagi Habib Bank Ltd merujukkan mahkamah kepada satu artikel yang ditulis Almarhum Hakim Qadeeruddin Ahad, yang diterbitkan dalam akhbar harian Dawn bertarikh 12/8/1994. Hakim itu menyatakan bahawa terma riba digunakan di dalam al-Quran adalah terma tidak jelas yang mana maksud sebenarnya terma riba itu juga turut tidak difahami dikalangan sahabat Rasul ﷺ seperti pernyataan dibuat oleh Sayidina Umar r.a. iaitu, 'surah-surah riba adalah antara surah-surah terakhir al-Quran dan Rasul ﷺ telah wafat sebelum sempat menjelaskan kepada kita, oleh itu (kata Umar lagi) elakkan riba dan apa jua yang meragukan.'
- Hujahan yang sama diguna pakai oleh beberapa perayu-perayu lain dalam memorandum rayuan (alasan rayuan) mereka dan mereka mengatakan ia termasuk dalam kategori *mutasyabihat* yakni surah-surah itu mengandungi ketidakjelasan pada maksud riba. Hanya yang jelas (*muhkamaat*) yang perlu dipatuhi.
- Hujahan peguam-peguam bagi pihak perayu-perayu itu adalah jelas tidak boleh diterima. Surah al-Baqarah menyebut dengan jelas bagaimana Allah

mengisytiharkan perang kepada sesiapa yang mengamalkan riba. Bagaimana mungkin dapat dibayangkan bahawa Allah Yang Maha Bijaksana Lagi Maha Mengasihani melancarkan perang (terhadap makhluk-Nya) atas suatu praktis atau amalan (riba) yang sifat dan maksud sebenar praktis atau amalan (riba) itu tidak diketahui sesiapa?

Walaupun ada wujudnya ayat al-Quran pada surah tertentu di mana termanya tidak jelas (*mutasyabihat*) iaitu seperti pada awalan surah-surah tertentu seperti al-Baqarah, Ali Imran dan sebagai contoh bacaan ayat "*Alif-Lam-Mim*", "*Alif-Lam-Mim-Ra*" yang maksud sebenarnya memang tidak diketahui. Ia adalah situasi yang berbeza.

Kejahilan kita kepada maksud sebenar perkataan-perkataan ini tidak sama sekali menjejaskan kehidupan orang-orang Islam kerana tiada petunjuk atau ajaran syariah diberikan menerusi ayat-ayat itu. Tiada kehidupan manusia yang terjejas atau suatu keadaan yang memerlukan untuk ayat-ayat itu diketahui maksud sebenarnya. Berbeza dengan riba yang amat dilaknati Allah, dan yang demikian itu mestilah apa yang dikatakan riba itu diketahui, difahami oleh kita untuk dihindari.

... orang Islam yang tidak meninggalkan amalan riba, akan menghadapi perisytiharan perang daripada Allah dan Rasul-Nya!

Ia tidak pernah berlaku satu kaedah syariah yang praktikal dianggap *mustasyabihat.* Hal riba bukan sahaja disebut di dalam al-Quran tetapi adalah

sesuai dengan akal budi dan suatu yang munasabah bahawa Allah tidak akan memberatkan hamba-Nya dengan arahan ketaatan yang diluar kemampuan hamba-Nya. Sekiranya maksud riba itu tidak diketahui, sudah tentulah Allah tidak menyuruh kita meninggalkannya.

Pembacaan mudah surah al-Baqarah memahamkan kita bahawa riba dinyatakan sebagai suatu dosa yang besar di mana tahap kedudukan besarnya dosa riba itu diberi penekanan dengan cara yang tidak dapat lagi dipertikaikan akan besarnya dosa riba itu. Sehingga dinyatakan bahawa orang Islam yang tidak meninggalkan amalan riba, akan menghadapi perisytiharan perang daripada Allah dan Rasul-Nya!

Ulasan mahkamah mengenai *riba al-Fadl* atau *riba as-Sunnah* tidak dibentangkan di sini melainkan sedikit kerana lebih memfokuskan isu riba pada kedudukan kewangan dan perbankan khususnya merujuk kepada pinjaman berfaedah. *Riba al-Fadl* ini adalah riba pada pertukaran barang atau komoditi. Rasulullah ﷺ hanya menyebut tentang enam komoditi sahaja. Oleh yang demikian, itu menimbulkan pelbagai pandangan juris dan sarjana Islam mengenai sama ada perkara riba ini dihadkan kepada enam komoditi itu sahaja atau ada yang lain.

Mahkamah mendapati bahawa penelitian lebih mendalam menunjukkan pernyataan Sayidina Umar, bahawa keraguannya adalah pada *riba al-Fadl* ini. Adakah terhad kepada enam komoditi yang disebut Nabi ﷺ atau ada yang lain. Terdapat dakwaan bahawa Sayidina Umar ada menyatakan bahawa surah riba adalah surah al-Quran yang terakhir dan Rasulullah ﷺ telah wafat sebelum menjelaskan secara sepenuhnya.

Setelah mengkaji sumber-sumber berbeza yang meriwayatkan atau merekodkan pernyataan Sayidina Umar, mahkamah mendapati bahawa riwayat Ibn Majah tidak setulen atau sesahih riwayat Bukhari dan Muslim. Salah seorang perawi atau periwayat dalam laporan Ibn Majah ialah Saeed Ibn Abi Arubah yang diterima oleh pakar-pakar hadis sebagai seorang yang selalu terkeliru antara satu riwayat dengan riwayat yang lain.

Mahkamah telah merujuk pengataan sebenar Bukhari dan Muslim dengan jalinan periwayatan yang sahih. Tiada yang merekodkan apa-apa rujukan kepada Sayidina Umar bahawa surah riba adalah surat terakhir al-Quran. Kelihatannya perawi seperti Saeed Ibn Abi Arubah telah terkeliru perkataan-perkataan sebenar Sayidina Umar dengan perkataan-perkataan Sayidina Ibn Abbas, atau dengan pandangannya sendiri bahawa surah riba adalah surah al-Quran yang terakhir.

Justeru, kita tidak boleh bergantung kepada versi yang diberikan oleh Ibn Majah untuk menilai pernyataan Sayidina Umar secara betul. Yang demikian itu, adalah dibuktikan bahawa apa jua keraguan yang ada pada pemikiran Sayidina Umar mengenai riba adalah relevan dengan riba al-Fadil (riba Sunnah) sahaja. Bagi riba Quran atau riba an-Nasiah, tiada keraguan pada Sayidina Umar akan jenis, sifat riba (an-Nasiah) dan larangan padanya.

Dengan ulasan yang panjang dan terperinci, mahkamah menolak hujahan bahawa riba yang diharamkan adalah

melibatkan *consumption loans* dan menegaskan ia juga dilarang dan diharamkan pada *commercial loans.*

Satu lagi hujah perayu ialah bahawa larangan riba hanya terpakai kepada transaksi berfaedah yang mana kadar faedahnya adalah melampau dan berlebihan (*exorbitant and excessive*) seperti pada surah Ali Imran [3: 130]. Mereka mengatakan bahawa ayat di atas adalah surah pertama yang secara jelas menyatakan larangan riba tetapi mengehadkan larangan itu kepada *double and multiple* (berganda dan berlipat ganda) iaitu bermaksud bahawa amalan riba itu adalah hanya dilarang apabila kadarnya terlalu tinggi yang menjadikan jumlah yang perlu dibayar adalah sebanyak dua kali daripada jumlah prinsipal. Kadar faedah yang dikenakan pada sistem perbankan sekarang dihujahkan sebagai biasanya tidak tinggi untuk menjadikan jumlah yang perlu dibayar sekali ganda daripada jumlah asal prinsipal atau pinjaman. Oleh itu kadar faedah perbankan tidak termasuk di bawah larangan riba.

Mahkamah mendapati hujahan di atas telah gagal mempertimbangkan kedudukan surah dan ayat al-Quran lain mengenai riba. Surah-surah itu tidak mencanggahi antara satu sama lain tetapi saling lengkap-melengkapi. Surah al-Baqarah [2: 278] tentang 'saki-baki riba' menunjukkan bahawa apa-apa jumlah melebihi atau di atas jumlah prinsipal mestilah dilepaskan, ditinggalkan dan tidak boleh diambil atau dituntut. Fakta ini diperjelaskan lagi dengan perkataan "... *jika kamu bertaubat (daripada amalan riba) kamu berhak mendapatkan jumlah prinsipal/pokok.*"

Perkataan-perkataan sedemikian dalam surah tersebut tidak meninggalkan sebarang keraguan dan kesamaran melainkan diperjelaskan fakta bahawa bertaubat daripada amalan riba adalah tidak mungkin terlaksana melainkan dan sehingga semua wang lebihan daripada jumlah prinsipal diserahkan dan dilepaskan dan pemberi pinjaman hanya berhak mendapat semua wang prinsipalnya iaitu jumlah sebenar yang dipinjamkan.

Perkataan 'double' dan 'multiple' itu menunjukkan jenis amalan riba yang paling buruk yang pernah berlaku pada ketika itu. Ia bukan syarat kepada pengharaman dan larangan riba.

Untuk memahami secara sepenuhnya, kita mesti merujuk kepada salah satu daripada prinsip asas dalam pentafsiran atau interpretasi al-Quran. Kitab suci al-Quran bukanlah satu buku statut untuk digunakan sebagai teks undang-undang. Ia adalah buku panduan dan petunjuk yang bersamanya terdapat undang-undang dan perintah-perintah tertentu, mengandungi banyak pernyataan yang mempunyai kesan dan pengaruh yang bernilai dan penting.

Tidak seperti teks buku statut, kitab suci al-Quran mengandungi juga perkataan-perkataan dan pernyataan-pernyataan sama ada untuk memberi penekanan atau untuk menjelaskan kesan-kesan buruk bagi sesuatu perlakuan. Perkataan dan pernyataan ini tidak boleh diterima sebagai halangan terhad (pembatasan) bagi perintah dan larangan sebelumnya. Satu contoh kaedah sebegini ialah seperti dalam surah al-Baqarah:

... dan janganlah kamu menjual ayat-ayat-Ku untuk harga yang rendah ... . (Al-Baqarah 2: 41)

Tidak langsung boleh dimaksudkan bahawa larangan memperniagakan ayat-ayat Allah hanya bagi harga rendah, jika harga tinggi, ia dibenarkan. Semua orang dengan mudah dapat memahami bahawa perkataan 'harga yang rendah' itu bukan bersifat halangan terhad (*restrictive*). Ia sebenarnya menunjukkan amalan buruk (syaitan) sesetengah manusia yang melakukan dosa besar dengan memperniagakan ayat-ayat al-Quran tetapi mereka masih tidak mendapat manfaat keuntungan kewangan yang banyak. Kesalahan tersebut bukan merujuk kepada dapatan harga yang rendah, tetapi sebenarnya kepada perbuatan menjual atau meniagakan ayat al-Quran itu sendiri. (Rujukan juga dibuat kepada surah an-Nur 24: 33).

Yang kedua, tafsiran al-Quran sewajarnya sentiasa didasarkan kepada penjelasan yang diberikan dan disiratkan daripada hadis Rasulullah ﷺ dan sahabat-sahabat yang menjadi penerima langsung penurunan surah dan memahami secara sepenuhnya konteks dan persekitaran kepada penurunan surah itu. Dari aspek ini juga, adalah satu ketentuan bahawa larangan riba tidak pernah dimaksudkan untuk dihadkan kepada kadar faedah tertentu. Larangan itu dimaksudkan merangkumi setiap jumlah yang dikenakan sebagai lebihan kepada jumlah prinsipal, biar sekecil mana pun ia.

Hadis berikut yang telah disebut sebelum ini adalah mencukupi untuk membenarkannya sebagaimana yang direkodkan oleh Ibn Hatim akan perisytiharan Nabi ﷺ mengenai larangan riba semasa khutbah pada peristiwa haji wada':

> *"Dengarkan! Setiap wang riba (faedah) yang terhutang semasa jahiliah adalah dengan ini diisytiharkan batal untuk kamu (semua) secara keseluruhannya. Kamu hanya berhak kepada wang pokok yang dengan itu tiada lagi yang menganiaya dan dianiaya. Dan tanggungan pertama riba (faedah) yang dibatalkan adalah riba (faedah) Abbas Ibn Abdul Muttalib yang dengan ini diisytiharkan batal secara sepenuhnya."*

Di sini tiada kesimpulan lain melainkan kesemua jumlah wang yang melebihi jumlah prinsipal atau pokok adalah dibatalkan dan dimansuhkan. Tiada keraguan lagi bahawa pemiutang hanya berhak mendapat kembali jumlah wang pokok dan tidak boleh mengenakan atau menuntut walau sesen pun di atas atau melebihi jumlah wang pokok itu.

Mahkamah kemudian merujuk kepada beberapa autoriti daripada hadis Nabi dan transaksi yang melibatkan sahabat termasuklah sebagaimana yang dilaporkan oleh Sayidina Ali. Bahawa Nabi ﷺ telah bersabda, maksudnya: "*Setiap pinjaman yang memberi manfaat (kepada pemiutang) adalah riba.*"

Mahkamah juga menyatakan bahawa hadis mengenai *riba al-Fadl* adalah hanya bagi transaksi jual beli dan bukan untuk transaksi pinjaman. Transaksi pinjaman tertakluk kepada peraturan *riba Quran* atau *riba jahiliah* atau *riba an-Nassiah.*

Seterusnya, alasan lain bagi hujah rayuan perayu ialah mereka menghujahkan mengenai asas sebab punca yakni *illat (basic cause)* kepada larangan riba ialah *zulm.*[2] (Al-Baqarah 2: 279).

Adalah dihujahkan bahawa tiada ketidakadilan mengenakan faedah kepada seorang kaya yang meminjam wang untuk mendapatkan keuntungan besar. Oleh kerana tujuan asas *illat* bagi larangan itu tidak wujud pada faedah komersial yang dikenakan pihak bank dan institusi kewangan, maka ia tidak patut dilarang.

Mr. Khaled M. Ishaque, peguam yang hadir sebagai *jurisconsult*[3] tidak pula mengatakan bahawa semua transaksi pinjaman pada sistem perbankan sekarang adalah boleh diterima. Beliau sebaliknya berpendapat bahawa setiap satu transaksi individu patut dinilai dan diteliti secara berasingan, serta mengambil kira situasi sekeliling bagi satu-satu transaksi itu sama ada terdapat elemen ketidakadilan. Jika ada unsur *zulm*, maka transaksi itu dianggap riba dan jika tiada *zulm*, maka ia tidak patut dihukum sebagai haram.

Setelah diperhalusi hujahan di atas, mahkamah tidak dapat menerimanya sekalipun jika dikatakan ada kemungkinan sebahagian pinjaman bank tidak mengandungi *zulm*. (Ini menunjukkan mahkamah tidak menerima dakwaan tiada *zulm* pada perjanjian pinjaman moden).

Mahkamah mendapati terdapat kekeliruan membezakan antara *zulm illat* dengan *hikmah* bagi larangan riba. Terdapat perbezaan besar antara maksud *illat* dengan maksud *hikmah* bagi pemakaian atau implementasi satu-satu undang-

2 Kezaliman atau ketidakadilan.

3 Penasihat yang juga ilmuwan pakar dalam bidangnya.

undang tertentu. Ini adalah suatu prinsip undang-undang jurispruden[4] Islam yang telah jelas diterima.

Illat adalah ciri atau sifat asas bagi satu transaksi atau perkara yang tanpanya suatu undang-undang berkaitan tidak boleh dilaksanakan atau diimplementasi kepada transaksi atau perkara. Manakala *hikmah* pula ialah kebijaksanaan atau falsafah yang difikirkan oleh pembuat undang-undang itu (*legislator*) semasa menghasilkan undang-undang itu. *Hikmah* itu juga adalah suatu manfaat yang diniatkan untuk didapatkan melalui penguatkuasaan undang-undang ke atas perkara/transaksi itu. Pada prinsipnya, aplikasi satu undang-undang itu bergantung kepada *illat* dan bukan pada *hikmah*. Dalam kata lain, jika *illat* (ciri asas transaksi itu) wujud pada situasi tertentu tetapi *hikmah*nya (kebijaksanaan) seperti tidak kelihatan, undang-undang masih terus terpakai. Begitu juga pada undang-undang sekular, di mana prinsip ini adalah sama dan diiktiraf.

Tiada keraguan lagi bahawa pemiutang hanya berhak mendapat kembali jumlah wang pokok dan tidak boleh mengenakan atau menuntut walau sesen pun di atas atau melebihi jumlah wang pokok itu.

Di sini diberikan contoh mudah. Undang-undang telah menetapkan adalah wajib bagi kenderaan yang bergerak di jalan raya agar berhenti apabila lampu merah menyala. *Illat*nya ialah lampu merah menyala dan *hikmah*nya ialah supaya kemungkinan berlaku perlanggaran dan kemalangan

4 Undang-undang dari sudut ilmu falsafah.

dapat dielakkan. Jadi, undang-undang akan terpakai dan berkuatkuasa apabila sahaja lampu merah menyala. Aplikasi dan penguatkuasaan undang-undang ini tidak bergantung pada adanya kemungkinan berlaku kemalangan atau tidak ada kemungkinan langsung. Oleh itu bila mana sahaja lampu merah menyala, semua kenderaan mesti berhenti sekalipun tiada langsung kenderaan yang melalui di jalan satu lagi.

Dalam kes sebegini, *hikmah* atau kebijaksanaan asas (*the basic wisdom*) undang-undang itu tentulah tidak dapat ditentukan kerana tiada langsung kemungkinan berlaku kemalangan. Namun begitu, undang-undang itu masih berkuatkuasa sepenuhnya kerana wujudnya lampu merah (yang menyala) yang merupakan *illat* sebenar.

Begitu juga halnya dengan larangan minum arak. *Illat* larangan atau pengharaman arak ialah ciri kemabukannya, tetapi *hikmah* larangannya ialah seperti disebut pada surah Al-Ma'idah ayat 91 di mana arak menimbulkan permusuhan dan kebencian antara manusia dan menghalang daripada mengingati Allah. Bolehkah seseorang mengatakan bahawa dia telah lama minum arak dan tidak pernah terlibat dengan kebencian dan permusuhan dengan orang lain, atau dia masih dapat menunaikan solat dalam waktunya, maka dia dibenarkan minum arak? Tentulah tidak!

Jelas, permusuhan dan kebencian yang dirujukkan oleh al-Quran daripada surah Al-Ma'idah di atas bukan berperanan sebagai *illat* bagi larangan itu. Ia bertujuan menyatakan antara kesan-kesan buruk disebabkan arak dan judi. Menghindari kesan-kesan buruk seperti permusuhan dan kebencian itu adalah *hikmah* dan falsafah larangan kepada arak dan judi. Akan tetapi, larangan itu sendiri bukan tertakluk kepada berlakunya kesan-kesan itu.

Begitulah juga, apabila riba dilarang dan diharamkan, al-Quran menyebut menghindari *zulm* itu sebagai *hikmah* atau falsafah kepada larangan itu, tetapi tidak memaksudkan bahawa larangan itu tidak terpakai apabila tiada elemen *zulm* pada satu-satu transaksi tertentu itu. *Illat* (faktor, ciri asas) kepada larangan riba itu ialah lebihan yang dituntut atas jumlah prinsipal dalam transaksi pinjaman. Selagi mana *illat* itu ada, maka larangan itu dengan sendirinya mengikut dan terpakai tidak kira sama ada falsafah undang-undang disebaliknya atau hikmah larangan itu dapat dikenalpasti atau tidak, kelihatan atau tidak bagi satu-satu transaksi tertentu itu.

Satu perkara yang patut disebut di sini ialah ***illat* bagi satu undang-undang adalah selalunya boleh ditentukan melalui definisi yang jelas** (*hard and fast definition*) tanpa boleh dipertikaikan sama ada *illat* itu ada atau tidak. Apa-apa terma relatif yang samar sifatnya tidak boleh diterima sebagai *illat* bagi satu undang-undang tertentu kerana keraguannya akan menimbulkan kekeliruan dan pertikaian.

Zulm (ketidakadilan) adalah terma relatif yang tidak jelas, yang pengertian sebenarnya begitu sukar ditentukan. Setiap orang pasti ada pandangan tersendiri tentang apa yang dikira sebagai *zulm*. Kesemua sistem politik dan ekonomi yang berbeza antara satu sama lain mendakwa tiada *zulm* dalam sistem mereka. Sistem ekonomi komunis mendakwa wujud *zulm* pada sistem ekonomi kapitalis dan begitulah sebaliknya. Suatu terma yang samar dan tidak jelas seperti itu tidak wajar dijadikan sebagai *illat* bagi satu-satu undang-undang tertentu.

Seterusnya M. Khalid M. Ishaque menyatakan bahawa ketiadaan definisi yang jelas mengenai *zulm* atau riba patut

dianggap sebagai suatu rahmat (*blessing*) daripada Allah, kerana ia mewujudkan suatu keadaan keanjalan (*elasticity*) kepada orang Islam pada setiap zaman untuk menentukan apa yang dikatakan *zulm* mengikut situasi-situasi pada masa mereka. Beliau menyatakan kesilapan dalam memberi tafsiran perlu dihentikan. Ketiadaan definisi riba dalam al-Quran patut ditanggapi sebagai ihsan kepada manusia. Ini memberi peluang kepada orang Islam untuk menghasilkan panduan sendiri dan prinsip-prinsip yang tidak kaku dalam mengenal pasti *zulm* pada masa-masa akan datang. Situasi dan kondisi ekonomi tidak statik, begitu juga manusia. Peguam itu mengatakan bahawa satu polisi ekonomi yang baik patut memasukkan:

> “*All purposeful governmental action whose actual and professed primary objective is the improvement of the economic welfare of the whole population for which government is responsible, not of some segment of that population*”

> (Terjemahan: “Semua tindakan kerajaan yang objektif utamanya adalah untuk meningkatkan kebajikan ekonomi untuk seluruh isi masyarakat yang di bawah tanggungjawab kerajaan dan bukannya untuk manfaat sesetengah golongan masyarakat.”)

Islam juga menetapkan konsep ekonomi yang sama. Pendekatan Islam ini sewajarnya tidak diasingkan daripada pendekatan atau program ekonomi. Keduanya boleh

disinergikan untuk mendapatkan hasil dan manfaat terbaik. Keadaan tipikal ialah apabila juris-juris Muslim tidak memiliki keilmuan dalam disiplin-disiplin kontemporari (seperti hal ekonomi yang menjadi isu). Mereka cenderung untuk menentang, bersikap syak wasangka, menganggap ia sebagai merosakkan dan dengan mudah melabelnya sebagai tidak Islamik untuk mengelak daripada perlu belajar dan mendalami disiplin-disiplin atau bidang-bidang keilmuan kontemporari itu.

Mahkamah memberi pertimbangan sewajarnya hujahan demikian di atas. Namun mahkamah kemudiannya mendapati hujah di atas gagal setelah mengambil kira beberapa fakta:

Tanggapan peguam itu bahawa ketiadaan yang disengajakan, iaitu tentang definisi riba di dalam al-Quran, sebagai ihsan kepada manusia adalah pemahaman yang tidak kena pada tempatnya. Hujahan ini kelihatan memberi tanggapan yang al-Quran lazimnya memberi definisi bagi suatu perlakuan/perkara yang dilarangnya. Faktanya ialah al-Quran lazimnya tidak memberi definisi *legal*[5] kepada mana-mana perkara larangan seperti dalam kes arak, judi, zina. Tidak juga bagi mencuri, merompak atau kufur.

Begitu juga dalam perkara suruhan seperti solat, puasa, zakat, haji atau jihad. Patutkah kita mengandaikan bahawa larangan dan suruhan perkara-perkara ini yang tiada definisi spesifik menjadikan semua ajaran agama itu

5 Definisi dari sudut undang-undang

tertakluk kepada perubahan mengikut kesesuaian masa-masa akan datang?

Sebenarnya al-Quran tidak memberikan definisi *legal* kepada perkara-perkara tersebut kerana makna dan pengertian perkara-perkara itu telah jelas diketahui. Memang terdapat perbezaan pendapat dalam memahami perkara-perkara sampingan atau tambahan (*ancillary*), tetapi konsep asas ajaran-ajaran agama ini sama ada dalam bentuk suruhan atau larangan adalah jelas dan diketahui.

Hampir semua sistem ekonomi mendakwa ia berusaha kepada objektif-objektif yang sama. Persoalannya, bagaimana hendak mencapai objektif-objektif itu? Jawapan kepada soalan inilah yang membahagikan sistem ekonomi yang berbeza tadi menjadi pesaing-pesaing yang berseteru atau berkonflik antara mereka. Cadangan peguam itu bahawa, 'Pendekatan Islam ini sewajarnya tidak diasingkan daripada pendekatan atau program ekonomi' kelihatan seperti munasabah. Namun apabila cadangan itu diberikan dalam konteks bahawa definisi riba dibiarkan tidak jelas dan *zulm* diberi keanjalan definisi mengikut kesesuaian masa mana akan datang, ia membawa maksud dan kesan ketara bahawa kelak ia akan menjadi suatu pendekatan ekonomi semata-mata. Situasi ekonomi yang akan memainkan peranan menentukan keputusan dalam mengenal pasti dan memberi definisi apa yang halal dan haram di sisi syariah.

Satu lagi persoalan yang akan timbul ialah – pendekatan 'ekonomi yang mana'? Terdapat banyak teori ekonomi yang bertentangan antara satu sama lain, tetapi setiap satunya berpura-pura menjuarai usaha ke arah menghasilkan polisi ekonomi yang baik untuk 'memulihkan atau membaiki kebajikan ekonomi seluruh populasi manusia'.

Matlamat asas ekonomi untuk kebajikan ekonomi dimaklumi oleh hampir semua yang memikirkan tentang subjek ekonomi. Akan tetapi, strategi untuk merealisasikan objektif-objektif ini menjadi realiti yang membawa perbezaan yang besar. Strategi Islam untuk mencapai sasaran-sasaran ini tidaklah terlalu sempit bagi menyesuaikan dengan keperluan manusia yang berubah-ubah. Ia juga tidak bersifat tertutup untuk interaksi dengan pemikiran moden dan tidak juga terlalu bergantung kepada teori-teori moden untuk membuat laluannya sendiri bagi mencapai sasaran dan matlamatnya.

Islam mempunyai prinsip-prinsip sendiri yang tidak boleh dikompromi disebabkan Islam berasaskan petunjuk wahyu, iaitu sifat unik ekonomi Islam yang begitu membezakannya daripada sistem-sistem ekonomi sekular.

Islam tidak menjadikannya sebagai satu halangan untuk menerima sebarang cadangan konstruktif. Namun pada yang sama, Islam mempunyai prinsip-prinsip sendiri yang tidak boleh dikompromi disebabkan Islam berasaskan petunjuk wahyu, iaitu sifat unik ekonomi Islam yang begitu membezakannya daripada sistem-sistem ekonomi sekular. Sudah tentunya larangan dan pengharaman riba adalah salah satu daripada prinsip asasnya. Untuk mengabaikan atau meninggalkan prinsip asas ekonomi Islam ini atau meletakkannya di bawah ihsan polisi ekonomi sekular seumpama kata orang putih *'placing the cart before the horse'* – seperti meletakkan tempat duduk di hadapan kuda, bukan di belakangnya. Kesannya, kerja

tidak menjadi, matlamat tidak sampai dan semuanya akan menjadi haru-biru.

Tambahan pula, bilamana al-Quran dan as-Sunnah memberikan perintah spesifik dalam perkara-perkara tertentu, ia bukan tertakluk kepada penilaian rasional akal manusia, dan bukan meletakkan transaksi itu pada ihsan pemikiran atau kebijaksanaan manusia untuk memutuskan sama ada wujud *zulm* atau tidak. Sekiranya al-Quran dan as-Sunnah berniat untuk menyerahkan kepercayaan membuat keputusan atau penentuan kepada intelek manusia semata-mata, tidaklah al-Quran dan as-Sunnah itu mengemukakan suatu senarai yang begitu panjang akan perintah-perintah dan larangan-larangan. Bukankah patutnya mencukupi satu perintah umum bahawa semua manusia mesti menghindarkan *zulm* dalam transaksi mereka?

Sehebat mana pun minda manusia, ia masih dibatasi oleh kemampuan yang terhad untuk mencapai kebenaran. Banyak episod dalam kehidupan manusia di mana akal budi ditumpaskan nafsu, nurani yang jahat dilindungi melalui hujah rasional, membimbing manusia ke jalan yang salah dan menyerlahkan perilaku hina dalam bentuk undang-undang yang memalukan. Dalam perkara inilah, akal budi manusia memerlukan wahyu suci dan wahyu suci inilah yang akhirnya memutuskan perihal perilaku manusia sebagai *zulm* (tidak adil), walaupun ia kelihatan sungguh adil pada pandangan para rasionalis sekular. Oleh yang demikian, dalam isu-isu beginilah, wahyu suci ini hadir dengan perintah-perintah spesifik yang mengatasi segala hujah dan logik akal daripada pelbagai pandangan manusia yang berbeza. Inilah sebagaimana yang sebenarnya berlaku dalam kes riba.

Ahli-ahli rasional sekular sebelum ini benar-benar

percaya bahawa amalan riba yang diceburi oleh mereka adalah boleh diterima dan wajar kerana pendapatan yang mereka perolehi daripada faedah adalah serupa dengan keuntungan yang didapati daripada jual beli (perniagaan). Sebab itu mereka bermati-matian menentang larangan riba dengan hujah logik dan rasional (pada mereka) yang sikap dan perlakuan mereka ini telah diketahui terlebih dahulu dan disebut dalam al-Quran:

> *... Bahawa sesungguhnya berjual-beli itu sama sahaja seperti riba ... .* (Al-Baqarah 2: 275)

Sedangkan jawapan mudah yang termaktub di dalam al-Quran (di dalam sambungan ayat yang sama) ialah:

> *... Padahal Allah telah menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengharamkan riba ... .* (Al-Baqarah 2: 275)

Inilah bukti mukjizat al-Quran yang merupakan Kalam Allah.

Petunjuk diberikan melalui ayat ringkas itu menunjukkan bahawa persoalan sama ada transaksi-transaksi itu mengandungi elemen ketidakadilan tidak diserahkan untuk ditentukan akal budi manusia semata-mata, kerana akal budi individu yang berbeza akan sentiasa menghasilkan jawapan-jawapan yang berbeza. Natijahnya, tidak akan ada kesimpulan mutlak mengenai pemakaian bersifat universal boleh dicapai atas hujah-hujah rasional semata-mata.

Kesimpulannya, prinsip yang tepat ialah **apabila sahaja suatu transaksi tertentu dihukumkan Allah sebagai haram, maka tiada ruang untuk mempertikaikannya dengan hujah rasional sahaja kerana ilmu dan kebijaksanaan Allah Maha Luas dan meliputi segala perkara**. Jika intelek

manusia cukup berkemampuan untuk mencapai keputusan bersama (*unanimous*) yang betul pada setiap isu perkara, tiadalah keperluan turunnya wahyu. Terdapat bahagian yang luas tentang perlakuan-perlakuan lain manusia yang mana Allah Maha Pencipta tidak memberikan perintah spesifik. Di sini, akal budi manusia boleh memainkan peranan yang lebih luas. Tetapi, jangan sesekali memainkan peranan sebagai pesaing atau seteru kepada ajaran-ajaran wahyu suci yang sudah jelas terma-termanya. Justeru, surah-surah al-Quran tentang riba mesti diteliti dari perspektif ini. Sebagaimana dinyatakan:

> *... dan jika kamu bertaubat (menghentikannya), maka hak (yang sebenarnya) ialah modal pokok harta kamu. (Dengan yang demikian) kamu tidak menganiaya (kepada sesiapa), dan kamu juga tidak teraniaya.* (Al-Baqarah 2: 279)

Jelas dapat dilihat bahawa pada prinsipnya, bertaubat daripada amalan riba tidak diterima selagi tidak menarik diri daripada menuntut sebarang lebihan wang melebihi jumlah pokok. Dalam masa yang sama, pemberi pinjam berhak mendapatkan semula semua wang pokoknya yang mesti dibayar semula oleh penghutang/peminjam. Jika tidak, penghutang akan berlaku zalim kepada pemberi hutang. Sebaliknya, jika pemberi hutang menuntut lebih daripada jumlah wang pokok, dia pula yang disifatkan menzalimi penghutang.

Justeru, nyatalah kitab suci al-Quran tidak menyerahkan kepada penilaian pihak-pihak (pemberi pinjam/hutang dan peminjam/penghutang) tersebut untuk memutuskan apa yang adil apa yang tidak. Tegasnya, al-Quran sendiri dengan jelas dan terang memutuskan dan menentukan apa

itu ketidakadilan terhadap setiap satu pihak bagi pihak-pihak yang terlibat dalam transaksi pinjaman itu. Oleh yang demikian, pendapat bahawa kebolehterimaan pelbagai transaksi faedah yang berbeza sepatutnya ditentukan oleh penilaian manusia, hanya akan memusnahkan tujuan hakiki wahyu dan dengan itu tidak boleh diterima.

Mahkamah seterusnya membincangkan dengan panjang lebar perkara-perkara lain yang tidak dinyatakan di sini seperti isu tentang sifat wang, wang dan komoditi dan pelbagai macam isu lagi.

Akhirnya, sebahagian daripada perayu-perayu membentangkan pula hujah pemakaian doktrin[6] keperluan (*necessity*) bagi kes riba. Mereka menghujahkan bahawa al-Quran membenarkan memakan babi dalam kes kelaparan ekstrem untuk menyelamatkan nyawa seseorang. Hujah mereka ialah sistem berdasarkan faedah ini telah menjadi suatu keperluan universal dan tiada negara boleh hidup tanpanya. Tidak dinafikan faedah itu dilarang al-Quran. Akan tetapi untuk mengimplementasi larangan itu pada peringkat negara secara menyeluruh adalah tindakan bunuh diri yang akan merosakkan seluruh ekonomi.

... menjelang tahun 2000, industri kewangan Islam dijangka melebihi USD100 bilion.

Atas hujah ini, maka ia tidak sepatutnya diisytiharkan mencanggahi ajaran Islam. Seluruh dunia pada masa kini sedang menuju era globalisasi. Tiada negara boleh hidup secara terasing atau bersendirian, khususnya negara ini

6 Prinsip atau kepercayaan yang dianggap benar.

(Pakistan) yang kini ditimbuni dengan hutang dan projek-projek pembangunannya bergantung kuat kepada pinjaman asing yang berasaskan faedah. Jikalau larangan faedah dikuatkuasa secara penuh, maka semua projek pembangunan akan terjejas dan terhenti dan seluruh ekonomi akan segera merundum.

Mahkamah telah memberikan perhatian mendalam terhadap isu hujahan di atas dengan bantuan daripada beberapa pakar ekonomi, *banker* serta pengamal-pengamal profesional. Tiada keraguan bahawa Islam adalah agama realistik dan ia tidak memaksakan perintah-perintah terhadap individu atau negara dengan satu perintah yang implementasi perintah itu diluar kawalannya. Namun doktrin keperluan dalam Islam ini bukan suatu konsep yang kabur (*obscure*). Terdapat syarat dan kriteria tertentu yang telah dikaji dan ditentukan oleh juris-juris Muslim mengikut al-Quran dan as-Sunnah untuk menentukan magnitud keperluan dan tahap setakat mana suatu perintah al-Quran boleh dilonggarkan atas alasan situasi kecemasan/darurat.

'Berperang dengan Allah dan Rasul' adalah suatu yang amat tidak masuk akal untuk dilakukan. Ditakuti sia-sialah amal ibadah dan kebajikan lain yang telah dilakukan.

Oleh itu, sebelum memutuskan sesuatu isu atas dasar keperluan seseorang mesti memastikan bahawa keperluan itu adalah suatu yang tulen dan bukan diperbesarkan oleh kebimbangan/ketakutan imaginasi (*imaginary apprehension*) dan keperluan itu tidak dapat dilaksanakan dengan semua cara lain melainkan terpaksa melaksanakan perbuatan yang

tidak dibenarkan. Apabila kami menganalisis kes mengenai isu faedah dengan merujuk kepada prinsip undang-undang mengenai doktrin keperluan, kami berpandangan teguh bahawa dakwaan pemansuhan faedah akan membawa keruntuhan ekonomi adalah suatu kebimbangan/ketakutan yang diperbesar-besarkan secara keterlaluan.

Dalam transaksi domestik, kebimbangan terhadap pemansuhan faedah selalu menimbulkan salah faham. Ramai juga mempercayai bahawa pemansuhan faedah akan menukarkan bank-bank ini kepada institusi amal kerana bank akan meminjamkan duit tanpa mendapat balasan wang dan penyimpan wang di bank tidak mendapat apa-apa keuntungan wang. Salah faham ini tercetus kerana kejahilan kepada konsep pinjaman dalam Islam. Konsep pinjaman Islam telah dijelaskan dan peranan bank dalam hal ini bagi kepentingan ekonomi adalah terhad. Apa yang dimaksudkan dengan mengislamisasikan bank dan institusi kewangan bukanlah dengan memberi pinjaman tanpa keuntungan, tetapi bank akan membiayai atas dasar perkongsian untung dan rugi. Begitu juga terdapat pelbagai jenis transaksi pembiayaan kewangan yang lain.

Perbankan Islam bukan lagi suatu mimpi indah, tetapi impian yang telah menjadi realiti. Mahkamah juga telah mengulas dengan panjang lebar mengenai perkembangan perbankan Islam. Mahkamah telah diyakinkan dengan kepesatan kemajuan perbankan Islam. Antaranya seperti yang dinyatakan oleh Mr. Iqbal Ahmad Khan, Ketua Bahagian Perbankan Islam HSBC, London bahawa menjelang tahun 2000, industri kewangan Islam dijangka melebihi USD100 bilion.

Mahkamah seterusnya menegaskan kepentingan peranan dan kesungguhan pihak kerajaan untuk mengusahakan dan

melaksanakan suatu sistem bebas faedah. Malah terdapat pakar-pakar perbankan Islam dan ekonomi Islam yang memberi pandangan tentang perkembangan pesat kewangan Islam. Pandangan ini disokong oleh laporan penemuan dan statistik yang menunjukkan bahawa sistem Islamik membawa kestabilan dan adanya keyakinan untuk mengalihkan sistem faedah kepada sistem Islam secara sepenuhnya.

Nyata terdapat keterangan yang wajar yang membuktikan banyak kerja *ground work*[7] telah dilaksanakan demi merangka strategi untuk transformasi daripada sistem kewangan sedia ada kepada sistem kewangan Islam. Sistem konvensional sekarang ini yang berdasarkan faedah tidak boleh lagi dikekalkan atau diteruskan bagi satu jangka hayat yang tidak diketahui atau ditentukan atas alasan keperluan. Pun begitu, tranformasi ini mungkin perlu mengambil sedikit masa.

Atas alasan-alasan yang telah diberikan di atas, semua rayuan adalah dengan ini ditolak dengan terma-terma selepas ini sebagaimana mengikut perintah mahkamah.

ULASAN ATAS PENGHAKIMAN

Orang yang tinggi takwanya akan mematuhi (larangan riba) tanpa dalihan. Apabila mereka mempunyai ilmu dalam hal riba, tidak menjadi masalah bagi mereka untuk memberi ketaatan. Mereka akan turut menjauhi perkara-perkara yang mempunyai unsur riba kerana motivasi mereka adalah kegerunan kepada api neraka dan perlakuan 'berperang dengan Allah dan Rasul-Nya'.

7 Kerja-kerja dasar, pada peringkat permulaan.

'Berperang dengan Allah dan Rasul' adalah suatu yang amat tidak masuk akal untuk dilakukan. Ditakuti sia-sialah amal ibadah dan kebajikan lain yang telah dilakukan. Namun tahap keimanan dan takwa berbeza antara satu sama lain dan sangat subjektif. Ada ahli ibadah yang hebat pernah tergelincir dari landasan iman atas liciknya godaan sang iblis. Ada insan yang setelah bergelumang dalam noda dan dosa, namun akhirnya ada secebis kesedaran, mendapat hidayah dan bertaubat (diterima) dan diakhirkan hidupnya dengan *husnul khatimah*. Semakin rendah tahap keimanan makin lemahlah ketaatan. Penggunaan logik akal manusia makin beleluasa. Pertanyaan makin banyak sebab berhajat kepada perkara yang mudah dan ada kelonggaran. Begitulah dalam hal larangan riba. Begitu ramai manusia mempertikaikan-nya atau tidak mempedulikannya. Pelbagai kemusykilan ditimbulkan untuk mempertikaikan rasional dan kewajaran pengharaman riba khususnya dalam perbankan dan kewangan. Kemusykilan dan pertikaian ini mesti dijawab.

Sistem-sistem dan peraturan-peraturan sekarang yang banyak menyimpang dari landasan Islam menyukarkan lagi untuk iltizam dalam ketaatan. Kerana itu, dengan menggunakan dalil nas dan kekuatan hujah logik juga, terdapat keperluan untuk melayani pertanyaan-pertanyaan (yang sebahagiannya mungkin berbentuk pertikaian)

daripada segelintir manusia demi untuk membantu memantapkan ketaatan mereka atau menghalang mereka daripada tergelincir kepada perkara-perkara larangan, atau sekurang-kurangnya mengelakkan orang ramai daripada terpengaruh dengan pertikaian itu. Apatah lagi, pada zaman sekarang manusia dikatakan lebih terpelajar dan bijaksana dalam hal-hal keduniaan.

Namun kebijaksanaan duniawi ini mungkin tidak seimbang dengan tahap keimanan dan ketakwaan. Lantas mereka berhujah berdasarkan kemajuan ilmu sains, kecanggihan teknologi dan pelbagai isu ekonomi untuk mencari kelemahan tafsiran agama untuk disesuaikan dengan kehendak nafsu. Hakikatnya kitab suci al-Quran telah dijamin kemukjizatan dan kesesuaian aplikasinya untuk sebarang masa hingga ke akhir waktu. Kesungguhan dan kebijaksanaan dalam memahami dan mentafsir kitab suci itu serta sunnah Rasulullah ﷺ dengan matlamat mengutamakan ketaatan kepada Allah adalah amat perlu.

Pastinya ada segolongan umat Islam yang bijaksana dan bersungguh-sungguh dalam perjuangan sedemikian seperti yang telah dibuktikan oleh hakim-hakim dalam kes di Pakistan itu.

> *“Demi yang menguasai kerajaan di langit dan di bumi, tidakkah kita mahu berada di dalam golongan (hakim-hakim) itu? Tepuk tanya, tanyalah takwa!”*

BAB 6

Apabila Produk Perbankan Islam Dibicarakan

HURAIAN dan perbincangan di dalam bab ini adalah merujuk kepada satu kes mahkamah di Malaysia. Di sini, pembaca dibawa untuk menilai sendiri satu keputusan dan penghakiman kes Mahkamah Tinggi (sivil) oleh Hakim Mahkamah Tinggi (sivil) melibatkan satu transaksi pembiayaan Islam. Pertimbangkan perkara ini:

- Bagaimana pemahaman peguam sivil dan mahkamah sivil terhadap kedudukan satu transaksi produk perbankan Islam yang seharusnya berteraskan bebas riba?
- Bagaimana penilaian dan layanan yang diberikan oleh mahkamah sivil dan peguam sivil dalam kes ini mengenai kedudukan produk perbankan Islam? Bagaimana pula sifat dan kedudukan produk perbankan Islam itu sendiri apabila dipertikaikan kedudukannya?

AFFIN BANK BERHAD
(V)
ZULKIFLI BIN ABDULLAH

1. Plaintif[8] ialah AFFIN BANK BERHAD. Defendan[9] ialah ZULKIFLI BIN ABDULLAH. Defendan disaman oleh Plaintif dalam dua (2) tindakan iaitu no. kes D4 – 22A – 159 – 2003 (Kes *Foreclosure* – Halang Tebus) dan D4 – 22A – 67 – 2005 (Tindakan Sivil).

2. No kes D4 – 22A – 159 – 2003. Tindakan Plaintif untuk mendapatkan Perintah Jualan atas hartanah Defendan yang digadaikan bagi mendapatkan jumlah RM958,909.21 atas kemudahan Al-Bai Bithaman Ajil.

3. No kes D4 – 22A – 67 – 2005. Tindakan Plaintif untuk mendapatkan daripada Defendan jumlah terhutang daripada tahun 1999 (*Revised Facility*) berjumlah RM958,997.94 setakat pada 30/06/2002; faedah statut pada kadar lapan peratus setahun daripada tarikh penghakiman sehingga tarikh penyelesaian penuh, kos-kos dan apa-apa perintah lain yang difikirkan sesuai oleh mahkamah.

[Tindakan ini difailkan untuk mendapatkan jumlah tertentu iaitu baki terhutang selepas ditolak hasil jualan hartanah digadaikan pada tindakan satu lagi.]

---

8 Pihak yang mendakwa (dalam kes sivil yang dibawa ke mahkamah).

9 Orang atau pihak yang didakwa atau dituntut dalam mahkamah undang-undang.

Fakta material:

Defendan telah membeli rumah dua tingkat bahagian sudut/ *corner* daripada seorang penjual pada harga RM385,000.00. Deposit RM39,000.00. Baki RM346,000.00 dibayar daripada pembiayaan Bank Plaintif iaitu kemudahan '*Islamic financing facility under the Shariah principle of Al-Bai Bithamin*'. Defendan pada masa itu merupakan pekerja bank Plaintif.

Facility in Year 1997 (Kemudahan Pembiayaian Tahun 1997)

- *Letter Offer* (Surat Tawaran): 26th May 1997.
- *Novation Agreement* (Perjanjian Novasi): *8th December 1997.*
- *Property Purchase Agreement* (Perjanjian Pembelian Harta): *8th December 1997.*
- *Property Sale Agreement* (Perjanjian Penjualan Harta): *8th December 1997.*

The details of facility (Butiran Kemudahan Pembiayaian):

- *Period of facility* (Tempoh Kemudahan): *216 months @ 18 years.*
- *With Ibra' (rebate given by Plaintiff for so long as the Defendant remained in the Plaintiff's employment).*
- Dengan Ibra' (Rebat yang diberi oleh plaintif selama mana defendan masih bekerja dengan plaintif).
- *Purchase Price* (Harga Belian): *RM346,000.00*
- *Selling Price* (Harga Jualan): *RM466,847.28*
- *Monthly instalment* (Ansuran Bulanan): *RM2,161.33 per month*/sebulan.

- *Without Ibra'* (Tanpa Ibra')
- *Purchase Price* (Harga Belian): *RM346,000.00*
- *Selling Price* (Harga Jualan): *RM773,884.80*
- *Monthly instalment* (Ansuran Bulanan): *RM3,582.80 per month*/sebulan.

- *The different between with and without Ibra':*

  (Perbezaan antara dengan Ibra' dan tanpa ibra')

  RM773,884.80 (-) RM446,847.28 = RM307,037.52

  Tanpa Ibra' (-) Dengan Ibra'

Pada akhir Disember 1997, Defendan berhenti kerja. Defendan juga telah ingkar dalam pembayaran balik kemudahan pembiayaan. Defendan meminta penstrukturan atau penjadualan semula Kemudahan 1997. Permintaan defendan itu dibenarkan.

Butiran 'Revised 1999 Facility'
(Maklumat Kemudahan Yang Telah Dijadualkan Semula)

Revised Letter of Offer: 1st November 1999

(Surat Tawaran Atas Penjadualan Semula)

Acceptance Letter: 3rd November 1999

(Surat Penerimaan)

The details of facility **(Butiran Pembiayaian)*:***

Period of facility (Tempoh Kemudahan): *300 months @ 25 years*

Revised Purchase Price: RM394,172.06

(Harga Pembelian Atas Penjadualan Semula)

Revised Selling Price: RM992,363.40

(Harga Jualan Atas Penjadualan Semula)

Monthly instalment : (i) RM2,500.00 x 60 months

(Ansuran Bulanan) : (ii) RM3,509.84 x 240

Harga Belian yang dijadual/semak semula (*The Revised Purchase Price*) adalah berdasarkan baki jumlah terhutang terkini daripada kemudahan tahun 1997 iaitu berjumlah RM335,251.60 dan tunggakan pendapatan keuntungan Plaintif untuk 24 bulan berjumlah RM58,920.46. Jumlah baru ini tidak dipertikaikan.

Walaupun Kemudahan (Penjadualan Baru) 1999 mensyaratkan kedua pihak menandatangani dokumen perjanjian baru, ia tidak dilakukan.

Keingkaran Kemudahan Pembiayaan (Atas Penjadualan Semula) 1999 (*Default Of 1999 Revised Facility)*

Kerana ingkar dalam pembayaran balik kemudahan pembiayaan oleh pelanggan, maka tindakan diambil oleh bank Plaintif. Mereka kini menuntut pembayaran berjumlah RM958,997.94

ISU UTAMA YANG DITIMBULKAN HAKIM

1) Dalam kes ini, hakim bicara menimbulkan beberapa isu *inter alia* (antaranya) apakah jumlah wang terhutang yang perlu dibayar oleh pelanggan kepada bank di bawah kemudahan kewangan/pembiayaan Islam apabila berlaku kejadian keingkaran pada tarikh perintah jualan?

Hakim bicara menyatakan: *"In plain terms, the Defendant predicament is that two years and eight months after it was given, the 1999 Revised Facility became a claim for a debt of RM958,909.21. Even if the market value of the security under the Charge were, say RM400,000.00, and that price is obtained at auction, the Defendant would still owe another RM558,909.21*

"In contrast, under a conventional loan, the defaulter would only be required to pay the loan amount plus accrued interest and other charges including late payment interest. Upon a similar assumption of disposal of the property at market value, there is usually little the defaulter has to add in order to be released from further liability."

<u>Terjemahan:</u>

"Dalam bahasa mudah, kesukaran Defendan bahawa setelah dua tahun lapan bulan pinjaman diberikan, kemudahan penjadualan semula 1999 menjadi suatu tuntutan hutang berjumlah RM958,90.21. Sekalipun jika harga pasaran harta yang digadaikan sebagai jaminan katakanlah RM400,000.00 dan harga itu berjaya

diperolehi semasa lelongan, Defendan masih berhutang sebanyak RM558,909.21

"Sebaliknya, di bawah suatu pinjaman kovensional (riba) peminjam yang ingkar akan hanya dikehendaki untuk membayar jumlah pinjaman bersama faedah terakru dan caj-caj lain termasuk faedah lewat pembayaran. Dengan andaian yang sama, di mana harta gadaian itu tersebut telah dijual pada harga pasaran yang sama, biasanya terdapat jumlah yang tidak banyak untuk ditambah oleh peminjam yang ingkar bagi melepaskan dirinya daripada tanggungan hutang tersebut."

Hakim bicara selanjutnya menyatakan bahawa: *"The reason for the difference is that in the event of a default before the end of tenure, the sum the Borrower in a conventional loan has to pay over and above the sum borrowed, i.e. the interest and the late payment interest, is limited to the period from release of the loan until full settlement and not for the full original tenure of the loan; while in this case, the Bank claims under the Al-Bai Bithaman Ajil facility the 'sale price' or 'bank selling price' which is the sum of the facility given out as 'purchase price' or 'bank purchase price' and the profit margin thereon for the full tenure of the facility. In other words, while in a conventional loan no interest is applied upon the unexpired tenure, the Bank in this case seeks to claim a profit on the unexpired tenure also."*

Terjemahan Hakim:

"Alasan kepada perbezaan dua keadaan di atas ialah bahawa apabila berlaku keingkaran sebelum tamatnya tempoh pinjaman, jumlah yang perlu dibayar oleh peminjam dalam perjanjian pinjaman kovensional (riba) ialah suatu jumlah melebihi jumlah pinjaman iaitu termasuk faedah dan faedah lewat bayaran, adalah terhad kepada bagi suatu tempoh dari tarikh wang pinjaman itu dikeluarkan hingga tarikh penyelesaian penuh tetapi bukan dikira bagi seluruh tempoh asal pinjaman tersebut. Sedangkan dalam kes ini bank menuntut di bawah kemudahan pembiayaian Islam (Al-Bai Bithaman Ajil) iaitu pada harga jualan bank yang mana merupakan jumlah kemudahan pembiayaan yang disebut harga jualan dan kadar keuntungan yang dikenakan bagi seluruh tempoh pinjaman tersebut. Dalam erti kata lain, tiada pengenaan faedah bagi baki tempoh pinjaman yang belum berlaku dalam pinjaman kovensional (riba) sedangkan sebaliknya dalam kes ini bank telah menuntut keuntungan bagi keseluruhan tempoh pembiayaan yang belum berlaku (belum tamat)."

PERHATIAN!

Plaintif berhujah dan membentangkan bahawa bank Islam yang menerima margin keuntungan bagi keseluruhan tempoh bayaran balik kemudahan yang masih belum berakhir atau tamat boleh selepas itu memberikan rebat (*termed as ibra' or muqasah*). Tetapi pemberian rebat itu adalah atas budi bicara bank sepenuhnya.

[Di sinilah punca isu yang tidak difahami dan sukar diterima oleh banyak pihak. Mengapa?]

> Hakim Bicara bagaimanapun berpendapat bahawa: "... *in my view, irrelevant and is not answer to the question before this Court, which is whether in the event of early termination of the facility upon default, the Bank is entitled to the profit margin on the unexpired tenure and therefore unearned. Since the matter is disputed and is before the Court, and it is a triable issue, the Court cannot leave it to one party to decide at its discretion to give back as rebate (Ibra' or muqasah).*"
>
> Terjemahan:
>
> "... pada pendapat saya, ia tidak relevan dan bukan jawapan kepada soalan bagi isu yang timbul di mahkamah, iaitu apabila berlakunya penamatan awal kemudahan pembiayaan atas keingkaran peminjam, bank tersebut berhak untuk menuntut margin keuntungan bagi baki tempoh pembiayaan yang belum berlaku (belum tamat). Oleh kerana ia menjadi suatu isu yang diperselisihkan di mahkamah dan dibicarakan, mahkamah tidak boleh membenarkan satu pihak untuk memutuskan mengikut budi bicaranya sendiri bagi memberikan rebat (ibra' atau muqasah)."

Mari kita lihat sebab sebenar mengapa bank Islam susah benar atau tidak mahu memberi rebat secara terus, iaitu selewatnya di mahkamah dan bukan selepas menerima penyelesaian penuh. Tanpa penyelesaian atau tanpa pemahaman di pihak lain khususnya pihak hakim-hakim mahkamah, bank-bank Islam akan sentiasa menghadapi masalah dalam isu ini.

Hak bank Islam ini diiktiraf dalam kes Bank Islam Malaysia Berhad vs Adnan bin Omar [1994] (3) AMR 44, di mana Yang Arif Ranita Hussien menyatakan bahawa: *"The Defendant does not have a right to the rebate as the rebate or 'muqasah' is practiced by the Plaintiff on a discretionary basis. There is also no question of an early repayment as the loan was not a term loan. The Defendant had breached the agreement by failing to pay the instalments and the Plaintiff had a right to terminate the facility and demand full repayment of the loan."*

Terjemahan:

"Defendan tidak mempunyai hak kepada rebat (muqasah) yang diamalkan plaintif adalah atas dasar budi bicara plaintif. Tidak timbul juga persoalan mengenai pembayaran awal kerana pinjaman bukanlah suatu pinjaman yang mempunyai tempoh. Defendan telah melanggar perjanjian dengan kegagalan membayar ansuran bulanan. Plaintif mempunyai hak untuk menamatkan kemudahan pembiayaan itu dan menuntut keseluruhan pembayaran balik pinjaman tersebut".

Namun Hakim dalam kes pada hari ini (AFFIN BANK BERHAD VS ZULKIFLI BIN ABDULLAH tidak bersetuju dengan kes Adnan. Hakim bicara mengatakan: *"When gratification of being able to satisfy the pious desire to avoid financing containing the elements of riba' gives way to the sorrow of default before the end of tenure of an Al-Bai Bithaman Ajil facility, the revelation that even after the subject security had been auctioned at full market value*

there remains still a very substantial sum still owing to the bank, comes as a startling surprise. All the more shocking when it is further realized that a borrower under a conventional ridden loan is far better off."

Terjemahan:

"Apabila penghargaan diberikan kerana memenuhi tujuan suci untuk menghindari transaksi kewangan yang mengandungi unsur riba telah menyebabkan kepada suatu penderitaan atas keingkaran sebelum tamatnya tempoh pembiayaan (Al-Bai Bithaman Ajil) tersebut, pendedahannya ialah sekalipun harta yang digadaikan itu telah dilelong pada harga penuh nilai pasaran semasa, masih terdapat sejumlah besar baki hutang yang perlu dibayar pada pihak bank, yang ini merupakan suatu kejutan yang memeranjatkan. Lebih memeranjatkan apabila diketahui selanjutnya bahawa seseorang peminjam di bawah pinjaman kovensional (riba) adalah lebih baik kedudukannya".

2) Hakim Bicara menekankan kepada makna '*Sale Price*' atau '*Bank's Selling Price*'. Hakim Bicara menerangkan maksud bahawa Harga Jual dalam Perjanjian Jualan Harta secara Al-Bai Bithaman Ajil, bukanlah Harga Jual dalam bentuk satu kali pembayaran tetapi adalah satu siri ansuran bulanan yang serata.

Adalah disimpulkan bahawa Harga Jual tersebut ialah jumlah harga belian bank bersama dengan margin keuntungan.

Hakim Bicara juga menyatakan bahawa Pelanggan dikehendaki membayar keuntungan bank bagi sepanjang

tempoh kemudahan, oleh itu berhak kepada manfaat tempoh pembiayaan itu secara penuh.

Hakim Bicara menyatakan: "... *it follows that it would be inconsistent with his right to the full tenure if he could be denied the tenure and yet be required to pay the Bank's profit margin for the full tenure .... To allow the Bank to also recover a profit margin for the unexpired tenure of the facility means the Bank is able to earn a profit twice upon the same sum at the same time. That profit margin that continues to be charged on the unexpired part of the tenure cannot be actual profit. It is clearly unearned profit. It contradicts the principle of Al-Bai Bithaman Ajil as to the profit margin that the provider is entitled to. Obviously, if the profit has not been earned, it is not profit and cannot be claimed under the Al-Bai Bithaman Ajil facility.*"

Terjemahan:

"... susulannya bahawa, adalah tidak konsisten dengan haknya bagi tempoh pembiayaan yang penuh sekiranya seorang peminjam itu boleh dinafikan bagi tempoh penuh pembiayaan tersebut dan sebaliknya dia dikehendaki untuk membayar margin keuntungan bank bagi keseluruhan tempoh pembiayaan itu .... Untuk membenarkan bank itu menuntut juga margin keuntungan bagi tempoh pembiayaan yang berlaku (tamat), bermakna bank itu dibenarkan mendapat dua kali ganda keuntungan atas jumlah yang sama pada masa yang sama. Margin keuntungan tersebut berterusan dicaj atau dikenakan caj atas tempoh pembiayaan yang belum berlaku (belum tamat) tidak boleh diterima

sebagai keuntungan sebenar. Ia jelas suatu keuntungan yang tidak layak diperolehi. Ia bercanggah dengan prinsip Al-Bai Bithaman Ajil. Jelasnya sekiranya keuntungan tersebut suatu yang belum layak didapatkan atau belum masa untuk diperolehi, ia bukanlah suatu keuntungan dan tidak boleh dituntut di bawah Al-Bai Bithaman Ajil."

3) Hakim bicara menyatakan bahawa ciri penting dalam pengiraan margin keuntungan oleh bank yang menjadikan ia sebahagian harga jual mestilah jelas.

4) Mahkamah telah menggunakan pendekatan aritmetik mudah dengan mengira kadar keuntungan sembilan peratus setahun atas harga pembelian bank.

9.00% per anum X RM394,172.06 (Harga Pembelian)

= RM35,475.49 (keuntungan per anum) /12 bulan

= RM2,956.29 ((keuntungan sebulan) atau

= RM35,475.49 (keuntungan per anum)/360 days

= RM98.54 (keuntungan harian).

= kelewatan yang berlaku ialah 74 bulan kurang 2 hari berjumlah

RM218,767.49 dan dicampur penalti RM3,141.44 (dikira pada tarikh penghakiman) + RM394,172.06 (Harga Pembelian).

= RM616,080.99 (Jumlah Keseluruhan Terhutang pada tarikh penghakiman)

= RM33,454.19 (tolak bayaran-bayaran telah dibuat)

= RM582,626.80 (Jumlah Baki Terhutang pada tarikh Penghakiman)

Untuk itu, hakim memutuskan bahawa bank berhak untuk keuntungan harian RM98.54 sehingga bayaran penuh atau tarikh penjelasan (dikira tarikh lelong).

Perintah Jualan

- Hakim bicara menolak hujahan ketiadaan dokumen sekuriti yang baru. Gadaian yang didaftarkan pada kemudahan pertama 1997 adalah terpakai dan berkuatkuasa. Tiada *'any cause to the contrary'* dibuktikan untuk menghalang perintah jualan/ lelongan.
- Hakim memberikan perintah jualan *(Order for Sale)* secara lelongan di bawah Kanun Tanah Negara untuk menuntut dan mendapatkan jumlah yang dikira semula dan ditetapkan pada RM582,626.80 dan kadar keuntungan harian sebanyak RM98.54 satu hari sehingga penyelesaian penuh.
- Mahkamah berpendapat bahawa bagi kes-kes yang melibatkan konsep Al-Bai Bithaman Ajil, *pliding*[10] bagi Saman Pemula (OS) atau Writ Saman perlu didrafkan dalam keadaannya dapat mengemukakan dan menjelaskan pengiraan harga jual. Secara ringkasnya ia mesti menjelaskan pengiraan harga jual. Ia juga perlu menunjukkan dengan jelas kadar keuntungan yang benar-benar diperolehi pada tarikh penghakiman.

---

10 Dokumentasi undang-undang yang mendasari kes tuntutan sivil.

Kesimpulannya

Persoalan sebegini dalam kes-kes sebegini akan berterusan menghantui perbankan Islam.

- Apabila suatu mahkamah tinggi tidak terikat dengan keputusan suatu mahkamah tinggi yang lain, ketidaktentuan kedudukan produk perbankan Islam di mahkamah sivil akan menjadi satu dilema yang berterusan.
- Peguam-peguam yang mewakili perbankan Islam perlu sentiasa memahami secukupnya sifat dan kedudukan produk perbankan Islam dan undang-undang Islam berkenaannya.
- Mengapa bank Islam tidak mahu memberi rebat peringkat awal telah difahami. Namun tidak diketahui sama ada peguam yang mewakili pihak bank ada memaklumkan secara jelas dan mencukupi bahawa menurut fuqaha atau pada kedudukan syarak, tidak boleh menetapkan rebat secara awal.
- Jika dimaklumkan sekalipun alasan atas sebab-sebab syarak, belum tentu mahkamah sivil akan bersetuju apabila bagi hemah mahkamah, cara yang dicadangkan oleh bank Islam adalah lebih nampak tidak adil kepada individu pelanggan. Ramai orang yang menggunakan logik fikiran yang waras mungkin bersetuju dengan hakim ini.
- Mungkin golongan pro perbankan Islam akan menyatakan bahawa keadilan diukur mengikut hukum agama, bukan logik dan menyifatkan pandangan hakim dan golongan manusia lain sebagai gagal memahami

dan mengimani apa yang dimaksudkan *gharar*[11] pada harga jual itu.

- Persoalannya, adakah benar tidak boleh dibenarkan penetapan awal rebat? Adakah mungkin kita telah salah faham atau memberi pendekatan yang silap? Tidakkah terfikir mungkin ada kaedah lain yang adil? Adakah pakar penasihat syariah mendapatkan pandangan mengenai kedudukan undang-undang sivil semasa menasihatkan pihak perbankan? Adakah mereka menjangkakan hal ini menjadi isu pertikaian di mahkamah? Nyata bahawa mahkamah telah tidak sependapat dengan mereka.

... suatu produk kewangan Islam yang dibuat mesti memenuhi kehendak undang-undang Islam dan undang-undang sivil bagi menjadikannya sah di sisi syarak dan boleh dikuatkuasa di mahkamah sivil.

Adakah kita akan mendapati bahawa apa yang diputuskan oleh pakar kewangan syariah bagi satu-satu bank adalah tafsiran yang kelihatan menyebelahi bank? Banyak pihak merasakan cara menuntut keseluruhan harga jual yang tinggi sedangkan tempoh pembiayaan baru bermula adalah suatu ketidakadilan. Sudah tentulah mahkamah tidak dapat menerima alasan bahawa pemberian *muqasah* akan diberikan kemudian, iaitu sesudah mahkamah tidak lagi berfungsi dan tidak dapat memastikan keadilan berlaku. Ini bukan sifat keadilan kehakiman. Persoalannya, adakah sememangnya pendekatan dan tafsiran hukum semacam itu atau kita yang gagal melihat secara sewajarnya supaya

11 Ketidaktentuan dan ketidakjelasan sesuatu transaksi yang dilaksanakan.

keadilan hukum syarak juga selari dengan keadilan logik dan munasabah? Jika kedudukan hukum pada syarak adalah jelas bahawa sebarang perletakkan syarat pada harga jual adalah tidak boleh dan *muqasah* hanya dapat diberikan apabila pembayaran penyelesaian penuh dibuat, maka kaedah pihak bank yang meletakkan harga jual pada jumlah yang sangat tinggi perlu ditukar dengan kaedah lain.

Mari kita teliti kenyataan yang menjadi sebab dan alasan kenapa bank Islam tidak mahu memberi atau menyatakan pemberian *muqasah* atau *ibra'* lebih awal.

"We are of the view that the learned trial judge may not take into consideration certain views related to the issue of rebate. In the Article of Islamic Banking: Case Commentaries Involving Al-Bay' Bithaman Ajil written by Dr Norhashimah Mohd Yasin [1997] 3 MLJ cxcviii states that:

"In BBA, BIMB's Syariah Supervisory Board (SSB) rules that muqasah cannot be inserted expressly in the contract of BBA, because it might bring uncertainty to the price ('gharar'). Nevertheless, it does not to stop the bank from giving muqasah after the customer choose to pay early."

 Muqasah tidak boleh diletakkan secara nyata dalam kontrak BBA kerana akan membawa ketidaktentuan kepada harga (isu *gharar*). Sekiranya diyakini bahawa peraturan ini adalah atas kehendak syarak berdasarkan nas syarak, maka ia mesti diterima jika telah *ittifa'* dan sepakat ulama mentafsirkannya dengan maksud begitu. Tidak perlu lagi kita menggunakan kepandaian logik pemikiran untuk mentafsirkan yang lain daripadanya.

- Tapi dalam masa yang sama dinyatakan bahawa 'ia tidak menghalang bank untuk memberi *muqasah* apabila pelanggan memilih untuk membuat penyelesaian awal'.
- Dalam menyelesaikan kemelut ini, mungkin suatu kaedah alternatif perlu difikirkan untuk diguna pakai oleh penasihat syariah.
- Adalah perlu diingatkan bahawa suatu produk kewangan Islam yang dibuat mesti memenuhi kehendak undang-undang Islam dan undang-undang sivil bagi menjadikannya sah di sisi syarak dan boleh dikuatkuasa di mahkamah sivil.
- Ya, mahkamah sivil dengan undang-undang sivil! Keadaan ini sahaja telah mewujudkan situasi ganjil dan janggal kerana sudah pasti ia tidak syarie atau tidak mengikut syarak. Jika ia tidak menepati syarie, maka bagaimana hukum kedudukan tuntutan pihak bank Islam? Bukankah ia kini telah dicemari (*tainted*) dengan unsur *gharar*? Sekiranya ia bersifat *gharar* adakah wang tuntutan atau wang keuntungan yang dituntut boleh jatuh kepada hukum haram? Maka adakah bank tidak boleh lagi mengambil pendapatan atau keuntungan daripada hasil transaksi itu?
- Apatah lagi dalam kes mahkamah tersebut di atas, di mana hakim sendiri telah tidak bersetuju dengan kaedah penuntutan harga jual secara sepenuhnya sehingga begitu tinggi, tetapi tidak mahu memberi diskaun yang patut di depan 'pemutus keadilan'. Situasi ini sendiri telah mengundang kepada unsur *gharar* kepada proses tuntutan bank.
- Dalam keadaan ini, bank Islam telah mengalami **situasi darurat** atas sistem bukan syariah yang tidak memahami perjalanan transaksi perniagaannya.

Sewajarnya mereka memberikan rebat semasa proses mahkamah sama ada atas alasan wujud situasi darurat atau kerana maslahat bagi *survival* bank Islam. Situasi di dalam dua keadaan tersebut sebenarnya sudah pun "Al-Kalam Kalibut".

SATU PERKARA MENARIK

Kita perhatikan semula petikan ini.

"In BBA, BIMB's Shariah Supervisory Board (SSB) rules that muqasah cannot be inserted expressly in the contract of BBA, because it might bring uncertainty to the price ('gharar'). Nevertheless, it does not to stop the bank from giving muqasah after the customer choose to pay early."

Adakah peruntukan dan ketetapan ini berdasarkan autoriti hadis yang melarang tidak boleh meletakkan dua harga dalam satu urusan jual beli? Antara hadis relevan yang dapat dikesan ialah:

[1] *Hadis Sunan An Nasa'iy* Jilid 4. Hadis Nombor 4475.

Daripada 'Amr ibnu Syu'aib menceritakan kepada kami, ia berkata daripada Abdullah ibnu 'Amr berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

"Tidak dihalalkan meminjam wang dengan cara menjual barang (gandum), dan tidak dihalalkan ada dua harga dalam suatu penjualan (harga segera dan harga kredit), dan tidak boleh menjual barang yang telah dibeli selagi barang itu belum berada di tangan."

[2] *Hadis Sunan An Nasa'iy* Jilid 4. Hadis Nombor 4474.

Daripada 'Amr ibnu Syu'aib daripada ayahnya daripada datuknya, bahawasanya Rasulullah ﷺ telah melarang (kita) meminjam wang dengan cara menjual barang, dan beliau melarang adanya dua harga dalam penjualan (harga segera dan harga kredit), dan tidak boleh menjual barang yang telah dibeli selagi barang itu belum jatuh di tangan.

MENGHAYATI AUTORITI HADIS

1. Tidak diketahui kedudukan kesahihan hadis-hadis di atas (sila rujuk kepada pakar hadis). Namun apa yang hendak dibicarakan ialah hadis ini adalah suatu nas, hujah dan autoriti **yang menjadi sebab kepada kenapa rebat atau *muqasah* tidak boleh diberikan lebih awal.**

2. Sekiranya hadis itu sememangnya wajar dan tepat ditafsirkan begitu, maka jelas bahawa bank mempunyai sebab yang kuat kenapa rebat dan *muqasah* tidak boleh diberikan. Autoritinya ialah hadis Rasulullah ﷺ seperti di atas, sekiranya ia hadis sahih. Maka hujah dan autoriti undang-undang pihak bank adalah begitu kuat. Sesungguhnya hadis adalah sumber perundangan kedua terpenting dalam Islam selepas al-Quran. Sekiranya tiada ayat al-Quran dan hadis-hadis lain yang relevan bagi tujuan memberi tafsiran dalam isu hujahan ini, maka semakin kuat pandangan dan pendekatan yang diguna pakai oleh pihak bank yang 'bermati-matian' untuk mempertahankan prinsip tidak mahu memberi *muqasah* lebih awal. Bermati-matian

dalam mempertahankan sunnah Nabi adalah jihad terpuji.

3. Persoalannya, adakah pihak mahkamah, hakim dan peguam-peguam memahami atau telah diberi faham akan kedudukan dan kekuatan autoriti hadis di sisi Islam yakni di sisi Allah? Hanya dengan itu, barulah semua pihak berkenaan dapat berkongsi perasaan kasih dan penghayatan kepada sunnah Nabi, dan dengan itu mana mungkin berani untuk mencanggahi apa yang telah diajarkan oleh Rasulullah ﷺ.

Sesungguhnya Allah سبحانه وتعالى jua yang lebih mengetahui.

BAB 7

Isu Riba di Mahkamah Syariah

Bagaimanakah virus riba boleh menyerang mahkamah syariah?

SEBENARNYA virus riba di mahkamah syariah wujud dalam bentuk yang tidak besar dan mudah diatasi (jika dikehendaki). Pihak mahkamah mungkin terlepas pandang akan isu ini. Namun begitu, wajarlah virus itu terus dihapuskan.

Riba dalam mahkamah syariah boleh wujud secara tidak langsung di mana hakim bicara tidak perasan semasa membuat keputusan tentang sesuatu perintah pembayaran wang oleh satu pihak kepada satu pihak atau melibatkan kepentingan satu pihak yang lain.

Antaranya dalam kes melibatkan nafkah anak, nafkah tunggakan, bayaran mutaah[12], potongan atau tahan pendapatan, bayaran nilai harta sepencarian dan sebagainya.

Pihak yang perlu dibayar (katakan Plaintif) diarahkan memberikan butiran akaun bank. Tanpa pengetahuan atau kesedaran Plaintif dan atas kelemahan atau ketidakhirauan peguam syarienya, butiran akaun bank konvensional tertentu telah diberikan bagi tujuan pembayaran dibuat secara bulanan dan sebagainya. Akaun bank konvensional ini adalah riba atau berunsur riba. Apabila hakim membenarkan butiran akaun ini direkodkan dalam perintahnya atau melalui perintahnya, pembayaran oleh pihak satu lagi hendaklah dimasukkan ke dalam akaun itu. Maka secara tidak langsung hakim berkenaan telah turut serta dan meng-*endorse*-kan (mengesahkan/menyokong) satu kerjasama perlakuan yang berunsurkan riba.

Perlu diingatkan bagi setiap pembayaran yang kemudiannya masuk ke dalam akaun riba itu, faedah akan terbentuk dari semasa ke semasa, sesuai dengan pertambahan dan pengurangan wang dalam akaun itu. Saham dosa terus mengalir. Bagaimana jika pembayaran itu melibatkan jumlah wang yang besar ke dalam akaun simpanan (berunsur riba) dalam perbankan konvensional? Kita tentu maklum ayat al-Quran yang antaranya bermaksud: "... *jangan tolong-menolong dalam perkara maksiat dan dosa ...* " – apatah lagi dosa besar seperti riba. Sudah tentu tidak wajar membiarkan perkara sebegini menjejaskan kesucian mahkamah syariah.

Jika tiada wang atau terlalu sedikit wang yang masuk pada akaun itu dan terlalu rendah faedah yang terbentuk,

12 Pemberian suami yang diwajibkan kepada isteri setelah diceraikannya.

selekeh-lekeh pandangan pun harus akur bahawa kerjasama itu telah memberi satu sokongan moral kepada institusi riba untuk terus berkuasa di persada kewangan di Malaysia. Semoga dijauhi Allah ﷻ hendaknya.

DAKWAH DI MAHKAMAH (JANGAN DITINGGALKAN)

Kes-kes syariah khususnya dalam isu tuntutan harta sepencarian dan nafkah sudah tentu melibatkan tuntutan wang dan harta. Tuntutan wang dan harta itu sebahagiannya melibatkan akaun-akaun bank dan perjanjian pinjaman yang berunsur riba. Wang dan harta yang terlibat boleh membawa kepada ribuan dan ratusan ribu ringgit atau lebih.

Hakim yang bijaksana akan membuat keputusan mengenai wang dan harta pihak-pihak yang bertikai termasuklah memutuskan siapa yang berhak, lebih berhak atau tidak berhak kepada wang dan harta itu. Hakim juga perlu memutuskan pembahagian dan kadar pembahagian harta dan wang itu kepada pihak-pihak yang berhak. Oleh yang demikian itu, wajarlah hakim yang bijaksana menasihati pihak-pihak yang bertikai tersebut mengenai kedudukan harta dan wang mereka yang terlibat dengan riba dan berusaha untuk melepaskan diri daripada riba tersebut.

Antara langkah proaktif yang boleh dilaksanakan oleh hakim yang bijaksana ialah:

1) Memerintahkan semua pembayaran wang dilakukan ke dalam akaun-akaun Islamik.

2) Menasihati mengenai kedudukan diri dan harta yang terikat dengan pinjaman riba (sama ada kerja, harta

kediaman, perniagaan, kenderaan, saham dan aset-aset lain).

3) Memberi panduan dan kaedah untuk membebaskan diri daripada riba.

KISAH BENAR JADI TELADAN

Dalam sekian banyak kisah benar di mahkamah, ditakdirkan pada tanggal 16 April 2009 di suatu mahkamah syariah, suatu perbicaraan dijalankan. Suami memohon perintah taat terhadap isterinya.

Dalam keterangan si suami, beliau menjelaskan bagaimana isterinya berterusan ingkar mentaatinya. Walaupun pujukan demi pujukan telah si suami lakukan, si isteri tetap enggan. Untuk membuktikan kesungguhannya ingin memulihkan masalah rumah tangga dan meyakinkan si isteri, si suami merujuk kepada suatu dokumen perjanjian jual beli sebuah rumah (yang telah siap) berharga RM120,000.00. Isteri dituntut agar kembali mentaati suami dan berpindah ke rumah yang dibeli oleh suami untuk mereka tinggal bersama. Suami mengatakan bahawa selain jumlah 10 peratus yang dibayar kepada penjual, baki 90 peratus harga jual beli adalah dibiayai melalui pinjaman bank. Suami dengan bantuan peguamnya telah mempersembahkan permulaan kes mereka dengan baik. Cuba anda teka di mana masalahnya?

Peguam isteri meneliti dokumen pinjaman bank yang dikemukakan. Allah! Ia dokumen asas bagi pinjaman riba. Ia adalah surat tawaran bank (konvensional). Oleh kerana dalam keterangan suami mengatakan bahawa suami telah tinggal di situ dan dia telah mengajak isterinya berpindah

dari rumah ibu bapa isterinya ke rumah itu maka ia adalah suatu *presumption* (anggapan) fakta bahawa:

a) Suami telah memasuki satu transaksi atau urusniaga riba dan/atau telah melaksanakan serta menandatangani suatu dokumentasi perjanjian riba.

b) Suami telah mendapat manfaat wang urusniaga riba itu, di mana wang pinjaman itu telah dibayar kepada penjual.

c) Suami kini perlu membayar balik wang pinjaman itu mengikut cara yang ditetapkan bank berdasarkan pengenaan faedah yang ditetapkan bagi tempoh masa tertentu yang lama. Keseluruhan yang disyaratkan oleh bank untuk dibayar balik oleh peminjam adalah pasti lebih daripada jumlah yang dipinjam. Ia adalah riba yang nyata lagi pasti.

Peguam isteri kemudiannya meninjau kepada nama peguam yang melaksanakan transaksi jual beli dan pinjaman. Sah, 100 peratus firma bumiputra Melayu Islam! Apakah hakim dalam kes syariah ini tidak perasan? Adakah peguam syarie yang mewakili suami tidak perasan? Bagaimana pula dengan si suami itu? Tahukah dia bahawa dia telah membeli rumah dengan cara riba? Bagaimana dengan peguam Islam yang menguruskan kes *legal* pinjaman riba itu? Tidak tahu atau tidak kisah? Jika tidak silap, peguam Islam yang ada di situ adalah lulusan Universiti Islam Antarabangsa. Manakala bank tersebut, diketahui kebanyakan kakitangan dan pegawainya adalah Melayu Islam termasuklah pengurus cawangannya. Begitulah betapa terlibatnya banyak pihak (orang-orang Islam) atas satu sahaja transaksi riba.

Berbalik kita kepada prosiding kes syariah tersebut. Timbul satu isu – wajarkah isteri diperintahkan taat untuk

kembali ke rumah yang diibaratkan kubu perang terhadap Allah dan Rasul-Nya? Seperkara lagi, ironinya kita mungkin sebelum ini menganggap bahawa mahkamah-mahkamah sivil sahaja terlibat membicarakan kes-kes berkaitan pinjaman riba. Namun, realitinya tidak begitu.

BAB 8

Isu Riba Dalam Tuntutan Kemalangan Kenderaan

SEBENARNYA, ramai orang tidak perasan akan perkara ini. Kes tuntut-menuntut melibatkan wang insurans atas sebab kemalangan atau perlanggaran kenderaan merupakan bidang kerja penting bagi peguam. Peguam-peguam Muslim juga telah banyak yang memfokuskan perniagaan guaman mereka pada bidang kes ini. Dalam banyak situasi, penyelesaian (kes tuntutan) tercapai dengan persetujuan dan wang pendapatan yang lumayan diterima peguam, tanpa perlu melalui proses perbicaraan yang boleh memakan masa bertahun-tahun.

INSURANS PERMOTORAN TAKAFUL VS INSURANS KONVENSIONAL

Isunya di sini ialah, dalam kedapatan insurans permotoran takaful atau Islam yang banyak di pasaran, masih begitu ramai orang Islam dan orang bukan Islam yang melanggan insurans konvensional (yang bukan Islamik, takaful, syariah) untuk perlindungan insurans kenderaan mereka.

Apabila berlaku kemalangan antara dua pihak, tuntutan boleh membawa kepada puluhan ribu, ratusan ribu bahkan kadangkala mencecah nilai jutaan ringgit bergantung kepada keseriusan kecederaan dan kerugian yang dialami oleh mangsa kemalangan.

Pihak yang mempercayai diri mereka tidak bersalah akan melantik peguam untuk membuat tuntutan kepada pihak yang bersalah yang menjadi musabab kepada kejadian kemalangan. Tuntutan pembayaran kerugian itu adalah ditujukan kepada pihak insurans yang bertanggungan bagi kenderaan pihak yang bersalah. Selepas penyelesaian atau selepas diputuskan hakim akan jumlah tertentu yang perlu dibayar oleh syarikat insurans tersebut kepada mangsa kemalangan, pihak insurans akan menjelaskan jumlah tersebut kepada pihak mangsa yang menuntut tadi.

Yang menjadi isu ialah wujud dua kemungkinan kebarangkalian iaitu syarikat insurans yang membayar wang katakan RM200,000.00 kepada pihak Penuntut (mangsa kemalangan itu, atau jika dia mati, kepada warisnya) adalah sama ada syarikat insurans konvensional ataupun takaful (Islam). Sedangkan kita mengetahui bahawa **hukum melanggan insurans konvensional telah difatwakan sebagai haram kerana ada unsur riba, *gharar* dan/atau *maisir*.**[13]

Penubuhan dan kewujudannya di sisi hukum syarak adalah bermasalah. Bagaimana wang yang ada padanya? Sudah tentulah bermasalah ataupun disifatkan sebagai haram kerana tercemar atas unsur riba, *gharar* dan *maisir*.

Persoalannya:

1. Bagaimana kedudukan wang itu apabila dibayar kepada mangsa kemalangan?

---

13 Judi.

2. Sudah tentu si mangsa tidak boleh menjangkakan bahawa kenderaan yang melanggarnya itu diinsuranskan secara insurans konvensional. Maka wang tuntutan yang diperolehi, katakanlah RM200,000.00, adalah daripada dana wang insurans konvensional itu. Apakah kedudukan wang RM200,000.00 itu di sisi syarak? Bolehkah mangsa kemalangan yang Muslim atau keluarganya menikmati wang itu? Semuanya atau sebahagiannya?

3. Adakah alasan darurat boleh dipakai memandangkan mangsa tidak bersalah dan memerlukan wang itu untuk mengurangkan kesan buruk kemalangan yang menimpanya? Bagaimana jika mangsa menjadi lumpuh dan mempunyai banyak tanggungan? Tetapi bagaimana pula jika mangsa yang lumpuh itu seorang kaya yang masih memiliki banyak wang yang boleh digunakan? Adakah kedudukan hukum akan difatwakan berbeza? Adakah mana-mana fatwa telah dikeluarkan dalam isu ini?

4. Pandangan alternatif pula menyatakan bahawa sekiranya kita membuat perbandingan dengan membezakan antara dua transaksi iaitu antara mangsa dengan pemandu yang bersalah dan antara pemandu yang bersalah dengan syarikat insuransnya, maka pendekatan kaedah ini adalah selamat dan kelihatan lebih adil. Oleh itu, urusan antara si mangsa dengan pemandu yang bersalah itu ialah di mana si mangsa mendapat ganti rugi wang atas kecuaian pemilik kenderaan yang bersalah itu. Hal urusan pemandu yang bersalah itu melanggan insurans riba adalah tanggungan dosa dirinya sendiri. Dalam hal ini tiada yang

tidak syarie atau bercanggah dengan hukum syarak. Walaupun si mangsa mendapat wang ganti rugi itu daripada dana wang insurans riba, ia dianggap halal dan harus kerana musabab dia mendapat wang itu adalah sebab kemalangan atas kecuaian si pemilik kenderaan yang bersalah itu. Undang-undang negara dan hukum syarak membenarkannya.

Wallahu ta'ala a'lam.

BAB 9

Riba Tidak Berdosa Kerana Darurat?

DI DALAM bab ini, kita akan melihat adakah benar-benar wujud situasi sebegini. Pada terma undang-undang, perkataan-perkataan 'pengecualian dan/atau kelonggaran' sama ada secara bersama atau berasingan adalah memaksudkan kepada situasi seseorang yang melakukan atau terlibat dengan suatu amalan atau transaksi riba tetapi perlakuan atau penglibatan ribanya itu tidak dihukumkan berdosa atas sebab-sebab hal keadaan yang tertentu.

Maksud 'atas sebab-sebab hal keadaan yang tertentu' adalah merujuk kepada dalihan-dalihan atau alasan-alasan yang terdiri daripada, antaranya:

1. *Al-Darurat* (darurat, terpaksa atau terdesak).
2. Elemen *al-Hajah* (hajat atau keperluan).
3. Rukhsah (keringanan).
4. Maslahat (maksud mudahnya adalah sesuatu yang memberikan manfaat dan menghindarkan daripada keburukan serta tidak bercanggah dengan prinsip syarak).

5. Perkara-perkara lain yang dibenarkan syarak.

Apabila berlaku atau wujudnya salah satu atau lebih dalihan atau alasan di atas, tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan padanya, **maka hukumnya (dipendapatkan) tidak berdosa melakukan.**

DARURAT/DARURAH

Perkataan darurat/darurah mempunyai erti keperluan (hajat), sesuatu yang tidak dapat dihindari, dan kesulitan *(masyaqqah)*. Dalam erti kata lain pula ialah kemahuan, berhajat, terpaksa.

Maksud firman Allah:

> *Allah menginginkan kemudahan buat kamu, dan tiada menginginkan kesukaran kepada kamu.* (Al-Baqarah 2: 185)

> *Allah tiada menghendaki meletakkan beban ke atas kamu, akan tetapi dia menghendaki untuk membersihkan kamu dan menyempurnakan nikmat-Nya buat kamu, Moga-moga kamu bersyukur.* (Al-Maidah 5: 6)

> *Mengapa kamu tidak mahu memakan daripada (sembelihan binatang-binatang halal) yang disebut nama Allah ketika menyembelihnya, padahal Allah telah menerangkan secara jelas kepada kamu apa yang diharamkan-Nya kepada kamu, kecuali apa yang kamu terpaksa memakannya. Sesungguhnya kebanyakan (manusia) benar-benar hendak menyesatkan (orang lain) dengan hawa nafsu mereka tanpa berdasarkan*

pengetahuan. Sesungguhnya Tuhanmu, Dialah yang lebih mengetahui akan orang yang melampaui batas. (Al-An'am 6: 119)

Istilah darurat yang sebenarnya adalah pada kelaparan dan makanan. Itu pun had dan syaratnya ditentukan. Ia adalah asas musabab kepada kewujudan istilah darurat yang kemudiannya telah disepakati oleh semua ulama. Ramai ulama meletakkan batasan darurat itu berjalan 'sehari semalam' seseorang itu tidak mendapatkan makanan kecuali barang-barang yang diharamkan itu. Waktu itu dia boleh makan sekadarnya sesuai dengan dorongan darurat itu dan untuk menjaganya daripada bahaya.

Imam Malik r.a. memberikan batasan darurat sekadar kenyang dan harus menyimpannya sehingga mendapat makanan yang lain. Para fuqaha yang lain berpendapat dia tidak boleh makan, melainkan sekadar dapat mempertahankan sekadar sisa hidupnya.

1. Menurut mazhab Hanafi

Antaranya darurat adalah rasa takut ditimpa kerosakan atau kehancuran terhadap jiwa atau sebahagian anggota tubuh apabila tidak makan. Darurat adalah keadaan yang memaksa (seseorang) untuk mengerjakan sesuatu yang dilarang oleh syarak.

2. Menurut mazhab Maliki

Darurat ialah kekhuatiran akan mengalami kematian. Tidak disyaratkan seseorang harus menunggu sampai benar-benar datangnya kematian, tetapi cukuplah dengan adanya kekhuatiran akan mati, sekalipun dalam keadaan *zan* (hanya sangkaan, rasa hati, curiga).

3. Menurut mazhab Syafie

Darurat adalah sampainya seseorang pada batas di mana jika dia tidak memakan yang dilarang, dia akan binasa (mati) atau mendekati binasa. Darurat adalah rasa khuatir akan terjadinya kematian atau sakit yang menakutkan atau menjadi semakin parahnya penyakit ataupun semakin lamanya sakit dan dia tidak mendapatkan yang halal untuk dimakan, yang ada hanya yang haram, maka ketika saat itu dia mesti makan yang haram itu.

KEPENTINGAN ELEMEN DARURAT

Maksud darurat ini meluas bagi menjamin dan memelihara keperluan-keperluan asasi untuk kebaikan hidup manusia di dunia dan akhirat iaitu:

1. Agama – yang terpenting.
2. Diri/jiwa.
3. Akal.
4. Kehormatan/maruah, dan;
5. Harta.

Tanpa lima perkara di atas, kehidupan manusia menjadi huru-hara (fasad) dan binasa dan merupakan kerugian besar di akhirat. Memelihara kelima-lima tersebut merupakan kewajipan darurat (tidak dapat tidak mesti dilaksanakan). Misalnya dalam situasi melibatkan pemeliharaan jiwa (*hifzh an-nafs*), seperti orang kelaparan yang terancam jiwanya yang tidak mendapatkan makanan selain daging babi atau bangkai. Atau dalam situasi seseorang yang diancam akan

dibunuh jika tidak mahu mengucapkan kata-kata kufur, dia terpaksa dan tidak berdosa, asalkan hatinya tetap beriman.

PENDAPAT ULAMA KONTEMPORARI

- MENURUT DR. YUSUF QARADAWI: Keadaan darurat melonggarkan larangan syarak. Islam membenarkan mengambil apa yang diharamkan sekadar hanya yang dapat menolak atau menghilangkan darurat yang menimpanya supaya ia terselamat daripada kebinasaan bersesuaian dengan firman Allah:

  ... *Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan (dengan ketetapan yang demikian) dan Dia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran ... .* (Al-Baqarah 2: 185)

  Di dalam surah al-Baqarah [2: 173] pula, Allah ﷻ berfirman, maksudnya:

  ... *maka sesiapa terpaksa (memakannya kerana darurat) sedangkan dia tidak menginginkannya dan tidak pula melampaui batas (pada kadar benda yang dimakan itu), maka tidaklah dia berdosa ... .* (Al-Baqarah 2: 173)

- DR. WAHBAH AZ-ZUHAILI: Beliau mendefinisikan darurat adalah datangnya bahaya atau kesulitan (masyaqqah) yang amat berat kepada manusia, yang membuat dia khuatir akan terjadinya mudarat atau sesuatu yang menyakiti atas jiwa, anggota tubuh, kehormatan, akal, harta dan yang bertalian dengannya.

ALASAN DARURAT TIDAK DITERIMA DALAM KES RIBA

Terdapat pelbagai definisi darurat diberikan oleh ulama, namun kebanyakannya membawa pengertian yang hampir sama, iaitu keadaan terpaksa yang dikhuatiri dapat menimbulkan kematian, atau mendekati kematian. Dengan kata lain, semuanya mengarah kepada tujuan pemeliharaan jiwa (*hifz an-nafs*).

Definisi darurat haruslah dikembalikan pada nas-nas yang menjadi sumber pembahasan darurat. Antaranya bersumberkan daripada beberapa ayat al-Quran, seperti dalam surah:

1. Al-Baqarah 2: 173.
2. Al-Ma'idah 5: 3.
3. Al-An'aam 6: 119.
4. Al-An'aam 6: 145.
5. An-Nahl 16: 115.

Fokus ayat-ayat tersebut menerangkan keadaan darurat kerana terancamnya jiwa jika tidak memakan yang haram, seperti bangkai dan daging babi. Oleh itu definisi darurat dikhususkan kepada suatu keterpaksaan yang sangat mendesak yang dikhuatirkan akan dapat menimbulkan kebinasaan/kematian. Inilah definisi darurat yang sahih sebagaimana termaktub dalam kaedah yang masyhur iaitu *Ad-dharurat tubiih al-mahzhurat* (keadaan darurat membolehkan yang diharamkan).

Penjelasan definisi di atas jelas menolak dakwaan kewujudan keadaan darurat dalam urusan perbankan dan

kewangan dan ini diperkuatkan dengan hujah bahawa tidak pernah timbul situasi kekhuatiran atau risiko kebinasaan dan kematian. Ada diriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ pernah bersabda yang bermaksud: Aku bertanyakan Rasulullah, "Kami berada di suatu tempat dengan mengalami keadaan amat mendesak. Bilakah dihalalkan kepada kami untuk memakan bangkai." Nabi menjawab, *"Apabila tiada lagi makanan tengah hari dan tiada lagi makanan malam dan tiada juga buah tamar untuk dimakan, maka itulah keadaannya."*

Tegasnya apa sahaja yang boleh menarik atau membawa kepada yang haram, maka hukumnya haram. Apa sahaja yang dapat membantu kepada yang haram, maka hukumnya haram juga. Dan apa sahaja yang dibuat secara helah yang akan menyampaikannya kepada yang haram, maka ia juga dihukumkan haram.

ALASAN DARURAT DITERIMA DALAM KES RIBA

1. Dr. Wahbah az-Zuhaili dan sebahagian ulama lain menilai definisi darurat itu haruslah mencakupi semua yang berakibatkan dibolehkan yang haram atau ditinggalkannya yang wajib. Maka daripada itu, az-Zuhaili menambahkan tujuan-tujuan pemeliharaan tersebut iaitu seperti tujuan memelihara akal, kehormatan, dan harta.

2. Definisi di atas membuka ruang bagi menerima kewujudan keadaan darurat dalam urusan perbankan dan kewangan yang berunsurkan riba. Inilah definisi yang diidami atau diharap-harapkan oleh segolongan masyarakat. Maka, suka dan gembiralah mereka yang

terpalit atau ingin memalitkan diri dengan urusan yang berunsur riba itu.

KESIMPULAN

1. Kewujudan darurat adalah diterima dalam Islam. Apabila timbul keadaan darurat, **seseorang itu dibenarkan untuk mengambil daripada apa yang diharamkan setakat sekadar apa yang perlu untuk menghilangkan darurat yang menimpa dirinya supaya terselamat daripada kebinasaan.**

2. Sebab itulah Allah ﷻ telah berfirman, sesudah dijelaskan apa yang diharamkan daripada memakan makanan yang haram yang berupa bangkai, darah dan daging babi, yakni firman-Nya dalam surah al-Baqarah, ayat 173 yang bermaksud: ***"... maka sesiapa terpaksa (memakannya kerana darurat) sedangkan dia tidak menginginkannya dan tidak pula melampaui batas (pada kadar benda yang dimakan itu), maka tidaklah dia berdosa. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Penyayang."***

   Namun terdapat syarat dalam penggunaan alasan darurat yang mesti dipatuhi. **Keadaan keterpaksaan dan keperluan (darurat) itu hendaklah bukan disengajakan dan tidak pula melampaui batas.**

3. Secara yang mudah difahami, maksud ***'tidak menginginkan'*** **ialah seseorang itu tiada mengingininya (melakukan yang haram kerana keadaan darurat) kerana suka atau sengaja.** Manakala maksud ***'tidak melampaui batas'*** **ialah had batasan (perbuatan haram yang terpaksa dilakukan kerana keadaan darurat itu),**

sekadar sedikit atau seminimum yang perlu untuk mengelakkan mudarat dan bahaya, bukan mengambil kesempatan untuk menikmatinya. Sebagaimana para fuqaha telah meletakkan satu kaedah prinsip iaitu:

- "Yang darurat itu dibatasi ukurannya."
- "Apa-apa yang diharuskan kerana sebab darurat, adalah dibataskan dengan batasan tertentu"

4. Syarat darurat yang lain bahawa seseorang itu walaupun terpaksa tunduk kepada tuntutan darurat, **dia tidaklah boleh pasrah dan menyerah diri sepenuhnya kepada keadaan darurat itu. Bahkan mestilah dia terlebih dahulu menahan diri atau bertahan dan berusaha bersungguh-sungguh sedaya upayanya untuk mencari dan mendapatkan terlebih dahulu apa jua dan segala sumber yang halal sehingga dia tidak tertahan dan tertanggung lagi, melainkan terpaksa melakukan yang haram itu, yang kiranya tidak dilakukan dia percaya bahawa akan memudaratkannya dengan mudarat yang tidak dapat dipulihkan atau sukar dipulihkan.** *Wallahu ta'ala alam.*

5. Dalam situasi perbankan di Malaysia terdapat perbankan Islam di samping perbankan konvensional yang riba. Bahkan terdapat banyak produk Islam di samping lambakan produk konvensional. **Pilihan halal sentiasa ada dan boleh dilanggan. Tiada keadaan darurat lagi untuk melanggan yang konvensional. Sebagaimana yang disebutkan dalam kaedah fiqh yang ertinya: *"Sesungguhnya apa yang diharuskan kerana darurat sesungguhnya memerlukan keyakinan akan wujudnya darurat tersebut setelah usaha pencarian (yang halal)."***

Prinsip Darurat yang disebut sebagai suatu kaedah fiqh yang masyhur ialah *"ad-darurat tubih al-mahzurah"* bermaksud "apabila wujud keadaan mendesak (darurat) maka seseorang dibolehkan mengerjakan perkara yang terlarang" tidak lagi relevan dalam hal langganan produk/ pinjaman riba oleh orang Islam.

6. Keadaan darurat yang kononnya dikatakan dalam urusan kewangan adalah bukan untuk melepaskan diri daripada bebanan kefakiran, kelaparan atau kemiskinan tetapi lebih untuk menyampaikan hajat kepada kedudukan lebih baik dalam kewangan diri. Ia bukan situasi keterpaksaan.

7. Kini terdapat banyak bank Islam dan hampir semua perbankan konvensional juga mempunyai produk syariah/Islam dalam pelbagai bentuk yang bebas riba. Justeru, alasan darurat dalam suasana dan situasi sebegini tidak lagi relevan dan tidak lagi boleh diguna pakai. Hujah ini juga boleh diaplikasikan dalam situasi Insurans Islam dan Insurans Konvensional.

Darurat juga hanya terpakai apabila segala alternatif, jalan, cara dan peluang untuk mendapat kemudahan perbankan/pembiayaan secara Islam tidak diperolehi langsung. Sekalipun ia mungkin lebih mahal, ia belum menjadi alasan kepada terbukanya pintu darurat. Sesungguhnya dakwaan mengatakan bahawa pinjaman riba lebih menguntungkan dan menjimatkan dari sudut pembayaran balik adalah perlu dibuktikan. Jangan pula nanti ia terbukti sebaliknya!

Justeru, bagaimana mungkin darurat ini menjadi alasan kepada seseorang itu sama ada peguam, kakitangan perbankan dan sebagainya untuk terlibat dalam riba? Pilihan di tangan anda, sama ada pilihan ketakwaan atau pilihan keterpaksaan. Terpulang kepada anda untuk memilih. Keputusan anda, kesudahan anda!

BAB 10

Fatwa-Fatwa Berkaitan Isu Riba

FATWA DAN SOAL JAWAB DALAM HAL RIBA

BAHAGIAN ini menperjelaskan sedikit tentang perihal fatwa. Terdapat juga contoh-contoh fatwa yang dikeluarkan oleh negeri-negeri di Malaysia dan Brunei. Dalam keterbatasan maklumat yang dibekalkan, pembaca boleh melihat sendiri dan membezakan cara jawapan yang diberikan bagi setiap soalan. Pun begitu, terdapat kesepakatan pandangan hukum dalam isu riba.

e-Fatwa

e-Fatwa ialah satu laman web yang menyediakan maklumat-maklumat keputusan fatwa kebangsaan dan fatwa yang telah diwartakan di negeri-negeri di seluruh Malaysia. e-Fatwa boleh diakses melalui alamat http://www.islam.gov.my atau melalui laman-laman web jabatan-jabatan mufti di seluruh Malaysia.

Keputusan Fatwa

Keputusan fatwa adalah penjelasan mengenai hukum syarak oleh mufti bagi sesuatu masalah agama berdasarkan dalil syarak sebagai jawapan kepada sesiapa yang bertanya, baik secara bersendirian atau berkumpulan.

Fatwa

Fatwa ialah keputusan fatwa yang telah dikeluarkan oleh jabatan mufti dan telah diwartakan oleh kerajaan negeri bagi proses penguatkuasaan undang-undang. Proses mengeluarkan jawapan dilakukan secara berjemaah sama ada di peringkat negeri ataupun di peringkat kebangsaan.

Skop Fatwa

Skop fatwa terdiri daripada isu atau masalah yang timbul dalam masyarakat dan belum jelas hukum mengenainya, pendapat yang berbeza antara ulama yang memerlukan pemilihan *(tarjih)*, isu-isu yang telah difatwakan di negara-negara lain yang perlu sesuaikan mengikut keadaan setempat mahupun dalam isu-isu yang bersifat global dan berkaitan dengan kepentingan umat Islam.

Bagaimanakah Fatwa Dikeluarkan?

1. Sesuatu isu atau persoalan berkaitan hukum-hakam itu perlu dikaji dan dibentangkan di dalam jawatankuasa fatwa.
2. Fatwa dikeluarkan lazimnya mengikut pendapat muktamad dalam mazhab Syafie.
3. Mengikut kaedah *fiqh al-Aulawiyyat* iaitu meletakkan

sesuatu pada kedudukan yang sewajarnya sama ada dari segi hukum, nilai mahupun pelaksanaannya. Perkara atau amalan yang lebih utama hendaklah didahulukan berdasarkan penilaian syariat dan akal.

4. Jawatankuasa fatwa akan merujuk kepada pendapat para sahabat, tabiin, imam-imam mazhab dan fuqaha dengan mengadakan penelitian dalil-dalil dan implikasinya.

FATWA OLEH JABATAN MUFTI JOHOR

Fatwa-fatwa yang disenaraikan di sini adalah sebagaimana yang dipaparkan di laman web. Di antaranya adalah fatwa berkaitan:

1) Insurans nyawa

   Insurans nyawa yang diamalkan di dunia kini adalah berunsurkan riba. Umat Islam sewajarnya tidak terlibat dengan institusi yang berunsur riba. Allah mengharamkan riba kerana ia mengandungi unsur-unsur kezaliman. Bolehlah disenaraikan di sini sebab-sebab haramnya iaitu; orang yang menyertai insurans itu mengharapkan keuntungan berlipat ganda dari syarikat yang menawarkan, wang yang akan diberikan kepada syarikat itu sebagai wang pertaruhan yang akan lesap apabila tiada apa yang berlaku. Syarikat akan untung berlebihan sedangkan pelanggan rugi. Nyawa kita sudah dijamin Allah, umat Islam seluruhnya menjadi penjamin antara satu sama lain. Apabila kita mengharapkan sesuatu yang lain daripada yang Allah sebutkan itu sudah tentu kita menyalahinya.

2) Insurans kereta motor

Insurans kereta motor seperti yang ditetapkan oleh kerajaan adalah sesuatu yang tidak boleh dielakkan, maka haruslah diambil untuk membolehkan kita memiliki lesen cukai jalan. Kita mengambil insurans itu bukan bertujuan keuntungan sebaliknya untuk membolehkan kita mendapatkan lesen, itu saja. Tetapi jika kita berniat mendapatkan keuntungan dan jaminan tetap dikira riba juga. Oleh itu, perbetulkan niat kita semasa mengambilnya.

FATWA OLEH JABATAN MUFTI SELANGOR

Saya seorang ahli perniagaan. Saya menyimpan wang di bank untuk kemudahan urusan perniagaan dan keselamatan harta saya. Apakah hukum faedah yang saya perolehi dari bank tersebut?

Jawapan:

Faedah-faedah yang diambil oleh penyimpan dari bank konvensional adalah riba yang hukumnya haram. Riba ialah setiap pertambahan yang disyaratkan ke atas modal iaitu apa yang diperolehi bukan melalui perniagaan atau sebarang usaha, sebagai tambahan ke atas modal. Oleh itu Allah ﷻ berfirman: *"Wahai orang-orang yang beriman! Patuhlah kamu kepada Allah dan tinggalkanlah sisa-sisa riba, kalau kamu betul-betul orang yang beriman".*

Faedah-faedah tambahan kepada modal yang diperolehi

tanpa sebarang perkongsian, usaha, mudarabah atau sebagainya dikatakan riba. Islam tidak mengharuskan sesiapa untuk mempertaruhkan modal dan kemudian mengambil keuntungan yang telah pun ditetapkan. Sekalipun dia ahli kongsi yang sebenar, dia wajar menanggung bukan sahaja keuntungan, malah kerugian juga. Jika untungnya sedikit, dia berkongsi pada yang sedikit dan jika untungnya banyak, dia berkongsi yang banyak dan jika dia rugi, dia tidak berhak mendapat apa-apa. Inilah erti sebenar perkongsian. Faedah bank itu tidak halal untuknya dan tidak harus mengambilnya.

Dia juga tidak boleh menilainya untuk dizakatkan bersama wangnya yang lain yang disimpan di bank. Faedah ini haram, bukan miliknya dan bukan milik bank sendiri. Benda yang haram tidak boleh dimiliki. Haruslah baginya mengambil dan memberi kepada projek sukarela dan sebagainya yang dirasakannya dapat memberi kebaikan atau maslahat kepada semua makhluk Allah seperti jambatan, tandas awam dan perhentian bas. Harta yang haram bukanlah milik sesiapa. Faedahnya pula bukan menjadi milik bank ataupun penyimpan, sebaliknya hendaklah ia menjadi milik kepada kepentingan awam. Ia tidak perlu untuk dizakatkan (disucikan) kerana zakat tidak boleh menyucikan harta haram, yang boleh menyucikannya ialah dengan mengeluarkannya (mengasingkannya). Sehubungan dengan ini Rasulullah ﷺ bersabda:

Sesungguhnya Allah tidak menerima sedekah (zakat) daripada pengkhianat. (Riwayat Muslim).

2

Apakah hukum seseorang yang menggunakan wang *interest* atau wang bunga yang diberikan oleh pihak bank untuk kepentingan umat Islam?

Jawapan:

Hukum menggunakan wang *interest* atau wang bunga yang diberikan oleh pihak bank adalah haram kerana ia adalah wang riba yang wajib diserahkan kepada Baitulmal. Penyimpan tidak boleh membelanjakan wang riba itu sama ada bagi tujuan kebajikan secara umum atau khusus. Ini adalah berdasarkan firman Allah ﷻ, maksudnya:

> *Wahai orang yang beriman! Janganlah kamu makan atau mengambil riba dengan berlipat-lipat ganda, dan hendaklah kamu bertakwa kepada Allah mudah-mudahan kamu berjaya.* (Ali Imran 3: 130)

Oleh itu, untuk menentukan dengan tepat pengagihan atau penggunaan wang riba itu, hendaklah ia diserahkan kepada Baitulmal sesuai dengan sifatnya sebagai pentadbir am harta umat Islam.

Saya kakitangan kerajaan dan gaji saya masuk melalui akaun simpanan di sebuah bank (akaun konvensional yang berteraskan riba). Apa hukumnya?

Jawapan:

Tidak jadi kesalahan kepada anda sekiranya majikan yang memasukkan gaji anda ke bank yang mengamalkan riba.

Bagi mengelakkan riba, saya memindahkan gaji saya setiap bulan ke akaun perbankan Islam. Adakah rezeki saya selamat daripada pencemaran riba?

Jawapan:

Tindakan anda bagus.

Laman Web JAKIM – Kemusykilan Agama

Berurusan dengan Bank

- Pada masa kini orang ramai telah ditawarkan oleh pelbagai bank di negara ini dengan kontrak pinjaman menerusi skim perbankan Islam tanpa faedah. Pinjaman yang ditawarkan menerusi perbankan tersebut mampu membebaskan kita daripada riba yang haram. Tuan boleh terus mendapat khidmat nasihat dari bank-bank tersebut untuk urusan mandapatkan pinjaman tanpa riba.

  [Pemahaman: Yang dimaksudkan ialah produk syariah sahaja sama ada oleh bank Islam atau bank-bank konvensional dan istilah pinjaman tanpa riba ini dikenali dengan lebih tepat mengikut perbankan Islam sebagai 'Kemudahan Pembiayaan atau Kewangan' bagi membezakan dengan istilah Pinjaman].

- Hukum bermuamalat dengan bank-bank konvensional adalah haram sekiranya ia melibatkan unsur riba.

  [Pemahaman: Yang dimaksudkan ialah produk konvensional dan bukan produk syariah].

Insurans Nyawa

Insurans nyawa sebagaimana yang dikendalikan oleh kebanyakan syarikat insurans pada hari ini adalah haram dan sebagai suatu muamalah yang fasad kerana akadnya tidak sesuai dengan prinsip-prinsip Islam iaitu:

a) Mengandungi *gharar* (ketidaktentuan).

b) Mengandungi unsur judi.

c) Mengandungi muamalah riba.

FATWA OLEH JABATAN MUFTI BRUNEI

1) Pinjaman Berfaedah

Apakah hukum mengadakan sebuah bank bagi kemajuan pembangunan dalam negeri, dimodalkan oleh orang ramai dan kerajaan dengan meminjamkan wang kepada orang ramai dan syarikat-syarikat dengan pinjaman berbunga? Ia bertujuan supaya pinjaman-pinjaman daripada kerajaan yang berjalan sekarang hanya kepada mereka yang berkerja dengan kerajaan, dapat dipusatkan di bank dan diratakan kepada sekalian rakyat negeri.

Jawapan: Meminjamkan wang dengan berbunga atau riba itu ialah mengikut cara *iqtishad* ekonomi negara-negara Barat, padahal negara-negara Timur Eropah, blok komunis tiada menggunakan riba dalam kerja-kerja ekonomi pada masa sekarang. Akan tetapi ada pakar-pakar Barat bersuara tiada bersetuju dengan ekonomi cara riba yang dijalankan oleh negera-negera Barat Eropah seperti Dr. Schalkh, pakar Jerman.

Islam menyeru meminjamkan wang bagi membantu mereka yang berhajat dengan cara hutang yang berihsan (*qardh hasan*), dan tiada meluluskan hutang dengan memakan bunga walaupun sedikit dalam mazhab yang empat, dan Allah telah memberi amaran kepada orang-orang dan syarikat yang menjalankan bunga sebagaimana dalam al-Quran, akan memerangi dan membinasakan mereka dan modal mereka.

Dalam perkara seperti riba, manusia tiada boleh bersuara mengundi bersetuju atau tiada bersetuju, sebab telah terang hukumnya dalam Islam, tiada boleh ditakwil atau dipusing-pusing lagi. Riba bukan masalah khilafiah yang boleh ulama berijtihad padanya.

2) **Menerima Faedah Daripada Simpanan di Bank**

Seseorang ada menyimpan wang dalam bank, dan bank itu memberi *interest* (faedah) di atas simpanan wang itu. Maka apa hukum dia menerima *interest* atau faedah dari bank atas simpanannya itu?

Jawapan: Berkata ulama bahawa *interest* atau faedah yang diberi oleh bank kepada orang menyimpan wang dalam bank itu adalah riba, sebagaimana fatwa-fatwa mufti Mesir dan Mufti Johor Allahyarham Dato Sayyid 'Alwi Al-Haddad dan fatwa ulama Mesir.

Dan hukum wang *interest* untuk biasiswa yang diberi oleh bank kepada yang menyimpan wang kepada bank itu, adalah hukumnya seperti hukum harta yang tidak diketahui akan tuannya. Kerana bank itu telah mengumpulkan *interest* itu daripada orang-orang yang berlanggan dan muamalah dengan bank, yang tiada

diketahui pada adat orang-orang itu. Dan pula wang itu telah bercampur aduk tiada diketahui *'ain*-nya. Ini diqiyaskan dengan apa yang tersebut dalam kitab *Bughyah Al-Mustarsyidin* daripada imam-imam Al-'Allamah Ba Faqih dan Al-Isyhar dan Al-Jufri, dan wang *interest* itu jadilah harta Baitulmal orang Islam dan dibelanjakan dia pada maslahat orang-orang Islam yang lebih mustahak lebih dahulu seperti membina masjid, jalan raya, sekolah agama dan seumpamanya.

Hendaklah orang yang menerima *interest* itu menerima akannya, kemudian ia diserahkan kepada pihak Baitulmal bagi kegunaan dan faedah umat Islam, sebagaimana telah maklum bahawa di Brunei ada bahagian yang mengelolakan harta Baitulmal dalam Jabatan Hal Ehwal Ugama.

WANG *INTEREST* UNTUK BIASISWA

1) Seorang membuat bangunan rumah bernilai $400,000 untuk disewakan. Hasil daripada sewa itu disimpannya di dalam bank. Bolehkah dia ambil *interest* wang simpanan itu dan memberikan biasiswa kepada pelajar yang berdaftar di kalangan rakyat Brunei? Apakah hukum orang yang menerima *interest* itu?

   Jawapan: *Interest* yang diberi oleh bank adalah riba dan riba itu haram. *Interest* yang dikumpulkan oleh bank itu daripada orang-orang yang menyimpan wang itu *dii'tibarkan* harta yang tiada diketahui akan tuan punya. Daripada itu harta itu menjadi harta Baitulmal dan dibelanjakan harta itu kepada maslahat umat Islam seperti orang-orang fakir atau miskin dan anak yatim

yang fakir dan diberi kepada ulama yang mengajar dan pada membuat jalan, membuat jambatan, parit-parit jalan air, perigi penggunaan am atau mendirikan masjid, surau, sekolah agama dan seumpamanya sebagaimana tersebut dalam *Al-Minhaj* dan syarah-syarahnya.

Oleh yang demikian jika murid-murid itu fakir atau miskin atau padanya ada maslahat atau faedah kepada umat Islam, maka mereka berhak mendapat harta itu kerana harta Baitulmal hendaklah dibelanjakan pada perkara yang lebih mustahak dahulu. Kemudian yang kurang mustahak, begitulah seterusnya dan orang-orang yang menerima akan harta itu. Kiranya mereka berhak mendapat bahagian daripada harta itu, maka halal harta itu kepada mereka sebab ia harta Baitulmal.

Jawatankuasa fatwa dalam Universiti Al-Azhar di Kaherah Arab bersatu yang *dii'tibarkan* setinggi-tinggi lembaga agama di sana berkata: *"Bahawa mengambil sesuatu faedah daripada modal yang disimpan dalam akaun simpanan bank atau dalam sesuatu bank adalah haram, kerana ia itu daripada jenis riba yang diharamkan oleh al-Quran, hadis dan ijmak.*

Menolak Pendapat Yang Bertentangan Dengan Umat Islam

- Berkata Qadhi Al-Bashrah Asy-Syeikh Alauddin Khuruf dalam kitabnya *Ar-Riba wa Al-Fa'idah: "Pembaca-pembaca telah membaca tulisan saya dalam kitab ini, dan mereka minta saya tarjihkan, lalu saya berkata: 'Saya menghadap Allah* ﷻ *dengan berkata bahawa faedah (interest) itu ialah hakikatnya riba yang diharamkan Allah* ﷻ*, sekalipun setengah-setengah orang*

bersungguh-sungguh hendak mengelokkan hakikat (faedah) itu dan merupa akan dia dengan rupa yang cantik, dan berbuat berbagai-bagai cara untuk menutup keburukan faedah itu. Padahal ada bunga atau faedah atau interest *itu dalam pergaulan hidup manusia. Adalah ia menjadi duri, apatah lagi dalam pergaulan hidup umat Islam. Adalah ia mungkar, Allah* سبحانه وتعالى *yang menjadikan langit dan bumi mengetahui apa yang manfaat, dan apa yang menjadi maslahat kepada manusia, Dia kasihan kepada mereka. Dia tiada berkehendak menegah kemajuan mereka dan tiada menghalang pembangunan mereka. Dari itu Allah* سبحانه وتعالى *mengharamkan faedah daripada hutang dan faedah yang diberi oleh bank dan seumpamanya daripada wang simpanan. Dan saya bersama-sama jumhur ulama Islam dan bersama ulama yang menegah faedah bank itu dan mereka berkata adalah ia riba yang diharamkan dalam agama Islam'."*

... mengambil sesuatu faedah daripada modal yang disimpan dalam akaun simpanan bank atau dalam sesuatu bank adalah haram, kerana ia itu daripada jenis riba yang diharamkan oleh al-Quran, hadis dan ijmak.

- Berkata Al-'Allamah Al-Malibari, ertinya: *"Dan jika ia jahil pada perkara maslahat itu, maka ia mesti serahkan kepada orang amanah, adil, yang tahu mana maslahat yang wajib ia dahulukan. Dan orang yang lebih warak dan orang yang lebih alim lebih utama diserahkan kepadanya."*

- Menurut fatwa mufti Mesir tahun 1916 bilangan 650, dan Lujnah Fatwa, fatwa bagi Universiti Al-Azhar, *maka wang bunga itu adalah ia riba* (menurut mazhab asy-Syafi'e), dan menurut fatwa mufti Mesir tahun 1916 itu, *maka wang bunga itu hendaklah disedekahkan* (ini menurut mazhab Hanafi).

- Menghutangkan dengan mengambil bunga adalah haram, tiadalah boleh diharuskan oleh sesuatu hajat atau sesuatu darurat, dan berhutang dengan membayar bunga, adalah haram juga. Dan tiadalah terangkat dosanya melainkan apabila ada hajat sangat (darurat) dan **tiap-tiap seorang itu diserahkan kepada agamanya dan takwanya pada menentukan perkara itu adakah sangat-sangat hajat (darurat) atau tidak.**

- Diriwayatkan oleh al-Imam Ibnu Hibban dalam kitab sahihnya akan suatu hadis yang maksudnya: *"Tiada masuk akan syurga oleh daging dan darah yang jadi dan tumbuh daripada* suht *(dan erti suht benda yang haram atau pencarian yang haram seperti riba dan bunga) dan api neraka lebih utama dengannya."*

- Firman Allah ﷻ, yang bermaksud:

  Perumpamaan (derma atau nafkah) orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah adalah seperti sebiji benih yang menumbuhkan tujuh batang tangkai; setiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Allah melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya dan Allah Maha Luas (kurnia-Nya), lagi Maha Mengetahui. (Al-Baqarah 2: 261)

- Menurut satu riwayat sabda Rasulullah ﷺ yang maksudnya: *"Manakala dibawa saya naik ke langit*

malam Mikraj, maka saya dengar pada langit yang ketujuh di atas kepala saya, akan guruh dan halilintar-halilintar, dan saya lihat orang-orang, perut mereka di hadapan mereka seperti rumah-rumah di dalamnya ular-ular dan kala-kala dilihat dari luar perut mereka, maka saya berkata: 'Siapa itu ya Jibril?' Katanya: 'Mereka orang-orang makan riba'."

Telah ***ittifaq*** **(sepakat) ulama bahawa makan riba itu suatu dosa** besar bahkan ia adalah sebesar-besar dosa besar!

- Telah diriwayatkan oleh al-Imam al-Bukhari dan Muslim dan Abu Daud dan an-Nasa'i bahawa Nabi ﷺ telah bersabda, maksudnya: *"Jauhilah olehmu akan tujuh perkara yang membinasakan".* Sahabat-sahabat bertanya: "Apa itu ya Rasulullah?" Sabda Rasulullah ﷺ: *"Menyekutukan Allah, membuat sihir, membunuh nyawa yang telah diharamkan oleh Allah melainkan dengan kebenaran syarak, memakan harta anak yatim,* ***makan riba****, cabut lari ketika berlaku pertempuran dengan musuh Islam, dan menuduh zina ke atas perempuan-perempuan muhsanah*[14] *yang sunyi daripada kejahatan lagi beriman."*
- Menurut riwayat al-Imam Abu Nu'aim dalam *Al-Hilyah* daripada hadis sahabat, Ibnu Umar telah berkata: Telah bersabda Rasulullah ﷺ maksudnya: *"Kurang sangat didapati pada akhir zaman satu dirham (wang perak) daripada sumber halal, atau saudara atau kawan yang boleh dipercayai akannya."*

Syariat Islam memerintahkan supaya setiap orang Islam berusaha menentang dan menghapuskan maksiat.

---

14 Perempuan yang pernah berkahwin dengan nikah yang sah dan terpelihara daripada zina.

Paling minimum, jika dia tidak mampu mencegah daripada menyertai perkara maksiat itu dengan perkataan atau perbuatan, maka dengan hatinya. Oleh kerana itu adalah haram apa jua bentuk kerjasama dalam hal-hal dosa dan permusuhan, termasuk sokongan moral terhadap maksiat itu.

Firman Allah ﷻ yang bermaksud:

> *Hendaklah kamu bantu-membantu untuk membuat kebajikan dan bertakwa, janganlah kamu bantu-membantu pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan (melampaui batas-batas ajaran Allah); dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah maha berat azab-Nya.* (Al-Ma'idah 5: 2)

Walau bagaimanapun, semasa tiada bank Islam adalah sukar bagi orang-orang Islam untuk mendapatkan kemudahan pinjaman besar-besaran tanpa faedah daripada pihak yang tidak mengamalkan riba. Kerana itu ada rukhsah (kelonggaran) kepada mereka untuk mendapat pinjaman dari bank-bank biasa yang mengamalkan sistem riba dalam keadaan-keadaan tertentu itu. Apabila bank Islam ditubuhkan dalam negara Islam, maka terdapatlah kemudahan kepada mereka untuk tidak lagi melakukan pinjaman berdasarkan sistem riba itu. Ketika ini semua orang Islam bertanggungjawab untuk berlanggan dengan bank Islam supaya mereka terlepas daripada belenggu riba dan supaya dapat mengukuhkan kedudukan bank Islam yang ditubuhkan bagi faedah dan kepentingan masyarakat Islam, bahkan masyarakat seluruhnya.

Berikut adalah satu soalan terakhir untuk renungan: Bolehkah masjid menerima sumbangan peralatan dari bank konvensional?

Jawapan: Bank-bank konvensional pada lazimnya tidak sunyi daripada bermuamalah secara riba, terutamanya dalam soal pinjam-meminjam. Riba itu haram dalam Islam berdasarkan al-Quran dan hadis. Namun demikian bank konvensional juga bermuamalah dengan perkara-perkara yang dibenarkan oleh syarak seperti mengendalikan tukaran wang asing, perkhidmatan pengiriman wang, upah menyimpan harta benda dan lain-lain seumpamanya.

APAKAH MAKNA WARAK?

Menurut daripada Mu'jam Lughah Al-Fuqaha', yang ertinya:
"Menjauhi segala syubhah[15] kerana takut terjatuh dalam haram".

Makna yang lain:
"Melazimkan membuat pekerjaan-pekerjaan yang terpuji dan meninggalkan pekerjaan-pekerjaan yang buruk dan keji". ”

15 Kesamaran (kerana tidak jelas hukumnya antara halal dan haram).

BAB 11

Amanah Saham Bumiputra (ASB) – Satu Perbincangan Ilmiah

JAWATANKUASA FATWA (JKF) Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia yang bermuzakarah bagi kali ke-80 bermula pada 1 hingga 3 Februari 2008 telah memutuskan bahawa hukum melabur dalam Skim Amanah Saham Nasional (ASN) dan Skim Amanah Saham Bumiputra (ASB) serta dividen atau bonus yang diterima adalah harus. Inilah keputusan terakhir dan terkini yang diketahui. ASB telah disahkan sebagai halal dan wang pendapatan daripadanya adalah halal. Oleh itu, umat Islam boleh menyertai skim pelaburan ini dan tidak perlu ragu-ragu terhadap status pelaburan yang telah dibuat serta dividen atau bonus yang telah diterima.

Adakah anda bersetuju dan berpuas hati dengan fatwa ini? Mari kita perhatikan sedikit isu-isu berkaitan dengannya.

ISU PERCAMPURAN SUMBER

Persoalan berkaitan dengan status halal ASB ialah masalah percampuran antara sumber, iaitu antara pendapatan yang halal dan yang haram di dalamnya. Menurut seorang pakar kewangan Islam, jumlah sumber dan pendapatan yang terlibat dengan permasalahan ini ialah sebanyak 30 peratus yang dilaburkan dalam sektor kewangan (perbankan). Sementara 70 peratus bakinya tidak terlibat, kerana dilaburkan dalam sektor yang tidak berkait dengan unsur haram, misalnya dalam sektor perladangan dan sebagainya. Dikatakan 75 peratus saham satu perbankan konvensional dimiliki PNB.

Menurut pakar itu, berasaskan kepada analisis pelaburan PNB dalam perbankan itu, ternyata memang terdapat percampuran dari segi sumbangan modal oleh PNB dengan pemegang saham yang lain dalam perniagaan perbankan itu. Akibat daripada percampuran ini, adalah sukar untuk ditentukan nilai ringgit (RM) dan peratus (%) pulangan dividen yang dibayar oleh perbankan itu kepada PNB mengikut pecahan perbankan konvensional dan perbankan Islam. Ini kerana berasaskan realiti amalan pengurusan perniagaan dan perakaunan, semua sumber modal akan disatukan ke dalam satu kumpulan wang, tanpa mengira ia datang dari mana, atau melalui saluran mana. Selain itu, jumlah modal daripada pihak pelabur tidak dapat disalurkan secara khusus kepada sektor perbankan Islam. Kerana ia hanyalah sebuah unit atau jabatan dalam struktur organisasi perbankan itu, dan bukannya sebuah entiti perniagaan yang berasingan dari bank tersebut. Meskipun kaunter Sektor Perbankan Islam (SPI) di perbankan itu mempunyai penyata akaun yang berasingan daripada sektor

perbankan konvensional, dari segi modal dan keuntungan ia adalah berpunca, dan juga akan disalurkan kepada satu kumpulan wang yang sama.

Malah, kalau sekiranya faktor kewujudan Sektor Perbankan Islam (SPI) sebagai salah satu unit dalam kumpulan perbankan itu sendiri diambil kira, kedudukannya dari segi mempengaruhi hukum halal kepada pendapatan PNB tidaklah juga menggalakkan. Ini memandangkan sumbangan keuntungan kaunter SPI ini kepada perbankan itu secara relatifnya adalah kecil, iaitu hanya sekitar enam peratus sahaja berbanding 94 peratus jumlah pulangan yang diperolehi daripada perniagaan perbankan konvensional. Dengan ini ternyata bahawa pendapatan utama perbankan itu diperolehi daripada hasil pulangan yang berunsurkan riba. Kadar 94 peratus tersebut jelas melebihi tanda aras lima peratus yang dibenarkan oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti dalam menentukan sama ada sesuatu dana saham itu patuh syariah atau sebaliknya.

Hujah dan Pandangan

Persoalan tentang percampuran antara sumber dan pendapatan yang halal dan yang haram ini telah lama dibincangkan. Aktiviti-aktiviti haram dalam sesuatu perniagaan itu adalah haram hukumnya, sama ada dilakukan oleh orang Islam sendiri atau oleh orang bukan Islam. Maka persoalan yang timbul ialah, sejauh mana aktiviti haram boleh mempengaruhi dan memberi kesan kepada transaksi pelaburan Skim ASB dan ASN.

Dikatakan bahawa perbincangan bagi menjawab persoalan ini memerlukan penelitian terhadap saiz kepentingan atau maslahat yang mahu dicapai. Makin besar kepentingan

makin remeh kedudukan aktiviti yang asalnya haram itu. Tidak kisahlah apa pun. Yang penting, apakah hujah kepada harus dan halal? Setakat ini tidak diketahui apakah hujah dalam keputusan fatwa kebangsaan ini. Namun dipercayai antara sebab keharusannya adalah ditekankan kepada kepentingan maslahat umat Islam.

Berdasarkan maklumat pertama daripada seorang bekas mufti (Johor) yang menganggotai JKF itu bahawa antara sebab kepada maslahat itu ialah kerana dana wang simpanan orang Islam pada ASB terlalu besar jumlahnya dan jika perlu dikeluarkan dan diletakkan ke tempat yang dijamin halal, pasti tidak tertampung dan ini akan memberi kesan buruk.

Isu Riba Dalam ASB

Tidak diketahui secara jelas berapa peratus penglibatan ASB dalam isu riba. Suatu perkara yang pasti ialah sebahagian dana ASB dilaburkan kepada bank konvensional terbesar di Malaysia. Riba sebagaimana yang telah diketahui adalah diharamkan secara total dan sepenuhnya, sama ada banyak mahupun sedikit.

ALASAN-ALASAN YANG MENGHARUSKAN DAN MENGHALALKAN ASB

1. **Alasan maslahat** iaitu adanya sebab yang memerlukan, keterpaksaan, kepentingan yang besar atau sebagainya.
    - Penglibatan umat Islam dengan ASB yang ditaja oleh kerajaan bagi membiak, mengembang dan meningkatkan ekonomi orang Islam di negara

ini yang bermuamalah atas jalan *'qirad'*. Apabila didapati pelaburannya kepada yang halal lebih banyak daripada yang haram maka hukumnya adalah harus. Kedudukan ekonomi anak bumi khasnya umat Islam di negara ini dalam keadaan tenat dan sampai ke tahap darurat. Darurat yang dimaksudkan itu dilihat dari aspek ekonomi umat secara berkelompok dan bukannya dari sudut individu.

Seorang pakar kewangan Islam di Malaysia ada mengulas isu *Daruriyah*. Mengikut teori *Maqasid asy-Syariah*, iaitu objektif hukum Islam, *daruriyah* bermaksud kepentingan hidup yang menyentuh soal *survival* atau hidup mati sesuatu masyarakat itu. Selain daripada agama, nyawa, akal dan maruah/keturunan, harta juga dikatakan termasuk dalam perkara yang *daruriyah* dan perlu diberi pandangan yang istimewa dalam menentukan hukum. Kedudukan harta itu sendiri dikatakan sebagai asas hidup yang menentukan *survival* ummah.

Oleh itu, 30 peratus yang dilaburkan dalam sektor kewangan yang mengamalkan sistem riba itu dilakukan demi *survival* ummah dalam sektor kewangan dan perbankan. Ulasan diberikan bahawa dalam memperkembangkan konsep ini dalam konteks realiti umat Islam di Malaysia sekarang, perbincangan kadang-kadang melibatkan soal keadaan ekonomi umat Islam yang sangat gawat di negara ini. Kegawatan ini, oleh sesetengah pihak telah meletakkan umat Islam pada kedudukan darurat, iaitu terpaksa melakukan sesuatu yang haram demi keselamatan diri. Dengan lain perkataan, tanpa melaburkan 30 peratus berkenaan di dalam perbankan riba dengan objektif tertentu, seperti mana telah disebut sebelum ini, umat Islam di negara ini mungkin dihimpit

oleh cengkaman sistem kewangan konvensional sampai ke peringkat yang sangat mengancam kehidupan mereka.

2. *Al-Hajah* (Keperluan)

Terdapat keperluan yang nyata di kalangan umat Islam sekarang untuk terlibat dalam urusniaga yang tidak seratus peratus patuh syariah seperti ASB ini demi kebaikan ummah. Mengikut prinsip *Maqasid al-Syariah*, 'keperluan' atau *al-Hajah* ini mempunyai takat atau standard yang rendah. Ia tidak menyentuh soal *survival* (kelangsungan hidup), tetapi sekadar kemudahan secara umum. Dalam erti kata lain, ia dilakukan bagi memenuhi keperluan pembangunan ekonomi ummah agar kedudukannya lebih terjamin dan selesa.

Mengikut para ulama, walaupun *al-Hajah* itu kategorinya lebih rendah daripada *al-darurat*, dalam sesetengah keadaan, ia boleh berfungsi pada tahap yang sama. Kata para ulama *Qawa'id Fiqhiyah*, **'hajah boleh berfungsi sebagai darurat'**. Maksudnya dalam mempengaruhi hukum tentang sesuatu. Lebih memperkukuhkan lagi pandangan berkenaan ialah *hajah 'ammah*, iaitu keperluan umum. Ia perlu diberi keutamaan berbanding keperluan khusus, misalnya untuk individu atau kumpulan tertentu sahaja.

Maksudnya, pelaburan seperti itu dianggap keperluan umat Islam umumnya untuk mengatasi kelemahan ekonomi mereka yang sangat tertekan dan mendesak. Dengan kata lain, walaupun keadaan ekonomi dan kewangan masyarakat Islam di negara ini bukan berada pada tahap sangat gawat yang mengancam

survival secara segera, ia merupakan keperluan yang nyata demi *survival* ummah dalam jangka panjang. Berasaskan kepada kedudukan ini, ia tidak boleh dilihat dari perspektif perhukuman biasa, yang semata-mata berpandukan kepada usul fiqh. Sebaliknya ia juga perlu dilihat dari prespektif *siasah syar'iyyah*, atau polisi semasa yang membuka banyak ruang berasaskan kepada keperluan melaksanakan dasar dan polisi pemerintahan yang adil dan saksama.

ALASAN-ALASAN YANG MENGINGKARI KEHARUSAN ASB DAN KEHALALANNYA

Bagi yang tidak bersetuju dengan hujah dan pandangan di atas, mereka berpendapat bahawa sekalipun harta merupakan *daruriyah* dan perlu diberi kedudukan istimewa dalam menentukan hukum, sejauh mana takat keistimewaan itu sendiri? Apakah ia boleh melampaui batas-batas halal dan haram? Ramai beranggapan situasi darurat seperti itu tidak wujud di negara ini. Masih ada banyak pintu rezeki yang jelas halalnya, dan masyarakat Islam tidak akan musnah walaupun tidak terlibat dalam aktiviti seperti itu.

Menurut seorang ilmuwan kewangan Islam yang tidak terlibat dengan majlis JKF tersebut, orang ramai adalah harus menyertai ASB disebabkan majlis fatwa kebangsaan telah mengesahkan kehalalannya dan menanggung apa jua urusan berkaitannya di dunia dan akhirat. Ini adalah satu perkara biasa yang ditanggung oleh para ulama, sama juga seperti Majlis Penasihat Syariah yang ada di institusi kewangan Islam. Mungkinkah pernyataannya ini seperti kurang bersetuju dengan penemuan fatwa itu?

Ilmuwan itu turut menyatakan bahawa hujah maslahat amat boleh diperdebat dan dipertikai kerana kita sendiri berkuasa mengubah sistemnya, jika kita mahukannya. Daripada bergantung kepada maslahat yang mungkin daripada kategori maslahat yang tertolak (*mulghah*) kenapa tidak diubah sistem dan isinya kepada cara pelaburan Islam. Betulkan cara akadnya, kedudukan penjamin ketiga, cara pembahagian untung, nisbah pelaburan di tempat haram dan lain-lain. Apabila nilai peratusan tertentu, misalnya 30 peratus, berada dalam pelaburan yang jelas haram seperti riba, maka sudah tentu ada kesannya pada keuntungan dividen atau bonus pelabur. Maksud sebuah hadis: *"Sesungguhnya Allah apabila telah mengharamkan sesuatu maka akan haram jugalah harga jualan (keuntungan yang terhasil daripada yang haram)."*

Ia juga sesuatu yang bertentangan dengan maslahat utama dalam menghapuskan industri riba apabila nilai peratusan itu (katakan 30%) menyokong industri riba dan mengukuhkannya. Kaedah Fiqh menyebut, ertinya: "*Sesungguhnya menolak keburukan itu lebih patut didahulukan daripada tujuan untuk mendatangkan kebaikan.*"

Kita telah melihat penjelasan hujah yang mengharuskan dan penjelasan hujah yang tidak bersetuju dengan keharusan itu. Namun dalam pada itu, timbul kemusykilan-kemusykilan lain:

1. Benarkah tidak mencukupi kaunter halal atau syarikat pelaburan yang halal untuk dilabur oleh dana ASB di dalam atau di luar negara atau syarikat halal itu tidak mempunyai trek rekod keuntungan yang baik?

2. Apakah pengecualian dan kelonggaran dalam bentuk maslahat itu benar-benar wajar dan menepati syarat-

syaratnya? Apakah benar ASB diperlukan untuk maslahat umat Islam di Malaysia? Apakah benar-benar tiada alternatif lain? Adakah benar terlalu sukar untuk membuang unsur riba dan haram daripada ASB?

3. Adakah terpakai alasan maslahat bagi individu pula? Adakah wujud seseorang itu memerlukan ASB atas alasan hajat/*hajiyyat*? Adakah ia suatu maslahat bagi seseorang individu Islam di Malaysia untuk melabur ASB sedangkan dia mempunyai banyak pilihan kaunter pelaburan halal? Adalah diketahui bahawa **terdapat mereka yang telah membebaskan diri daripada ASB ini**. Jadi, bagaimana pula ia menjadi suatu keperluan atau maslahat kepada seseorang yang lain?

4. Dalam pada itu, tindakan mendapatkan pinjaman (riba) dari bank konvensional untuk tujuan pelaburan ASB adalah **masih disepakati sebagai haram** oleh Majlis JKF Kebangsaan dan semua mufti Malaysia.

Tidak diketahui berapa ramai orang Islam yang mendapatkan pinjaman konvensional untuk pelaburan ASB dan berapa jumlah wang yang terlibat, tetapi ia adalah suatu situasi yang benar-benar wujud. Seseorang kakitangan Muslim yang pernah dikenali mesra daripada sebuah perbankan (konvensional) di Malaysia begitu aktif mempromosikan skim pinjaman bagi tujuan pelaburan ASB. Antara katanya yang diingati, "Inilah pelaburan terbaik dan paling selamat untuk menolong orang Melayu. Tetapi orang Melayu tiada banyak duit. Mereka perlu dibantu dengan pinjaman ASB. Wang dividen ASB boleh menampung bayaran bulanan pinjaman itu."

1) Walaupun ASB dihukumkan harus dan halal kerana antaranya atas dasar maslahat atau sebab lain walaupun mengandungi elemen riba, adakah ia merujuk hanya

kepada wang pelaburan yang telah sedia ada? Bagaimana pula kedudukan dan keinginan pelabur baru untuk melabur dan pelabur sedia ada yang ingin menambah pelaburan?

2) Teori-teori berasaskan maslahat, hajat, darurat atau apa jua istilah yang lain kelihatan berfungsi untuk memberi pengecualian atau kelonggaran pada suatu hukum am (haram). Teori-teori atau sebahagian teori-teori ini boleh dikatakan ada didasarkan dari al-Quran dan as-Sunnah. Namun dari sudut *daruriyah*, adakah dan setakat manakah pemakaian teori-teori ini patut dibenarkan dalam soal perlindungan harta (apabila bercampuran halal dah haram) dan haramnya adalah bersebabkan riba, suatu dosa yang besar di sisi Allah? Hujahan-hujahan dalam membezakan definisi dan perbezaan kekuatan pemakaian teori-teori di atas adalah menarik pada diskusi akademi, namun pada realiti dan hakikatnya, serupa sahaja.

Ia juga sesuatu yang bertentangan dengan maslahat utama dalam menghapuskan industri riba apabila nilai peratusan itu (katakan 30%) menyokong industri riba dan mengukuhkannya.

3) Teori-teori itu kelihatannya saling sokong-menyokong dengan tujuan membenarkan, bahkan meluaskan ruang untuk membenarkan apa yang pada asalnya dilarang.

4) Seseorang mukalaf[16] dihukum oleh Allah ﷻ ber-dasarkan pilihannya sendiri atas perbuatannya sama

16 Orang yang telah cukup umur yang wajib melaksanakan perintah Allah.

ada baik atau jahat, tidak kiralah teori apa yang diguna pakai. Jika pada Allah ia tidak betul, dia sendiri juga yang akan menanggung bagi pihak dirinya.

Sebenarnya banyak kemusykilan timbul daripada fatwa menghukumkan harus tapi tidak diperjelaskan atau (jika ada) tidak pula didedahkan penjelasannya. Mari kita lihat semula fatwanya.

(i) **Hukum melabur** dalam Skim ASB serta **dividen atau bonus yang diterima adalah harus**.

(ii) Umat Islam **boleh menyertai skim pelaburan ini** dan **tidak perlu berasa ragu-ragu** terhadap status pelaburan yang telah dibuat serta dividen atau bonus yang telah diterima.

Ini bermakna bahawa sesiapa sahaja umat Islam tidak kira kaya atau miskin, memerlukan atau tidak memerlukan, boleh melabur dalam skim ASB. Tidak terhad kepada pelabur sedia ada atau pelabur baru. Sesiapa sahaja boleh melabur dan menambah pelaburan. Seisi keluarga boleh menyertainya. Adakah begini maksudnya? Jika begitulah maksudnya, ia seperti melampaui tujuan dan objektif penggunaan alasan-alasan yang membenarkannya, iaitu darurat dan sebagainya.

Kesan atau implikasi daripada hukum halal dan harus ini adalah, pemasaran ASB akan menjadi lebih rancak dan bersemangat kerana tiada lagi halangan syarak, usaha untuk memikat pelabur-pelabur baru (umat Islam) pasti akan dipertingkat dan digiatkan lagi. **Seolah-olah, natijahnya adalah lesen halal atas alasan darurat digunakan untuk mengembang biak aktiviti dan transaksi riba.**

Kekeliruan yang timbul

1) Apakah kaitan dan kepentingan maslahat kepada ekonomi Islam atau ekonomi umat Islam, sekiranya seseorang yang stabil ekonomi peribadinya dan dulu meragui kehalalan ASB, kini meyakini kehalalannya dan merancang untuk menyertai skim pelaburan ASB?

   Adakah kebenaran fatwa itu menambahkan (memburukkan) atau mengurangkan situasi darurat kepada ekonomi umat Islam? Adakah ia juga akan menyebabkan pertambahan bilangan umat Islam yang berhajat secara kelompok sedangkan dia tidak berhajat pada agama untuk melindungi harta atau kerana kemiskinan?

2) Bagaimanakah kedudukan seseorang yang stabil kewangan peribadi, tetapi mahu menyertai skim ASB sekadar hendak mendapat untung dan dividen yang baik sedangkan tiada hajat pada agama (untuk melepaskan kesukaran atau memenuhi keperluan)?

3) Fatwa ini kelihatannya memberi kebebasan mutlak kepada semua umat Islam menyertai skim pelaburan ASB, sedangkan semasa kita mencari alasan-alasan syarak untuk mengharuskannya, kita menemui istilah-istilah pengecualian (maslahat, darurat, *hajiyyat*) ini. Bukankah istilah-istilah pengecualian ini mempunyai syarat dan had-had batasannya? Tetapi apabila kita membenarkan, kita tidak pula menyangkutkan kepada apa-apa syarat dan had batasan yang merupakan sebahagian daripada intipati istilah-istilah (teori-teori) pengecualian itu.

4) Adakah pinjaman riba dibenarkan untuk menyertai skim ini memandangkan skim ini memang ada sebahagian

wangnya berunsur riba? Adakah pembiayaan mana-mana bank Islam dibenarkan untuk membeli sijil aset pelaburan skim ini memandangkan ia kini telah halal? Sudikah kini BIMB dan Bank Muamalat menyertainya atau menyediakan pembiayaan untuknya? Bagaimana kedudukannya pada pihak Suruhanjaya Sekuriti, adakah diiktiraf sebagai lulus syariah? (Rasanya tidak, tetapi tidak tahulah sekarang).

Mungkin sepatutnya fatwa yang mengharuskan dan menghalalkan ASB itu meletakkan beberapa syarat seperti berikut:

1) Selagi mana terdapat riba, **pelaburan ini terhad hanya kepada pelaburan yang sedia ada**, tidak boleh ditambah wang pelaburan.

2) Individu Islam **tidak boleh melabur sebagai pelabur baru, melainkan individu itu yakin dia memang berhajat untuk memenuhi keperluan dirinya**. Ini pun pelik, sebab sekiranya seseorang itu mempunyai RM1,000 atau RM10,000 dalam pelaburan ASBnya, bagaimana pula dia dianggap terpaksa untuk memenuhi hajat atau keperluan bagi menambah pelaburannya demi untuk mendapat lebih sedikit pulangan dividen sedangkan dalam masa yang sama ada skim pelaburan atau simpanan halal seperti Tabung Haji dan lain-lain?

ISU PEMAHAMAN KEDUDUKAN HUKUM SESUATU FATWA

Susulan kekeliruan di atas, maka mungkin fikiran kita akan tertanya-tanya perkara yang lain. Orang awam sering mengalami kekeliruan terhadap beberapa perkara apabila

melihat kepada sesuatu keputusan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa agama seperti mufti, apatah lagi apabila terdapat pula perbezaan pandangan antara beberapa orang mufti, sarjana syariah atau ilmuwan kewangan Islam. Antara persoalan yang mungkin timbul dalam fikiran masyarakat awam ialah:

1) Apakah sebenarnya kedudukan dan kepentingan sesuatu JKF pada hukum syarak yakni di sisi Allah? Maksudnya dari sudut kesan hukum dan pandangan yang dibuat?

2) Sekiranya JKF itu diterima sebagai badan autoriti yang sah yang dilantik bagi sesebuah negara, apakah perbezaan dari sudut kekuatan dan keterpakaian pandangan mereka berbanding pandangan sarjana bebas pada hukum syarak yakni di sisi Allah?

3) Sekiranya ASB diputuskan oleh JKF sebagai halal dan wang daripadanya boleh digunakan untuk zakat, adakah ia juga halal dan sah di sisi Allah?

4) Sekiranya ia tidak diketahui sama ada dikira sah dan halal di sisi Allah, bermakna ia mungkin tidak halal dan tidak sah?

5) Sekiranya di sisi Allah ia sebenarnya tidak sah dan tidak halal, bagaimana pula? Maka apa kesudahan bagi mufti dan orang awam yang percaya dan bergantung kepada fatwa mufti negara? Adakah orang awam itu dikira kembali berdosa?

6) Adakah kiranya apabila mufti khilaf[17] dalam ijtihad[18],

17 Salah (kerana kecuaian, kurang pengalaman, dll.), keliru, silap.

18 Usaha untuk mendapatkan sesuatu kesimpulan baharu melalui kajian atau penyelidikan berdasarkan sumber dan kaedah yang sah (dalam kaitannya dengan agama Islam).

beliau masih tidak berdosa dan dianggap masih mendapat pahala sekurang-kurangnya? Demikian itu juga, maka adakah orang awam yang bergantung dengannya dikira tidak berdosa? Dalam erti kata lain, sekiranya mufti itu benar-benar ikhlas dalam memberi fatwa tetapi dikira tersilap di sisi Allah.

7) Jika seseorang yang diberi kuasa membuat fatwa telah mengemukakan fatwa dengan mengikut kepentingan diri atau pihak ketiga, maka dengan itu dia dikira berdosa di sisi Allah. Maka, adakah orang awam yang jujur ikhlas bergantung padanya juga dikira berdosa?

8) Sekiranya hukum dosa itu dikira/kembali semula, maka begitu jugakah kembalinya kesan (dosa) makan harta haram atau kesan riba (yang berada dalam perutnya, perut anak-anaknya)? Kesan kedudukan haji dan umrahnya? Zakat dan sedekahnya?

9) Terdapat juga situasi di mana fatwa atau pandangan hukum dikeluarkan oleh mufti atau ahli agama, di mana dalam memberi jawapan dan fatwa, mereka menyatakan akan adanya dua pilihan iaitu (1) pilihan darurat (2) pilihan ketakwaan.

Jika seseorang Muslim itu hendak (lebih) menjaga ketakwaan dan berjaga-jaga (untuk lebih selamat) maka mereka disarankan supaya jangan melibatkan diri walaupun ada kelonggaran seperti darurat, maslahat dan sebagainya. Ini dikatakan untuk mengelakkan daripada mengambil risiko terlibat atau termakan sesuatu yang haram atau syubhah.

Apa maksudnya di sisi Allah? Kalau difahami, adakah maknanya memilih pilihan yang bersandarkan alasan darurat atau maslahat merupakan pilihan berisiko di sisi Allah?

Sebenarnya suatu pandangan atau fatwa yang dikeluarkan mestilah ada kekuatan alasan dan hujahnya. Fatwa itu juga mestilah bukan sekadar dijelaskan dengan alasan dan sebab-sebabnya bahkan wajar disediakan jawapan-jawapan yang konkrit bagi persoalan-persoalan yang dijangka akan ditimbulkan. Menyediakan jawapan-jawapan yang baik kepada soalan-soalan jangkaan yang timbul atas suatu fatwa atau pandangan agama yang dikeluarkan khususnya fatwa-fatwa 'panas' dan kontroversi adalah suatu kerja tidak mudah dan mungkin bersifat fiqh andaian (yang tidak digemari oleh Imam Malik dan Imam Ahmad bin Hambal tapi diterima di sisi Imam Abu Hanifah). Tetapi pada era kontemporari dengan letusan maklumat tidak bersempadan, ia amat mustahak untuk memberi kefahaman yang baik kepada masyarakat awam yang kini sudah terlalu terdedah kepada pelbagai maklumat, bersifat suka bertanya dan mahu melihat hujah dan autoriti di sebalik keputusan atau fatwa itu.

Salah satu tujuan isu ASB dikemukakan dan dibicarakan di sini ialah untuk kita melihat bagaimana suatu produk atau transaksi yang pada asalnya bersifat haram atau mengandungi elemen haram dan kadangkala haramnya sesuatu itu kerana mengandungi riba yang dosanya sangat besar, namun masih diharuskan atau dihalalkan kerana diberi pengecualian dan kelonggaran (daripada hukum asal iaitu dosa dan haram) atas wujudnya alasan dan sebab maslahat, darurat, *hajiyyat* dan/atau sebagainya. Persoalan seterusnya yang lebih penting ialah setakat mana alasan-alasan kepada pengecualian itu akan diguna pakai? Setakat mana keluasan tafsirannya? Kita telah saksikan!

BAB 12

Memahami Pemikiran Bijaksana Dr. Yusuf Al-Qaradawi

DR. YUSUF AL-QARADAWI dilahirkan di Mesir. Beliau telah menghafaz al-Quran semasa berumur sembilan tahun. Al-Qaradawi adalah pengikut Hasan al-Banna semasa mudanya dan pernah dipenjarakan atas perjuangannya. Beliau adalah tokoh ulama terkini dan merupakan Presiden Kesatuan Ulama Eropah.

KEBERANIAN MENYUARAKAN KEBENARAN

Pernah dalam satu khutbahnya yang disiarkan oleh TV *Al-Jazeera* pada 9 Januari 2009, al-Qaradawi telah menyatakan (diterjemah ke dalam bahasa Inggeris):

"Oh Allah, take your enemies, the enemies of Islam. Oh Allah, take the Jews, the treacherous aggressors. Oh Allah, take this profligate, cunning, arrogant band of people. Oh Allah, they have spread much tyranny and corruption in the land. Pour Your wrath upon them, oh our God. Lie in wait for them. Oh Allah, You annihilated the people of Thamoud at the hand of a tyrant, and You annihilated

the people of 'Aad with a fierce, icy gale. Oh Allah, You annihilated the people Thamoud at the hand of a tyrant, You annihilated the people of 'Aad with a fierce, icy gale, and You destroyed the pharaoh and his soldiers — oh Allah, take this oppressive, tyrannical band of people. Oh Allah, take this oppressive, Jewish, Zionist band of people. Oh Allah, do not spare a single one of them. ***Oh Allah, count their numbers, and kill them, down to the very last one.****"*

MANHAJ[19] PEMIKIRAN DR. YUSUF AL-QARADAWI

Antara ungkapan al-Qaradawi yang menggambarkan personaliti beliau ialah:

1) *"Tidak ada konflik pada pandangan kami antara wahyu dan akal atau antara syariah dan hikmah atau antara agama dan ilmu kerana agama di sisi kami adalah ilmu dan ilmu itu adalah agama."*

2) *"Ijtihad pada hari ini adalah satu kemestian yang dituntut oleh realiti semasa dengan syarat ijtihad itu berlaku daripada ahlinya dan tempatnya yang sesuai."*

3) *"Metodologi yang dipegangnya ialah berdiri di atas mudah dalam fatwa, menggembirakan dalam dakwah, berpegang kuat dalam perkara asas (usul), mudah dalam perkara cabang (furuk[20]), tetap dalam tujuan dan matlamat, berubah-ubah dalam wasilah, prinsip mengikut dalam agama dan prinsip inovasi dalam keduniaan."*

---

19 Kaedah, cara.

20 Persoalan cabang dalam kewajiban agama.

Ringkasan manhaj yang beliau ikuti dalam memberikan fatwa terdiri di atas beberapa kaedah, antara yang terpentingnya:

1) Tanpa *Ta'assub* dan Taklid

Bebas daripada *ta'assub*[21] mazhab dan taklid buta. Pernah dikatakan: *"Tidak akan bertaklid kecuali orang yang perengus (cepat marah) atau orang yang bodoh. Saya tidak rela diri saya bersifat dengan satu daripada kedua-dua sifat tersebut".*

Memberikan hak penghormatan yang penuh kepada para imam dan fuqaha. Tidak bertaklid kepada mereka tidak bererti merendahkan martabat mereka, bahkan kita mengikut manhaj mereka dan melaksanakan wasiat-wasiat mereka supaya jangan bertaklid kepada mereka dan tidak bertaklid kepada orang lain dan kita mengambil (hukum) daripada sumber yang sama dengan mereka.

Pendirian ini tidaklah memastikan seorang ulama Muslim yang bebas bersendirian (tidak terikat dengan mana-mana mazhab), bahawa dia mesti mencapai ijtihad yang mutlak seumpama para imam yang terdahulu, sekalipun hal ini tidak tertegah dari segi syarak dan juga kemampuan. Tetapi cukuplah bagi seorang alim yang bebas bersendirian dalam pendirian ini supaya dia tidak berpegang kepada sesuatu pandangan dalam suatu kes tanpa mempunyai dalil yang kuat yang selamat daripada pembangkang yang muktabar. Janganlah dia menjadi seumpama

21 Perlakuan atau perihal seseorang yang tidak menghiraukan pandangan orang lain dan menganggap pegangannya sahaja yang benar.

setengah orang yang menyokong pandangan tertentu disebabkan ia adalah pandangan tuan syeikh tersebut, atau mazhab syeikh tersebut tanpa memandang kepada dalil atau hujah.

2) Pertengahan dan Kesederhanaan

Pertengahan dan kesederhanaan adalah satu sikap yang tidak mengambil ringan dan tidak juga melampaui batas dalam membuat sesuatu. Pertengahan dan kesederhanaan bukan bermakna melakukan sesuatu yang kurang daripada Islam tetapi melakukan sesuatu yang paling minimum dalam tuntutan Islam selama mana ia tidak berdosa.

3) Fatwa yang Memudahkan

Beliau sangat menyakini dasar kemudahan dalam perundangan Islam kerana dua alasan utama. Pertama, syariah terbina di atas dasar memberikan kemudahan dan menghilangkan kesulitan dan kesemua ini dinyatakan sendiri oleh al-Quran dan sunnah. Kedua, hakikat kehidupan semasa yang sedang dilalui oleh umat Islam dengan aspek kebendaan telah menguasai segala kehidupan dan jiwa sentiasa cenderung kepada kejahatan lebih daripada kebaikan sehingga menjadikan seseorang yang ingin beriltizam dengan agamanya seolah-olah menggenggam bara api. Namun, dalam konteks ini kita perlu jelas apakah skop dan prinsip kemudahan yang diperjuangkan oleh al-Qaradawi. Prinsip ini mestilah didasarkan kepada perkara-perkara berikut iaitu:

1. Mengambil kira aspek rukhsah (kelonggaran hukum);
2. Mengambil kira darurat dan keadaan yang menekan;
3. Membuat pilihan kepada apa yang lebih mudah dan bukan yang lebih takwa selama mana bukan suatu dosa;
4. Tidak membuka ruang kepada isu wajib dan haram; dan
5. Bebas daripada kecenderungan bermazhab yang melampaui.

Pendekatan yang sama diberikan kepada isu bekerja di institusi kewangan konvensional dengan al-Qaradawi telah memberikan fatwa keharusan seseorang itu bekerja di institusi tersebut dengan beberapa syarat tertentu supaya dapat membuat pertimbangan yang tepat antara maslahat dan mafsadah.[22]

Secara umumnya, metodologi pemikiran al-Qaradawi dalam istinbat[23] hukum adalah berbentuk pro *maqasid*[24] tetapi dimantapkan dengan kefahaman kepada realiti semasa, iaitu tetap pada tujuan tetapi fleksibel pada caranya. Pendekatan ini adalah satu pendekatan yang sesuai dan relevan khususnya dalam kes-kes yang berbentuk '*umum al-balwa*' (satu keadaan yang sukar dielakkan).

22 Kerosakan, kebinasaan, kehancuran.

23 Amalan mengeluarkan hukum atau keputusan berdasarkan al-Quran atau hadis tertentu.

24 Objektif.

Muzakarah Fatwa Kebangsaan pada tahun 1972 misalnya telah mengharamkan insurans nyawa secara konvensional tetapi telah membenarkan insurans konvensional untuk perlindungan kereta. Fatwa ini mungkin disebabkan keadaan darurat dan juga *'umum al-balwa* pada waktu tersebut. Namun, dalam konteks zaman sekarang, fatwa tersebut perlulah disemak semula kerana sudah terdapat produk takaful am untuk perlindungan kereta.

Pengajaran

Manhaj pemikiran tokoh ini boleh menjadi rujukan dan panduan bagi kita dalam membuat pertimbangan dan keputusan-keputusan dalam kehidupan kita. Namun ingat! Dalam suasana perbankan Islam yang kini banyak di pasaran, **suatu fakta yang diyakini adalah Dr. Qaradawi pasti tidak akan sekali-kali membenarkan orang-orang Islam melanggan produk-produk riba.**

Beberapa petikan ayat al-Quran untuk renungan

- Maksud firman Allah ﷻ:

  Allah meninggikan darjat orang yang beriman di kalangan kamu dan orang yang diberi ilmu pengetahuan (di kalangan kamu) beberapa darjat. (Ingatlah) Allah Maha Mendalam Pengetahuan-Nya tentang apa yang kamu lakukan. (Al-Mujadilah 58: 11)

- Maksud firman Allah ﷻ:

  Katakanlah: "Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui?" (Az-Zumar 39: 9)

- Maksud firman Allah ﷻ:

  ... Sesungguhnya yang takut kepada Allah di kalangan hamba-hamba-Nya, hanyalah orang berilmu. (Al-Fatir 35: 28)

- Maksud firman Allah ﷻ: surah An-Nisa' [4: 59]:

  Wahai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasulullah dan kepada "Ulil-amri" (orang yang berkuasa) daripada kalangan kamu. Kemudian jika kamu berselisih pendapat dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (al-Quran) dan (sunnah) Rasul-Nya - jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu) dan lebih baik pula akibatnya. (An-Nisa' 4: 59)

BAB 13

Kuasa Menghukum Suatu Produk Kewangan Sebagai Riba *(Suatu Analisis Ringan)*

HUKUM MUAMALAT DAN PROSEDUR PEMBUKTIAN RIBA

KITA semua telah difahamkan bahawa dalam bidang muamalat, hukum sesuatu transaksi atau produk, atau sesuatu urusniaga perniagaan atau jual beli adalah harus sehingga ia dibuktikan haram, kecuali dalam perkara-perkara yang telah dinaskan haram seperti arak, babi, judi, tenung nasib dan seumpamanya.

Sesuatu produk kewangan atau suatu transaksi perniagaan yang diperkenalkan di pasaran lazimnya dan pada dasarnya dianggap sah dan diterima. Sekiranya timbul apa-apa isu yang meragukan pastinya ia tertakluk kepada kajian dan kelulusan.

Produk ini akan dikaji oleh mereka yang ahli dan berkelayakan dan kemudiannya mereka akan membuat keputusan sama ada produk itu selamat daripada riba, *gharar* atau lain-lain yang menyalahi syarak (hukum Islam). Ini dianggap sebagai proses pembuktian.

Siapa Orang Yang Ahli dan Berkelayakan?

Siapakah orang yang sebenar-benarnya layak memberi pandangan atau keputusan dalam soal sebegini?

Kita ada **mufti bagi setiap negeri** yang diberi kuasa dan autoriti untuk mengeluarkan fatwa hukum dan kita ada **Jawatankuasa Fatwa** (JKF) pada **peringkat kebangsaan**. Pihak-pihak perbankan dan syarikat-syarikat kewangan pula mempunyai **panel syariah** yang terdiri daripada ilmuwan yang lazimnya berpendidikan dalam bidang kewangan Islam. Dalam masa yang sama di luar sana, terdapat sekian ramai **ilmuwan dalam bidang kewangan syariah** sama ada di institusi-institusi pengajian tinggi atau pada kedudukan tidak terikat dengan jawatan ditentukan seperti **penceramah atau pendakwah agama bebas**. Tanpa membezakan keterampilan keilmuan mereka, perselisihan pandangan atau percanggahan pendapat adalah sesuatu yang lazim sepertimana yang kita dapat saksikan dalam isu-isu semasa seperti sumpah *mubahalah*, yoga, pengkid, tangkap khalwat dan lain-lain.

Begitu juga dalam soal sesuatu produk dan transaksi kewangan sebagaimana isu paling penting menyentuh umat Islam di Malaysia iaitu **isu kehalalan Amanah Saham Bumiputra dan Amanah Saham Nasional.** Dalam keadaan sekarang, terdapat segolongan daripada masyarakat awam yang kini tidak mahu sekadar diberi maklum dan menerima bahawa hukum, keputusan atau fatwa perkara tersebut adalah begitu dan begini, tetapi mereka mahu meneliti alasan-alasan di belakang hukum, keputusan dan fatwa itu. Ya, benar! Tidak dinafikan ada yang mahu melihat kepada alasan-alasan itu dengan niat untuk mencari ruang untuk pertikaian. Namun segolongan masyarakat yang lain pula

mahu melihatkan kekuatan sebab dan hujah sama ada mendekati atau menuju kepada kehendak al-Quran dan sunnah dan dihasilkan dengan niat suci hati untuk menjaga kepentingan umat Islam demi mencari keredhaan Allah. Dalam erti kata lain juga, tiada kepentingan duniawi dalam mengeluarkan fatwa.

Terdapat ilmuwan-ilmuwan di luar sana yang mendapat tempat di hati masyarakat Islam. Mereka disukai lantaran kemantapan hujah-hujah mereka dan dalam masa yang sama kredibiliti, ketelusan dan keikhlasan mereka dipercayai masyarakat, bahawa mereka berbuat demikian kerana mencari keredhaan Allah biarpun kadangkala menyinggung pihak yang mempunyai kepentingan duniawi. Dalam hal ini, tidak semestinya pandangan dan keputusan mereka itu betul dan tepat namun yang pasti nilai merit[25] pandangan itu adalah tinggi.

METODOLOGI ATAU KAEDAH MENILAI HUJAH (HUJAH DIBIDAS DENGAN HUJAH)

Ini adalah bertepatan dengan prinsip undang-undang dan keadilan. Jika ada ilmuwan yang mempunyai pandangan dan hujah (khususnya yang bertentangan), maka dia harus membentangkannya. Ada banyak pihak yang mahu meneliti hujah-hujahnya. Jika tiada, maka baiklah diam sahaja. Dalam keadaan di mana tiada individu ilmuwan lain dalam bidang ilmu seumpama yang memberi pandangan balas dalam isu yang sama. Ini akan tambah memantapkan lagi pandangan yang pertama oleh ilmuwan tertentu itu biarpun

25 Sifat, kualiti, perbuatan, dan sebagainya yang patut layak mendapat kepujian atau penghargaan.

pandangannya itu dikatakan *'harsh'* (kasar, keras). Ia juga menguatkan lagi kebolehpercayaan terhadap kedudukan dan kekuatan hukum halal atau haram yang dibuatnya.

Jika ada pandangan berbeza daripada ahli atau ilmuwan berkelayakan yang lain dan hujahnya meyakinkan dan setanding dengan pandangan yang pertama oleh ilmuwan tertentu itu, maka ini akan membuka ruang kepada hujah balas. Begitulah seterusnya – berlakunya hujah balas yang lain atas dasar ilmu dan bukannya emosi. Maka di situ wujud suatu kelonggaran atau keselesaan untuk memilih dan menerima pakai pandangan yang mana satu. Cuma yang menjadi isu di sini ialah apakah yang sepatutnya menjadi sandaran dalam kita membuat pilihan? Adakah mendengar suara hati kita bahawa pandangan ilmuwan pertama itu lebih dipercayai atau memilih pandangan ilmuwan kedua yang lebih sesuai dengan keperluan kita seperti membolehkan kita meneruskan apa yang tergendala dahulu?

Bagaimana pula dari sudut persoalan hukumnya di sisi Allah. Adakah kita tidak bersalah memilih pandangan kedua atas alasan pandangan kedua itu dirasakan lebih praktikal dan sesuai dengan keperluan kita, sedangkan kita lebih percaya kepada pandangan pertama? Seperti kaedah transaksi yang diaplikasi atau pemakaian produk oleh bank Islam tertentu bersandarkan pandangan minoriti ulama.

Kemusykilan sebegini wujud dan akan terus wujud di Malaysia. Ada individu ilmuwan, yang kita dapati daripada penulisan dan penerangannya, bahawa beliau nampak begitu layak untuk memberi pandangan hukum. Malangnya beliau bukan mufti atau ahli JKF yang dilantik atau seseorang yang diberi autoriti oleh pihak berkuasa

bagi tujuan yang dimaksudkan. Beliau ini menyatakan dengan jelas bahawa tanpa hujah balas yang logik dan benar, jika tidak haram sekalipun paling kurang ia akan duduk di tangga *syubhah* (sesuatu hukum yang tidak diketahui dengan jelas hukum halal dan haramnya) kerana beliau bukan ahli majlis fatwa Malaysia.

Terpulang kepada kita untuk menilai dengan ilmu, iman dan ikhlas. Hendak ikut dan percaya atau tidak?

Diulang penyataan tadi bahawa, ***"Tanpa hujah balas yang logik dan benar, jika tidak haram sekalipun paling kurang ia akan duduk di tangga syubhah kerana beliau bukan ahli majlis fatwa Malaysia."***

Oleh itu, bukan harus, bahkan wajarlah pihak ilmuwan yang diamanahkan sesuai dengan jawatan yang dijawat untuk memberi pandangan yang berstatus fatwa dalam isu-isu permasalahan kewangan ini. Lantaran sering kali timbulnya pelbagai isu besar dan kecil dalam pasaran kewangan, tindakan segera dan efisien pihak-pihak mufti atau jabatan-jabatan berkaitan untuk memberi pandangan jelas adalah amat mustahak bagi menyelesaikan masalah kekaburan hukum sesuatu perkara.

Contoh paling relevan ialah kedudukan status halal pelaburan Amanah Saham Bumiputera yang dahulunya pernah dipertikai dengan hebatnya. Seorang ilmuwan dalam bidang Kewangan Syariah telah memberi pandangan mengenai kedudukan **ASB dari sudut syarak sebagai sesuatu yang tidak halal kerana terdapat unsur riba dan *gharar***. Pelbagai hujah dan autoriti telah diberikan. Kerana ketokohan dan dikenali ramai, pandangan beliau telah memberi kesan yang kuat kepada sebahagian anggota masyarakat. Kehalalan ASB telah diragui dengan kuat. Jika

ia tidak haram pun, hukumnya jatuh kepada syubhah. Dalam pada itu, sebahagian mufti dari negeri tertentu mengharamkannya manakala sebahagian mufti dari negeri tertentu yang lain mengharuskannya. Namun setelah semua mufti bersidang melalui forum JKF Kebangsaan, **fatwa terkini** dan lebih berpengaruh serta berkuatkuasa di Malaysia ialah **hukum ASB adalah harus, hasil wang daripadanya adalah halal.** Bak kata orang putih – *'plain and simple'*. Tiada tertakluk kepada apa-apa syarat atau terma.

Inilah status terkini kehalalan ASB. Tidak perlu dikecohkan dan digempakkan lagi. Bersyukurlah pelabur-pelabur Melayu Islam khususnya yang meniti usia tua segandingan usia ASB. Bergembiralah mereka yang terlibat dalam menjayakan program pelaburan ini seperti seluruh kakitangannya.

... bukan harus, bahkan wajarlah pihak ilmuwan yang diamanahkan sesuai dengan jawatan yang dijawat untuk memberi pandangan yang berstatus fatwa dalam isu-isu permasalahan kewangan ini.

Namun di luar sana, ada ilmuwan-ilmuwan yang tidak begitu sekongkol pandangannya dengan JKF Kebangsaan itu. Sebagai seorang yang mendambakan kepada ilmu, mengapa tidak diteliti hujah-hujah masing-masing. Tentu kita tertarik untuk mengetahui apakah hujah yang paling signifikan sehingga berjaya membuatkan seseorang mufti yang sebelum ini mengharamkan ASB, kini menghalalkannya pula! Setakat ini alasan-alasan bertulis kepada fatwa itu tidak diketahui sama ada telah ada didedahkan kepada umum atau diberi akses kepadanya.

Bagaimana pula dengan anda? Apakah 'fatwa' hati anda? Ya, sudah tentulah 'fatwa' hati yang dibimbing iman, bukan nafsu dan syahwat!

KESIMPULAN

1) Pada kedudukan undang-undang, sememangnya tiada kesan undang-undang, ikatan atau kuatkuasa atas pandangan ilmuwan kewangan bebas.

2) Pada perlaksanaan undang-undang syariah, kesalahan mengikut enakmen syariah negeri tertentu. Salah atau tidak juga bergantung kepada sama ada diperuntukan dalam enakmen kesalahan syariah dan ada penguatkuasaan. Setakat ini tidak pernah pula terdengar tentangnya.

3) Pada hukum syarak dan di sisi Allah ﷻ, terdapat beberapa persoalan:

   - Apa yang dapat difahamkan daripada pandangan seorang ilmuwan kewangan Islam iaitu apabila JKF (mufti-mufti) itu telah membuat keputusan mengharuskannya, maka ahli masyarakat awam boleh bergantung dengannya dan mengamalkan perkara itu. Bermakna sudah tentu memaksudkan perlakuan dan amalan itu tidak berdosa di sisi Allah ﷻ. Ini juga seperti memaksudkan bahawa jika fatwa itu salah di sisi Allah ﷻ, ahli masyarakat awam tetap juga tidak berdosa.

   - Apa yang dapat difahamkan daripada pandangan seorang ilmuwan kewangan Islam itu juga memaksudkan bahawa JKF (mufti-mufti) itulah

> yang bertanggungjawab kepada Allah سبحانه وتعالى atas fatwanya. Adakah ini bermaksud bahawa jika mereka tersalah dalam fatwa itu, mereka dikira berdosa di sisi Allah سبحانه وتعالى? Tidakkah di sebalik kesilapan mereka, mereka masih mendapat pahala atas usaha membuat fatwa yang dikira sebagai ijtihad, jika ia boleh dikatakan ijtihad?

Semoga kita dapat merujuk isu-isu sebegini kepada pihak alim ulama dan mendapat penjelasan yang memuaskan. Ini kerana sebagai orang awam yang terdiri daripada pelbagai jenis latar belakang yang berbeza sama ada dari sudut pendidikan, corak pemikiran, kegairahan syahwat dan kualiti ketaatan, kita memerlukan satu motivasi yang kuat untuk membezakan antara tunduk kepada kehendak pilihan darurat atau mendongak dagu dan menjingkit kaki untuk menggapai pilihan ketakwaan.

Hakikatnya kita tidak boleh mengetepikan pandangan ilmuwan yang tidak berjawatan rasmi. Pernah berlaku dalam sejarah seorang ulama atau mufti lantikan pemerintah atau kerajaan pada masa tertentu itu memberi fatwa yang amat penting tentang satu isu permasalahan yang memberi implikasi besar kepada kepentingan umat Islam ketika itu. Tetapi tiba-tiba seorang ulama bebas yang mempunyai reputasi tinggi (kerana keperibadiannya, ketinggian akhlaknya dan ketinggian ilmunya) telah mengeluarkan pandangan hukum yang berbeza atau mungkin bukan sekadar berbeza tetapi mencanggahi fatwa mufti yang pertama tadi. Bahkan atas keyakinan bahawa pandangan itu dibuat kerana 'takutkan Allah سبحانه وتعالى, dia menegur pandangan pertama sebagai silap dan perlu ditarik balik. Berikut adalah kisahnya:

Kisah Dua Ulama

Pada zaman pemerintahan Khalifah Yazid bin 'Abd al-Malik (meninggal 105H), gabenor Iraq ketika itu ialah 'Umar bin Hubairah. Gabenor tersebut telah memanggil dua orang tokoh ilmuwan besar umat Islam ketika itu iaitu 'Amir al-Sya'bi dan al-Hasan al-Basri. Beliau bertanya mereka berdua mengenai arahan-arahan Khalifah Yazid bin 'Abdul Malik yang datang kepadanya. Ada antara arahan itu yang menyanggahi kebenaran.

"Jika aku taatkan khalifah, aku menderhakai Allah, jika aku mentaati Allah aku akan menderhakai khalifah. Apa pendapat kamu?" soal 'Umar bin Hubairah.

"Engkau hanya menjalankan tugas, dosa ditanggung oleh khalifah," jawab 'Amir al-Sya'bi.

'Umar bin Hubairah kemudian bertanya pula kepada al-Hasan al-Basri, "Apa pendapatmu pula?"

"Wahai gabenor! Engkau telah pun mendengar pendapat al-Sya'bi tadi," jawab al-Hasan.

"Aku mahu pendapatmu," tegas gabenor itu.

"Wahai 'Umar bin Hubairah, akan datang kepadamu malaikat Allah سبحانه وتعالى yang bengis lagi tidak menderhakai perintah Allah سبحانه وتعالى, dia akan mengeluarkan engkau dari istanamu yang luas ke kuburmu yang sempit. Jika engkau bertakwa kepada Allah سبحانه وتعالى, Dia boleh melindungimu daripada tindakan Yazid bin 'Abdul Malik, adapun Yazid bin 'Abdul Malik tidak dapat melindungimu daripada tindakan Allah سبحانه وتعالى. Tidak ada ketaatan kepada makhluk dalam menderhakai Pencipta (Allah)," kata al-Hasan al-Basri.

"Wahai 'Umar bin Hubairah! Engkau jika bersama Allah ﷻ dalam ketaatan kepada-Nya, Dia memeliharamu daripada bahaya Yazid bin 'Abdul Malik. Namun jika engkau bersama Yazid dalam menderhakai Allah ﷻ, maka Dia serahkan engkau kepada Yazid," sambung Hasan al-Basri menyambung lagi.

Mendengarnya 'Umar bin Hubairah pun menangis, lalu ditanya al-Hasan, mengapakah beliau melakukan demikian?

"Kerana perjanjian yang Allah ﷻ meterai untuk para ulama berkaitan ilmu mereka, seperti firman Allah ﷻ di dalam surah Ali 'Imran ayat 187 (maksudnya): *(Ingatlah) ketika Allah mengambil perjanjian setia daripada orang yang telah diberikan kitab (iaitu): 'Sesungguhnya! Hendaklah kamu menerangkan isi kitab itu kepada umat manusia dan jangan sekali-kali kamu menyembunyikannya'.*"

BAB 14

Riba di Mana-mana!

- MANA-MANA pihak tidak boleh menyalahkan sesiapa pun atas terbongkarnya segala macam perkara-perkara yang seperti melemahkan kedudukan sesuatu perkara atau sesuatu usaha. Inilah realiti pahit, suasana di Malaysia yang mesti dihadapi dan ditangani oleh kita semua yang sayangkan Islam dan negara ini.
- Pertikaian akan selalu timbul terhadap perkara baru. Maka amat penting bagi sesuatu perkara baru yang dihasilkan atas nama kebaikan dibuat secara berhati-hati dan terbaik daripada semua sudut.
- Sebenarnya, perkara pertikaian dan masalah begini akan terus wujud dan berlaku. Sistem Islam tidak diguna pakai secara sepenuhnya. Sistem yang berkuasa sekarang ialah sistem sekular (sistem bukan Islam) yang telah berakar umbi. Sistem sekular ini telah mewujudkan pelbagai macam masalah dan kepincangan.
- Masalah-masalah yang menghantui ini menjadi suatu beban kepada masyarakat apabila kesedaran kepada sistem Islam mula 'bertapak dan berkembang' di hati.

Mereka meminta Islam menyelesaikan masalah dan kepincangan yang berlaku yang bukan disebabkan sistem Islam (tapi disebabkan sistem sekular). Sudah tentu menimbulkan pelbagai keserabutan dan masalah. Pelbagai pandangan hukum baru terpaksa dikeluarkan dan perkataan-perkataan darurat, maslahat, rukhsah, *hajiyyat* mula diberi 'nafas' baru dengan tafsiran yang lebih luas dan longgar.

- Hairan bin ajaibnya, prinsip pengecualian seperti ***darurat* yang diperluaskan dan bukannya sistem yang bermasalah itu diubah pinda** atau ditukar ganti kepada sistem yang syumul. Sampai bila? Proses perubahan berlaku, tetapi dengan 'kelajuan' berapa? Selama puluhan tahun sesudah merdeka, ramai orang kesayangan kita daripada kalangan peguam, pekerja bank, insurans dan lain-lainnya yang telah meninggalkan dunia. Entah apalah untung nasib mereka di sana.

Kerjasama semua manusia Islam dipohon. Masanya telah tiba untuk kita mendaulahkan sistem yang syumul dalam urusan kewangan kita. Laksanakan ia sebelum terlambat.

- Walaupun sistem Islam cuba diserapkan sedikit demi sedikit, praktisnya masih sangat sedikit. Kerana itu, berlaku '*clash*' (pertembungan) di sana sini. Kita takuti apa yang dilakukan pada masa sekarang sekadar suatu penyesuaian sahaja oleh sebahagian sistem Islam kepada sistem sekular, yang akibatnya mungkin lebih buruk.

- Sudah tiba masanya untuk usaha yang lebih ikhlas, telus dan bersungguh dilakukan di pihak pemerintah, ahli ekonomi dan pihak berkuasa agama dengan sokongan masyarakat bahawa sistem kewangan Islam mesti ditempatkan di kedudukan yang selayak baginya iaitu di atas, bukannya di bawah, dan bukan juga disamping (sistem sekular).

Sudah tiba masanya untuk berubah sebagaimana Allah ﷻ telah berfirman seperti berikut:

> *Bagi setiap manusia ada malaikat-malaikat bertugas silih berganti dari hadapannya dan dari belakangnya, yang mengawas dan menjaganya (daripada sesuatu bahaya) dengan perintah Allah.* ***Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri. Apabila Allah menghendaki untuk menimpakan kepada sesuatu kaum bala bencana (disebabkan kesalahan mereka sendiri),*** *maka tiada sesiapa pun yang dapat menolak atau menahan apa yang ditetapkan-Nya itu, dan tidak ada sesiapa pun yang dapat menolong dan melindungi mereka selain daripada Dia."* (Ar-Ra'ad 13: 11)

- Sudah tiba masanya juga untuk mengubah keseluruhan praktis. Kaedah dual sistem adalah alternatif untuk bukan Islam sahaja. Fatwa yang lebih tegas diperlukan bagi melarang dan mengharamkan umat Islam melanggan produk riba. Pekerja bank juga dilarang memasarkan produk riba kepada orang Islam. Undang-undang baru dibentuk memberi kuasa, kepada mahkamah sivil untuk membatalkan apa-apa perjanjian atau sebarang kontrak riba melibatkan orang Islam.

- Lantas apa lagi yang menghalang? Apa lagi yang melengahkan? Cukuplah. Sudahlah. **Jangan ada lagi alasan**.

- Kerjasama semua manusia Islam dipohon. Masanya telah tiba untuk kita mendaulahkan sistem yang syumul dalam urusan kewangan kita. Laksanakan ia sebelum terlambat. Sebelum tibanya suatu hari yang disebut dengan pelbagai nama di dalam al-Quran.

  1. *Yaumul al-ba'th* (hari kebangkitan).
  2. *Al-sa'ah* (masa/saat yang telah hampir).
  3. *Akhirat* (hari akhirat).
  4. *Yaum ad-din* (hari agama).
  5. *Yaum al-hisab* (hari dihisab amal).
  6. *Yaum al-fath* (hari pembuka bicara).
  7. *Yaum at-talaq* (hari pertemuan).
  8. *Yaum aj-jami* (hari perkumpulan).
  9. *Yaum at-taghabun* (hari penipuan dan kezaliman didedahkan).
  10. *Yaum al-khulud* (hari yang kekal).
  11. *Yaum al-khuruj* (hari dikeluarkan dari qubur).
  12. *Yaum al-hasrah* (hari penyesalan).
  13. *Yaum at-tanad* (hari saling memanggil/menyeru [untuk pertolongan]).
  14. *Al-azifah* (hari yang tidak jauh lagi).
  15. *At-tammah* (bencana besar).
  16. *As-sakhah* (tiupan sangkakala kedua).

17. *Al-haqqah* (musibah).
18. *Al-ghasiyyah* (huru-hara yang menyeluruh).
19. *Al-waqiah* (kejadian buruk yang tidak dapat disangkal).
20. *Al-qiyamah* (kiamat).

Sesungguh apabila tibanya hari itu, tidak mungkin lagi ada hari selepas itu (untuk bertaubat dan berbuat yang betul).

Artikel-artikel Menarik (*Bonus*)

BERIKUT ialah beberapa artikel penulis yang pernah tersiar di sebuah laman sesawang popular dan menerima antara 1,000 ke 3,000 *hits*.

RIBA – DOSA BESAR YANG PELIK?

Saya pernah menulis tentang ***"Umat Islam, Golf, Judi dan ... "*** dan menghantarnya ke sebuah laman sesawang. Ia telah dibaca atau dibuka lebih kurang 1,500 kali dalam masa sehari.

Sebelum itu saya menghantar artikel tentang ***Isu Riba: Masalah Ekonomi Diselesaikan Melalui Politik"***. Seingat saya, *hit*nya hanya sekitar 500 kali sahaja. Adakah ini bermaksud orang ramai lebih berminat tentang isu judi daripada isu riba? Adakah dosa judi lebih digeruni daripada riba? Baiklah, saya beralah. Tarikan orang ramai untuk membaca mungkin kerana adanya perkataan "Golf" itu.

Hakikatnya judi dan riba, kedua-duanya adalah dosa besar. Namun dari kategori dosa besar, tiada dosa besar yang Allah gambarkan dosanya seperti perang dengan Allah dan Rasul melainkan ia adalah dosa riba (seperti firman Allah dalam surah al-Baqarah).

Namun saya merasakan bahawa dosa riba kurang dihayati dan diimani oleh umat Islam di Malaysia ini. Jika benarlah begitu, ia mungkin kerana dua sebab iaitu:

1. Ia telah bersarang dalam urusan kewangan dan ekonomi sehingga menjadi tabiat buruk yang diterima.
2. Akibat kurang ilmu, ia dianggap dosa pelik?

Peliknya Dosa Riba?

Dosa riba ini sebenarnya dosa yang 'pelik' dan berbeza daripada kebanyakan bentuk dosa besar yang lain. Pelik yang dimaksudkan di sini merujuk kepada sikap dan respons manusia terhadap dosa ini. Masih terlalu ramai yang terlibat tetapi berbuat tidak tahu (walaupun tahu). Sebahagian mereka pula ada yang mula berfikir, berniat atau sampai ke tahap merancang untuk melepaskan diri namun usahanya tidak bersungguh-sungguh. Ada pula yang tidak begitu perihatin dalam urusan kewangan peribadi kerana walaupun mereka memfokuskan kepada bank Islam, masih ada sebahagian kecil urusan mereka yang berada dalam riba. Buat mereka ini, kita katakan bahawa kadar satu transaksi riba yang serius adalah atas minimum wang riba sekitar RM50.00 sahaja. Oleh itu, sebagai contoh jumlah RM50.00 yang dibiarkan di dalam akaun simpanan riba, sudah merisikokan panas api neraka.

Sebahagian manusia berasa hairan dan keliru kerana tidak nampak di mana besarnya dosa riba berbanding dosa

berzina, dosa minum arak atau sebagainya. Mereka tidak nampak kesan buruk kepada diri dan keluarga. Untuk mereka ini, kita katakan bahawa mereka sendiri yang gagal memahami tanda-tandanya.

Dosa riba adalah dosa besar. Malah lebih besar daripada sesetengah dosa besar yang lain. Namun kedudukannya agak 'pelik'. Tiada penguatkuasaan atas kesalahan dan perlakuan riba itu. Tidak seperti kesalahan zina. Bagi kes zina, ada penguatkuasaan, ada jabatan yang memantau perlakuan dosa ini, sampaikan timbul dakwaan dikatakan 'mengintip' atau 'menghendap'. Seterusnya bagi kes zina, ada proses bicara di mahkamah, ada hukuman denda dan penjara (walaupun bukan hukuman mengikut ketetapan syarak). Tetapi tiada penguatkuasaan sedemikian terhadap amalan riba. Bahkan, entahkan ada entahkan tidak, pandangan serong masyarakat kepada pelaku dan pengamal riba. Mungkinkah pengamal-pengamalnya adalah orang-orang kaya dan berduit yang kadangkala menjadi penyumbang terbesar dana masjid dan surau dan penyedekah juadah paling lazat semasa kenduri tahlil? Namun, bukan sekali, tetapi sudah banyak kali kita dimaklumkan oleh para ustaz bahawa dosa riba lebih berat daripada berzina. Lantas apa maksudnya?

Tiada perundangan atau undang-undang di Malaysia sama ada pada pihak sivil atau pihak syariah, pada peringkat

pusat atau Jabatan Agama negeri, yang menghalang kita melanggan produk riba. Jadi, bagaimana hendak timbul rasa bersalah atau berdosa? Atau bagaimana hendak menyalahkan orang Islam yang melanggan jika ia dibenarkan untuk dilanggan?

Kesimpulannya

Riba adalah dosa yang pelik kerana biarpun ia dosa besar yang betul-betul besar, tetapi tidak diberikan 'PENGHORMATAN' yang selayak baginya – oleh kerajaan dan masyarakat kita. Kesannya, timbul salah tanggapan, keraguan dan ketidakyakinan tentang status riba sebagai dosa besar. Situasi ini juga mungkin telah menimbulkan perasaan dalam hati kebanyakan manusia bahawa dosa besar riba ini tidaklah sebesar mana. Astaghfirullah ... .

Ingatan

Amalan riba telah terlalu meluas. Ia melibatkan wang dan perbankan, menjadi tunjang industri kewangan, memenuhi keperluan nafsu dan keseronokan. Pada masa kini, kekuatan perbankan riba masih menguasai pasaran, jauh mengatasi perbankan Islam. Ini menunjukkan terdapat lambakan produk riba di pasaran sama ada dalam bentuk pinjaman, pelaburan, simpanan, kredit kad dan sebagainya. Kekuatan wang yang besar pada dana-dana riba ini membolehkan produk-produk riba diiklankan, dipromosi dan ditonjolkan. Ia digambarkan dan divisualisasikan secara begitu menarik dan hebat, jimat dan menguntungkan.

Proses penyebaran maklumat, pengiklanan dan promosi yang begitu meluas dengan kadar kekerapan yang tinggi dilakukan melalui pelbagai media massa (televisyen, radio,

akhbar-akhbar, Internet, *cineplex*, pusat-pusat membeli-belah, di majlis dan festival, rumah ke rumah, panggilan telefon, pos, SMS, kenderaan-kenderaan awam, kain rentang dan poster, di premis-premis perbankan dan pelbagai bentuk medium lagi) hingga menyebabkan mereka sampai hadir 'dalam mimpi-mimpi kita'!

Penawar-penawar riba ini digembleng oleh suatu kumpulan manusia yang begitu fokus dalam kerja dan perniagaan mereka. Mereka begitu mesra, bersemangat dan efisien dalam tugasan dan perkhidmatan mereka. Layanan baik mereka ini menjadikan kita sentiasa gembira dengan mereka dan produk mereka, dan kita akan kembali dan kembali kepada mereka apabila sahaja kita memerlukan. Kita dan generasi kita kekal menjadi pelanggan setia.

Renungkan fenomena berikut. Seorang lelaki muda yang mempunyai penghayatan agama yang sederhana dan sedikit pengetahuan mengenai ilmu riba. Baru setahun dua bekerja dan mengumpul wang. Ingin berumah tangga, ingin membeli kereta, ingin membeli rumah, namun masih tidak cukup wang biarpun gajinya dikira boleh tahan. Penat berfikir untuk menyelesaikan masalah, lalu beliau singgah masuk ke sebuah pusat membeli-belah, kononnya untuk merehatkan minda. Tiba-tiba si teruna dihampiri gadis jelita dan manja dari kaunter promosi suatu bank konvensional di pusat membeli-belah itu. Dengan lembut dan bersopan si gadis berkata, "Abang, singgahlah sekejap. Kami ada tawaran istimewa kad kredit. Syarat kelulusannya mudah sahaja." Kata-katanya disertakan dengan senyuman melirik ayu. Lantas apa berlaku?

One thing leads to another ... satu perkara membawa kepada suatu perkara lain. Akhirnya tanpa disedari berlaku keterlanjuran yang disesali ... .

Penyelesaian Sementara

Oleh itu kaedah menangani dosa riba adalah berbeza. Ia perlukan kekuatan diri sendiri. Tiada bantuan daripada pihak berkuasa atau undang-undang. Tiada paksaan! **Benteng cegahan hanyalah disandarkan kepada kekuatan akidah dan iman!**

23/7/2009
http://abu-dubeis.blogspot.com/

ORANG ISLAM, GOLF & JUDI (Merujuk Fatwa Negeri Johor)

Buat seketika, bebaskan minda tuan-tuan dan puan-puan sekalian daripada isu-isu politik. Mari saya hidangkan untuk anda semua isu "Judi oleh Orang Islam dalam Sukan Golf." Tidak kira orang itu penyokong parti politik apa sekalipun, saya percaya terdapat ramai di kalangan mereka yang bermain golf. Orang-orang di jabatan/majlis agama pun sudah mula berkecimpung dalam sukan ini. Malah seorang sahabat saya menyatakan bahawa ada orang dari organisasi Islam pun sudah mula main golf?

Telinga saya terasa panas apabila dikatakan tujuan main golf adalah untuk *marketing* (pemasaran). Bak kata mat saleh celup: '*That is a big ... LIE*'.

'*Sorry bro, I got carried away.*' Terbawa-bawa pula perasaan ini.

Golf adalah sukan terbaik yang dicipta manusia. Golf ialah *game* yang '*fun*' dan '*thrill*'. Golf menekankan kemahiran (*skills*), konsistensi, strategi dan keberanian (kata pemain golflah).

Pernyataan paling indah ialah golf adalah sukan atau *game* yang paling adil. Ini kenyataan yang betul pada sejarahnya. Tetapi kini sudah banyak penipu dalam golf – tipu *handicap*. Sukan golf kini diserta ramai orang Islam dari pelbagai golongan dan kasta masyarakat. Tiada lagi terhad kepada kelas atasan. Mereka ialah ahli perniagaan, kontraktor, pengurus bank, kakitangan biasa kerajaan, kakitangan biasa swasta, guru-guru (termasuk yang belum pencen) yang di antara mereka sama ada (daripada golongan) yang tidak disangka atau disangka ataupun yang diharapkan atau tidak diharapkan (untuk bermain golf).

Segolongan pengurus cawangan bank yang dikenali (sebenarnya bukan bank tapi orang ramai anggap macam bank, cuba teka!) memang pemain-pemain golf handal dengan *handicapped* yang rendah. Berapa lama agaknya bakat perlu diasah di padang golf untuk handal begitu di samping berusaha mengembangkan kegiatan dan produk-produk perbankan Islam?

Percaya atau tidak bahawa sudah ada kakak-kakak kontraktor Muslimah yang 'dijangkiti' wabak gian golf ini. Bagi pemain-pemain golf lelaki, suasana hijau merimbun kini diserikan dengan kehadiran 'bunga-bunga moden'. Cuma tidak diketahui sama ada ia jenis yang selamat atau beracun. Keriuhan sang monyet, cengkerik dan unggas kini diselang-seli dengan gelak ketawa menggoda atas aksi-aksi *'miss birdie'* oleh pemain-pemain golf Muslimah ini.

Malangnya, entah siapa pengasas sebenar, sebahagian daripada pemain golf yang berminda 'kreatif' telah mewujudkan formula-formula dan kaedah-kaedah permainan golf yang dikatakan menjadikan sukan golf lebih '*thrill*' dan *'best'*. Formula dan kaedah ini antaranya adalah apa yang dikenali sebagai *baccarat* (bakarat), Las Vegas, *pool*,

insurance dan sebagainya. Kepelbagaian formula dan kaedah permainan golf yang telah diamalkan sekian lama ini akhirnya telah menimbulkan kemusykilan kepada sebilangan pemain golf Islam sama ada terdapat padanya unsur pertaruhan atau perjudian yang sangat dilaknati oleh Allah dan Rasul.

Benarkah wujud isu **Judi dalam Golf**? Isu kemusykilan ini mesti diselesaikan '*once for all*'. Ia mesti diselesaikan sejelas-jelasnya. Umat Islam yang masih tidak jelas akan perkara ini akan terus-menerus bergantung kepada ijtihad sendiri (yang tidak sah).

Terlalu ramai yang telah terlibat termasuk juga rakan-rakan haji, pengurus perbankan konvensional, termasuk yang bukan konvensional (tidak tergamak hendak menyebutnya), rakan-rakan marhaban dan rumah terbuka, rakan niaga, jemaah sesurau, teman-teman ketawa dan sebagainya. Justeru, atas keseriusan isu ini dan juga kerana penglibatan ramainya umat Islam dalam sukan golf, pihak Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor (Jabatan Mufti Negeri Johor) telah mengeluarkan keputusan fatwa yang saya ringkaskan seperti berikut:

Kaedah *Pool*

- Berhubung dengan permainan *POOL* yang ada melibatkan persetujuan sesama pemain untuk menyumbang wang pada kadar tertentu bagi tujuan membayar harga makanan dan minuman di *clubhouse* atas dasar redha-meredhai, tiada tekanan dan tiada perasaan tidak berpuas hati di atas jumlah yang ditentukan sesama mereka, maka ia adalah harus.
- (*Proviso* – Dengan Syarat). Akan tetapi sekiranya

duit yang disumbangkan oleh setiap pemain tersebut diberikan kepada pemain yang mendapat markah (*score*) tertinggi, maka ia adalah dilarang kerana terdapat unsur perjudian walaupun dalam jumlah yang sedikit.

Cadangan saya – Maka elemen judi dalam sistem *pool* boleh dihapuskan dengan memastikan apa-apa lebihan wang dihabiskan kepada makan dan minum bersama.

Kaedah *Bakarat*, *Las Vegas* atau Lain-lainnya

Manakala permainan golf secara kaedah *bakarat*, *Las Vegas* atau seumpamanya yang melibatkan pertaruhan wang yang dinilaikan ke atas bola sama ada jumlah wang itu kecil atau besar, untuk suka-suka, untuk belajar cara mengira atau memahami permulaan permainan itu, masing-masing redha-meredhai, sekadar sampingan untuk menjadikan permainan lebih menarik dan mencabar, atau atas apa alasan jua pun, maka ia adalah **haram kerana terdapat unsur pertaruhan dan perjudian**.

Perbuatan ini merupakan salah satu daripada dosa besar dan segala hasil daripada perjudian tersebut adalah haram. Sesiapa yang terlibat hendaklah berhenti meninggalkan permainan golf menggunakan kaedah ini serta perlulah bertaubat dengan taubat nasuha dengan segera.

Memastikan Hukum HARUS Bermain Golf (Bukannya HARAM) [Penting!]

Oleh itu bagi mengekalkan keharusan permainan golf ini, maka semua yang terlibat wajib mematuhi syarat-syarat berikut:

1. **Tidak ada unsur perjudian**. Jika ada perkara yang dikategorikan sebagai judi maka ia akan menjadi haram. Bahkan ia merupakan salah satu daripada dosa besar. Perkara-perkara yang dimaksudkan sebagai judi adalah seperti berikut:

   a) Sama ada ia sesuatu permainan yang **menggunakan wang taruhan** daripada peserta, atau;

   b) Setiap permainan yang disyaratkan padanya **seseorang yang menang akan memperolehi sesuatu daripada yang kalah**, atau;

   c) Sesuatu bentuk permainan yang **mengandungi sebarang unsur pertaruhan daripada pemain** dan orang **yang menang dalam permainan itu berhak mendapat taruhan tersebut**, atau;

   d) Apabila **adanya pertaruhan yang dikeluarkan oleh semua peserta**. Pertaruhan daripada peserta inilah yang akan dijadikan ganjaran bagi sesiapa yang menangi sesuatu pertandingan, atau;

   e) Setiap yang menyertai pertandingan **tidak akan terlepas daripada dua kebarangkalian (risiko) iaitu sama ada mendapat keuntungan ataupun kerugian**. Seseorang itu akan mendapat keuntungan apabila ia memenangi sesuatu pertandingan kerana ia akan mengaut semua pertaruhan peserta-peserta lain. Manakala jika kalah, ia akan menanggung kerugian kerana kehilangan wang pertaruhan yang dikeluarkan.

Perhatian: Pada zaman sekarang, pertaruhan dikutip melalui cara yang kadang-kadang tidak disedari oleh para peserta pertandingan. Antaranya ialah dengan

menggunakan istilah-istilah lain seperti 'wang pertaruhan', 'yuran pertandingan' dan sebagainya kecuali wang penyertaan itu digunakan untuk pengurusan bukan hadiah. Kadangkala ia dikutip secara tidak langsung, seperti melalui bayaran panggilan telefon yang dikenakan bagi peserta yang berminat untuk menyertai suatu pertandingan. Dalam semua keadaan di atas, jika pada hakikatnya hadiah yang disediakan adalah daripada sumber yang dikeluarkan oleh peserta, maka ia adalah dikira sebagai suatu perjudian.

2. Permainan golf itu **tidak menghalang daripada mengingati Allah** dan menunaikan solat.
3. **Tiada unsur yang dilarang dan dibenci oleh syarak**, misalnya disebabkan permainan golf seseorang itu berpaling daripada tanggungjawabnya.
4. **Tidak membuang masa** dengan permainan golf sehingga menyebabkan tertinggal dan terabainya segala hak dan kewajipan yang wajib ditunaikan.
5. Tidak membiasakan diri dengannya **sampai ke tahap ketagih**.
6. Tidak ada unsur **pembaziran.**

Permainan Golf Melibatkan Hadiah

Semua jenis permainan dan pertandingan, walaupun melibatkan hadiah, adalah harus dan dibenarkan apabila ia memenuhi syarat-syarat berikut:

1. Permainan dan pertandingan tidak menyalahi mana-mana prinsip syarak.
2. Permainan dan pertandingan itu boleh membawa

kepada manfaat dan faedah tertentu yang digalakkan oleh syarak, misalnya untuk merapatkan hubungan persaudaraan di dalam masyarakat, keluarga dan sebagainya.

3. Permainan dan pertandingan itu tidak membawa kepada kelekaan. Maksudnya, ia tidak menjadi penyebab kepada cuainya seseorang dalam menjalankan tanggungjawab asasi sebagai hamba Allah, pekerja, ketua keluarga dan lain-lain.

4. Permainan dan pertandingan itu tidak bertentangan dengan kepentingan dan keperluan seseorang, misalnya orang miskin yang sibuk bermain golf.

5. Hadiah kepada peserta yang menang disediakan oleh pihak ketiga (penaja).

Nas Al-Quran dan Hadis

Islam telah mengharamkan semua unsur perjudian sama ada melalui permainan, hiburan dan sebagainya. Allah ﷻ dan Rasul-Nya mengharamkan judi dan menyuruh umat Islam menjauhinya kerana ia adalah perbuatan keji dan ia adalah perbuatan syaitan serta tergolong daripada dosa-dosa besar. Judi adalah salah satu perbuatan yang boleh mengeruhkan hubungan sesama manusia dalam sesebuah masyarakat. Ia juga mencacatkan hubungan dengan Tuhan. Mereka yang melakukannya (melanggar larangan Allah) tidak akan mendapat keberkatan di dunia dan akhirat.

Di dalam al-Quran *al-maisir* (judi) disebutkan sebanyak tiga kali, sebagaimana Allah ﷻ berfirman yang tafsirnya:

Mereka bertanya kepadamu (Wahai Muhammad) mengenai arak dan judi. Katakanlah: "Pada keduanya

ada dosa besar dan ada pula beberapa manfaat bagi manusia, tetapi dosa kedua-duanya lebih besar daripada manfaatnya." Dan mereka bertanya pula kepadamu. apakah yang mereka akan nafkahkan (dermakan)?" Katakanlah, "(Nafkahkanlah apa-apa) yang berlebihan daripada keperluan (kamu)." Demikianlah Allah menerangkan kepada kamu ayat-ayat-Nya (keterangan-keterangan hukum-Nya) supaya kamu berfikir. (Al-Baqarah 2: 219)

Firman-Nya lagi, tafsirnya:

Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak dan judi, dan pemujaan berhala, dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah (semuanya) kotor (keji) daripada perbuatan syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya. (Al-Ma'idah 5: 90)

Dan firman-Nya yang lain, maksudnya:

Sesungguhnya syaitan itu hanyalah bermaksud mahu menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara kamu dengan sebab arak dan judi, dan mahu memalingkan kamu daripada mengingati Allah dan daripada mengerjakan sembahyang. Oleh itu, mahukah kamu berhenti (daripada melakukan perkara-perkara yang keji dan kotor itu) atau kamu masih berdegil? (Al-Ma'idah 5: 91)

Oleh itu sesiapa yang terlibat dengan amalan berjudi, maka dia telah melakukan dosa besar. Risiko balasan dan kesudahannya ialah neraka Allah. Adalah perlu difahami

bahawa dosa atas penglibatan kepada satu perlakuan atau amalan judi menimpa kepada sesiapa sahaja yang terlibat dalam perlakukan itu iaitu sama ada secara aktif atau pasif, langsung atau tidak langsung mengikut kadar sokongan dan sumbangannya dalam perlakuan dosa itu. Sumbangan itu boleh jadi dalam bentuk seperti memberi kerjasama, bantuan, galakan, turut bergembira, bersama merai, memakan hasilnya dan lain-lain.

Dalil-dalil

Seperti maksud ayat al-Quran:

> *... janganlah pula kamu bantu-membantu pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan (melampaui batas-batas ajaran Allah) ...* . (Al-Maidah 5: 2)

Dalam satu hadis Nabi ﷺ pula:

> *Rasulullah ﷺ melaknat tentang arak, atas sepuluh golongan: (1) yang memerahnya, (2) yang minta diperahkan untuknya, (3) yang meminumnya, (4) yang membawanya, (5) yang minta dihantarinya, (6) yang menuangkannya, (7) yang menjualnya, (8) yang makan harganya, (9) yang membelinya, (10) yang minta dibelikannya.”* (Riwayat Tirmizi dan Ibnu Majah)

Walaupun hadis di atas menyebut bab arak, ia merangkumi perkara haram yang lain berdasarkan kepada kaedah *qiyas* dalam Islam. Begitu jugalah dalam hal judi.

(Jawatankuasa Islam Kelab Golf perlulah memperjuangkan supaya pekerja Islam di *Clubhouse* dilarang memberi kerjasama dalam menghidang dan menjual arak.)

Kesimpulan dan Nasihat

Yang sudah itu, sudahlah. Kembalikan diri kita kepada ketaatan kepada Allah secara komprehensif. Janganlah kita berhujah lagi. Ini adalah pendapat hukum terkuat dan sangat menghampiri kepada keredhaan Allah. Apabila dirujuk maksud dan kaedah dalam menentukan sesuatu permainan atau perkara itu adalah judi atau mempunyai unsur judi mengikut pandangan ulama-ulama, maka kedudukan hukum fatwa tersebut dalam sukan golf adalah tepat dan kuat.

Organization of the Islamic Conference, Islamic Fiqh Academy atau Kesatuan Fiqh Sedunia dalam sidangnya yang ke-14 pada 8-13 Zulqaedah 1423H (11-16 Januari 2003) telah memutuskan (keputusan nombor 127 (14/1):

Bahawa semua permainan dan pertandingan yang HADIAHNYA diambil daripada hasil kumpulan wang penyertaan peserta. Hukumnya adalah HARAM HADIAH TERSEBUT. Kerana ia mengandungi unsur Judi.

Saya juga suka mencadangkan tuan-tuan membaca buku *Travelog Haji & Dakwah* oleh Prof. Muhammad Kamil Ibrahim (tokoh akademik di UiTM Segamat). Beliau adalah pemain golf dan telah menulis tentang golf dalam salah satu bab di dalam bukunya itu. Semoga semua sahabat *golfer* Islam dapat menerima perkara ini dengan hati terbuka. Namun, terserahlah kepada setiap individu diri untuk menerima atau tidak.

> *Maha Tinggi dan Maha Suci Allah Yang menguasai segala pemerintahan (dunia dan akhirat) dan Dia Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu; Dialah Yang telah menciptakan adanya mati dan hidup untuk kamu: siapakah antara yang lebih baik amalannya. Dia Maha Perkasa (dalam melakukan pembalasan*

terhadap orang yang derhaka) lagi Maha Pengampun (bagi orang yang bertaubat). (Al-Mulk 67: 1-2)

8/7/2009
http://abu-dubeis.blogspot.com/

Bibliografi / Rujukan

Terjemahan al-Quran dan hadis-hadis Nabi Muhammad SAW.

Quran Saintifik. Dr. Danial Zainal Abidin. PTS Millenia Sdn. Bhd. Selangor, (2007).

Minda Muslim Super. Dr. Danial Zainal Abidin. PTS Millenia Sdn. Bhd. Selangor (2008).

Fiqh Keutamaan. Prof. Dr. Yusuf Abdullah Al-Qaradawi (Terjemahan Ahmad Nuryadi Asmawi). Masterpiece Publication Sdn. Bhd. Selangor, (2006).

Fatwa-fatwa Semasa. Dr. Yusuf El-Qaradawi (Terjemahan Ustaz Sulaiman Ibrahim). Pustaka Aman Press Sdn. Bhd., (1992).

Halal dan Haram Dalam Islam. Prof. Dr. Yusuf Al-Qaradawi (Terjemahan Syed Ahmad Semait). Pustaka Islamiyah Pte Ltd, (2007).

Dosa-dosa Besar. Muhammad bin Ahmad bin Usman adz-Dzahaby (Terjemahan Syed Ahmad Semait). Pustaka Nasional Pte Ltd Singapore, (2005).

Riba Membius Anda. Abul A'la Al Maududi (Terjemahan oleh Muhammad bin Abdullah). Pustaka Mujadid, Kuala Lumpur, (1994).

Taubat Kepada Allah. Prof. Dr. Yusuf al-Qaradawi (Terjemahan Ustaz Mohammad Zaini bin Yahya). As-syabab Media, (2001).

Bagaimana Anda Mencapai Darjat Yang Tinggi di Syurga. Syeikh Dr. Muhammad bin Ibrahim (Terjemahan Ustaz Haji Ahmad Asri Lubis bin Hj Abu Samah), (2005).

Wang, Anda dan Islam. Zaharuddin Abd. Rahman. Truewalth Sdn. Bhd., (2008).

Hadith 40. Susunan Imam Muhyiddin Abu Zakriyya Yahya bin Sharif Al-Nawawi (Terjemahan dan Syarah oleh al-Ustadh Mustafa Abdul Rahman). Dewan Pustaka Fajar, Selangor, (2005).

Kitab Tauhid Diperakui oleh Fakta Sains. Abdul Majid Aziz az-Zindani. Pustaka Salam Sdn. Bhd. Kuala Lumpur, (2004).

Riba, Bunga Bank & Persoalannya. Muhammad Thalib. Darul Nu'man, (1997).

Tasawwur Islam Jilid 3 96/97, Jurnal Perspektif Islam ISSN: 0128-8970, Jabatan Agama Islam Melaka.

The Text of The Historic Judgement On Riba 23 December 1999 (The Supreme Court of Pakistan) oleh Justice Muhammad Taqi Usmani. The Other Press, Petaling Jaya, (2001).

Undang-undang Muamalat & Aplikasinya Kepada Produk-produk Perbankan Islam. Abdul Halim El-Muhammady, Fakulti Undang-Undang UKM.

Sistem Kewangan Islam dan Perlaksanaannya di Malaysia. Ab. Mumin Ab. Ghani. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Kuala Lumpur, (1999).

Nilai Masa Wang Dalam Skim Perbankan Islam. Muhammad Hisyam Bin Mohamad, Fellow IKIM, 23/10/2007.

Umat Islam Zaman Mutakhir – Masalah dan Penyelesaian. Prof. Dato Dr. Haron Din.

Muharramat – Forbidden matters some people take it lightly. Muhammad Salih Al-Munajjid.

Himpunan Fatwa Mufti Kerajaan Mengenai Isu-isu Kewangan 1962-1999 Negara Brunei Darussalam. Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei, (2000).

Fatwa dan Mufti, Hukum Etika dan Sejarah. Zulkifli Mohamad Al-Bakri. Terbitan Universiti Sains Malaysia.

Issues In Law & Syariah – Universiti Sains Islam Malaysia in conjunction with the renaming of KUIM to USIM, (2007).

Artikel-artikel mengenai riba.

Dapatkan Buku-buku Terbitan Galeri Ilmu Sdn. Bhd.

Keimanan Cinta
RM18.00 / RM20.00*

Selamat Pagi Cikgu!
RM19.00 / RM21.00*

Noorah
RM20.00 / RM22.00*

Ramadan Terakhir
RM19.00 / RM21.00*

Labbaikallah
RM19.00 / RM21.00*

Begini Sayang
RM19.00 / RM21.00*